

# SO → S



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**SOCIAL SECURITY ORGANISATION**

## **LAPORAN TAHUNAN** ANNUAL REPORT 2012



# 5.88

juta pencarum  
million contributors

# 5.30%

peningkatan majikan berdaftar  
increase in registered employers

# 3.19%

peningkatan pekerja berdaftar  
increase in registered employees

# 4.10%

peningkatan majikan aktif  
increase in active employers



“ Perlindungan  
Keselamatan  
Sosial Anda ”

# KANDUNGAN

## CONTENTS

- 07 Ahli Lembaga  
Board Members
- 21 Ahli Panel Pelaburan  
Investment Panel Members
- 26 Kumpulan Pengurusan  
Management Team
- 33 Profil Korporat  
Corporate Profile
- 41 Perutusan Pengerusi  
Chairman's Statement
- 57 Perutusan Ketua Eksekutif  
Chief Executive's Statement
- 69 Petunjuk Utama Prestasi  
Key Performance Indicators
- 109 Laporan Aktiviti  
Activity Reports
- 151 Diari Korporat  
Corporate Diary
- 167 Penyata Kewangan  
Financial Statements
- 213 Laporan Statistik  
Statistics Reports



#### RASIONAL LOGO

Logo PERKESO dilancarkan pada tahun 1986. Tiga figura secara simbolik melambangkan semangat kerjasama di antara kerajaan, majikan dan pekerja ke arah mencapai matlamat keselamatan sosial pekerja.

Bentuk-bentuk heksagon yang rapat melambangkan peranan tiga pihak iaitu kerajaan, majikan dan pekerja dalam pembangunan negara melalui program keselamatan sosial.

Tiga segi seperti piramid menuju ke atas melambangkan bahawa PERKESO adalah sebuah pertubuhan yang dinamik dalam memberi perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja.

Warna biru mencerminkan keadilan sosial dalam pentadbiran keselamatan sosial dan hijau mencerminkan keharmonian, kesegaran dan kecergasan yang diperlukan bagi menjamin pencapaian perlindungan keselamatan sosial.

#### LOGO'S RATIONALE

SOCSSO's logo was launched in 1986. The three figures symbolise the spirit of cooperation between the government, employer and employee towards achieving employees' social security objectives.

The interlocking hexagons portray the roles of the three parties i.e. the government, employer and employee in the development of the nation through social security programmes.

The three pyramid-like triangles pointing upwards depict SOCSSO as a dynamic organisation providing social security protection to employees.

The blue colour represents social justice in the administration of social security and green represents the harmony, freshness and vitality required to ensure social security protection is achieved.



Kementerian Sumber Manusia  
Ministry of Human Resources



**YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
Menteri Sumber Manusia  
Minister of Human Resources



**YB SENATOR DATO' MAZNAH BINTI MAZLAN**  
Timbalan Menteri Sumber Manusia  
Deputy Minister of Human Resources

# 5.30%

peningkatan majikan berdaftar  
increase in registered employers

Bilangan majikan berdaftar pada 2012 telah meningkat sebanyak 5.30% kepada 863,338 majikan berbanding 819,915 pada 2011.

The number of registered employers in 2012 rose by 5.30% to 863,338 employers compared to 819,915 in 2011.



**AHLI LEMBAGA**  
**BOARD MEMBERS**

**Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid**

Pengerusi  
[Chairman](#)

**Encik Abdul Malik bin Adam**

Wakil Kementerian Sumber Manusia  
[Representative For Ministry Of Human Resources](#)

**Cik Azah Hanim binti Ahmad**

Wakil Kementerian Kewangan  
[Representative For Ministry Of Finance](#)

**Dr. Hj. Daud bin Abdul Rahim**

Wakil Kementerian Kesihatan  
[Representative For Ministry Of Health](#)

**Encik Ramadass a/l Arumugam**

**Encik John Chua Kheng Chew**

**Dr. Michael Chiam Tow Hui**

**Encik Khoo Choom Kwong**

Ahli Mewakili Majikan  
[Members Representing The Employers](#)

**Encik A. Navamukundan**

**Hj. Mohamad Ibrahim bin Hj. Hamid A.B.S**

**Encik Abdul Halim bin Mansor**

**Cik Catherine Jikunan**

Ahli Mewakili Orang Berinsurans  
[Members Representing The Insured Persons](#)

**Dato' Dr. Vasan Sinnadurai**

**Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin**

**Encik Lee Siang Chin**

Ahli Yang Mempunyai Pengalaman Dalam  
Keselamatan Sosial  
[Members With Experience In Social Security](#)

**Datuk K. Selvarajah**

Ketua Eksekutif  
[Chief Executive](#)

**Encik Johari bin Tarmuji**

Setiausaha Lembaga  
[Board Secretary](#)

**Encik Abdullah Kamal bin Ahmad**

Penolong Setiausaha Lembaga  
[Board Assistant Secretary](#)

**Dato' Abdul Aziz bin Abu Bakar**

**Encik Si Kiang Seng**

**Encik Mohammed Amin bin Aziz**

**Encik Ismail bin Assim**

Ahli Silih Ganti  
[Alternate Members](#)

**Datuk Abu Huraira Bin Abu Yazid**

Pengerusi Lembaga  
Chairman of the Board

Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga bermula pada 1 Ogos 2009. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan beliau adalah seorang yang berpengalaman luas dalam bidang kewangan, industri logistik dan pos. Antara sektor korporat yang pernah mendapat khidmat beliau termasuklah Pos Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Public Bank, Citibank, Chase Manhattan (sekarang dikenali sebagai JP Morgan Chase), Maybank dan pernah dilantik sebagai Ahli Penasihat Kumpulan VISA Antarabangsa. Ketika ini, beliau adalah Pengerusi Lembaga Pengurusan Risiko dan juga salah seorang Ahli Lembaga di United Overseas Bank (Malaysia).

Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid has been appointed as Chairman of the Board beginning on 1 August 2009. He holds a Bachelor of Economics and has extensive experience in finance, logistics and postal industries. He had served in Pos Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Public Bank, Citibank, Chase Manhattan (now JP Morgan Chase), Maybank and appointed as a member of the International Advisory VISA Group. Currently, he is the Chairman of Risk Management Board and also a Board Member of United Overseas Bank (Malaysia).



**Datuk K. Selvarajah**

Ketua Eksekutif  
Chief Executive

Datuk K. Selvarajah telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif PERKESO pada 11 November 2008. Berkelulusan Ijazah Sarjana Perhubungan Perusahaan dari University of Bath, United Kingdom dan pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Berpengalaman luas dalam sektor awam di pelbagai Jabatan dan Kementerian. Sebelum menyertai PERKESO, beliau merupakan Pengarah Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Jabatan Kimia Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (2003-2008); Ketua Penolong Pengarah (Perancangan & Pembangunan), Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri (1996-2003); Pengarah Perancangan & Pembangunan, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (1991-1996); Penyelaras Program, Pusat Pembangunan Pengurusan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) (1986-1991); Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perundingan, Jabatan Perkhidmatan Awam (1982-1984); Penolong Pengarah, Pasukan Petugas Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (1980-1982) dan Penolong Pengarah (Perdagangan Antarabangsa), Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (1977-1980). Selain itu beliau telah menerima penghormatan sebagai *Honorary Fellow of the Faculty of Occupational Medicine, Royal College of Physicians Of Ireland*.

Datuk K. Selvarajah was appointed as SOCSO's Chief Executive on 11 November 2008. He holds a Master in Industrial Relations from the University of Bath, United Kingdom and a Bachelor of Economics from the University of Malaya, Kuala Lumpur. His vast experience in the public sector spans in various departments and ministries. Before joining SOCSO, he was the Director of Management Services and Human Resources, Chemistry Department, Ministry of Science, Technology and Innovation (2003-2008); Principal Assistant Director (Planning & Development), Office of the Chief Registrar of the Federal Court, Prime Minister's Department (1996-2003); Director of Planning & Development, Legal Affairs Division, Prime Minister's Department (1991-1996); Programme Coordinator, Centre for Management Development, Institute of Public Administration (INTAN) (1986-1991) and Principal Assistant Director, Negotiation Division, Public Services Department (1982-1984); Assistant Director, Pension Task Force, Public Services Department (1980-1982) and Assistant Director (International Trade), Ministry of Trade and Industry (1977-1980). In addition, he was made the Honorary Fellow of the Faculty of Occupational Medicine, Royal College of Physicians Of Ireland.



**Encik Abdul Malik Bin Adam**

Wakil Kementerian Sumber Manusia  
Representative For Ministry Of Human Resources

Encik Abdul Malik bin Adam mula bertugas sebagai Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia mulai 2007. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Kementerian Sumber Manusia mulai 1 Julai 2008. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya.

Mr. Abdul Malik bin Adam has been the Secretary of Human Resources Management Division, Ministry of Human Resources since 2007. He was appointed to the Board representing the Ministry of Human Resources since 1 July 2008. He holds a Master of Business Management from the National University of Malaysia (UKM) and a Bachelor Degree in Applied Economics from the University of Malaya.



**Cik Azah Hanim Binti Ahmad**

Wakil Kementerian Kewangan  
Representative For Ministry Of Finance

Cik Azah Hanim binti Ahmad telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Kementerian Kewangan mulai 1 Ogos 2011. Beliau telah dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik semenjak 1 Disember 1992 dan pada masa ini memegang jawatan Timbalan Setiausaha Bahagian di Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan. Beliau berkelulusan *Master of Business Administration* (Nanyang Fellows) dari Nanyang Technological University, Singapura dan berkelulusan B.A (*Business Administration*) dari Michigan State University, Amerika Syarikat.

Ms. Azah Hanim binti Ahmad was appointed as Board Member Representing the Ministry of Finance since 1 August 2011. She has been appointed as Administrative and Diplomatic Officer since 1 December 1992 and is currently holding the post of Division Deputy Under-Secretary of the Government Procurement Division, Ministry of Finance. She holds a Master of Business Administration (Nanyang Fellows) from the Nanyang Technological University, Singapore and a B.A (Business Administration) from Michigan State University, USA.



**Dr. Hj. Daud Bin Abdul Rahim**

Wakil Kementerian Kesihatan  
Representative For Ministry Of Health

Dr. Hj. Daud bin Abdul Rahim merupakan Ketua Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit, Bahagian Kawalan Penyakit dan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Kementerian Kesihatan mulai 1 Ogos 2011. Beliau memiliki Ijazah Perubatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan memiliki MPH dari University of Philippines, Manila. Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Melaka pada tahun 1981 dan pernah menjawat sebagai Pengarah Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada tahun 2007-2010.

Dr. Hj. Daud bin Abdul Rahim is the Sector Head, Occupational and Environmental Health, Non-communicable Diseases Branch, Disease Control Division. He was appointed as a Board Member representing the Ministry of Health since 1 August 2011. Dr. Hj. Daud graduated with Medical Degree from the National University of Malaysia (UKM) and holds a MPH from the University of Philippines, Manila. He started serving as a Medical Officer at Malacca Hospital in 1981 and was the Director of Sultanah Aminah Hospital, Johor Bahru from 2007-2010.



**Encik Ramadass a/l Arumugam**

Wakil Majikan  
Representative For Employers

Encik Ramadass a/l Arumugam dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Majikan pada 1 Ogos 2007. Beliau juga merupakan pemilik firma guaman di Tetuan Ramadass & Associates dan berpengalaman luas dalam bidang perhubungan perusahaan dan aktif di dalam Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF). Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari University of London dan Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya.

Mr. Ramadass s/o Arumugam was appointed as a Board Member Representing Employers on 1 August 2007. He runs a legal firm Messrs Ramadass & Associates and has an extensive exposure in industrial relations area. He is also active in the Malaysian Employers Federation (MEF). He holds a LLB from the University of London and Bachelor in Economics from the University of Malaya.



**Encik John Chua Kheng Chew**

Wakil Majikan  
Representative For Employers

Encik John Chua Kheng Chew telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Majikan sejak 1 Ogos 2001. Beliau merupakan Setiausaha Eksekutif, Dewan Perdagangan dan Industri Sarawak. Berkelulusan Diploma Pembangunan Perniagaan dari Asian Institute of Management, Filipina dan Sijil Prinsipal Am Undang-Undang, London.

Mr. John Chua Kheng Chew was appointed as a Board Member Representing Employers since 1 August 2001. Holding a Diploma in Business Development from Asian Institute of Management, Philippines and General Principal of Law Certificate, London, currently he is the Executive Secretary to the Chambers of Commerce and Industry of Sarawak.



**Encik Khoo Choom Kwong**

Wakil Majikan  
Representative For Employers

Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Majikan bermula pada April 2002. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan daripada Charles Sturt University, Australia dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) dari University of Windsor, Canada. Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi Persatuan Perundingan Majikan-Majikan Sabah (SECA) dan Naib Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF).

He was appointed to the Board Representing Employers since April 2002. Holding a Master in Business Management from Charles Sturt University, Australia and a Bachelor of Arts (Economics) from the University of Windsor, Canada and presently he serves as the Chairman for Sabah Employers' Consultative Association (SECA) and Vice President for the Malaysian Employers' Federation (MEF).



**Dr. Michael Chiam Tow Hui**

Wakil Majikan  
Representative For Employers

Dr. Michael Chiam telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO sejak Ogos 2003 di mana sebelum ini beliau adalah salah seorang Ahli Lembaga silih ganti. Beliau juga merupakan ahli panel pelaburan PERKESO. Seorang Akauntan Bertauliah dan *Company Secretary* berdasarkan profesinya merupakan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA), Ahli *Malaysian Association Company Secretaries*, *Chartered Member Institute of Internal Auditors* dan pemegang *Master of Business Administration (MBA)* dengan satu pasca siswazah berganda Diploma dalam Latihan dan Pembangunan. Dr. Chiam adalah pemegang Ijazah Doktor Falsafah dalam Perancangan Strategik dan Sumber Manusia pengkhususan dalam Tanggungjawab Sosial.

Kini, beliau adalah Pengarah Eksekutif Paragon Corporation Sdn Bhd. Sepanjang kariernya, beliau sentiasa berada di peringkat kanan dan memegang pelbagai jawatan di peringkat Pengurusan, Kewangan dan Akaun, Syarikat Keusahawanan, Sumber Manusia (HR), Perancangan dan Hal Ehwal Korporat, Operasi Perkapalan serta Perolehan selama 33 tahun. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pengarah Nedlloyd Malaysia dan Ketua Operasi dalam P&O Nedlloyd, iaitu sebuah syarikat Multi Nasional dalam bidang perkapalan. Kerjaya awal beliau bermula di sektor perladangan di bahagian Audit Dalaman selain jawatan-jawatan lain. Ketika ini beliau adalah *President of Commercial Employers Association of Peninsular Malaysia*, *Council Member of MEF*, *Director of MEF Academy* dan *Human Resource Bureau Chairman of SMI Association Malaysia*.

Dr. Michael Chiam was appointed as a Board Member of PERKESO since August 2003. Prior to this appointment he was an Alternate Member. He also sits on the Investment Panel of PERKESO. A Chartered Accountant and Company Secretary by profession; he is a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA) and Malaysian Association of Company Secretaries. He is also a Chartered Member of the Institute of Internal Auditors and holds a Master of Business Administration (MBA) with a post graduate double Diploma in Training and Development. Dr. Chiam also holds a Ph.D and his primary research was in Strategic Management and HRM majoring in Social Responsibilities.

He is now the Executive Director of Paragon Corporation Sdn Bhd. For most part of his career, he was at the senior level and held various managerial positions, covering Finance & Accounts, Company Secretarial, Human Resource (HR), Corporate Planning & Control, Shipping Operations and Procurement spanning some 33 years. His last position was Director of Nedlloyd Malaysia and the Chief of Operation in P&O Nedlloyd, an MNC in liner shipping. His appointment in his early years included an attachment to a Plantation House in the Internal Audit Division, apart from a few other appointments. He is now the President of Commercial Employers Association of Peninsular Malaysia and a Council Member of MEF. He is also the Director of MEF Academy and Human Resource Bureau Chairman of SMI Association Malaysia.



**Encik A. Navamukundan**

Wakil Orang Berinsurans  
Representative For Insured Persons

Encik A. Navamukundan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans bermula pada 1 Ogos 1998. Beliau merupakan Setiausaha Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW). Berkelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi daripada University of Leeds, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Ekonomi dan Pengajian India dari Universiti Malaya.

Mr. A. Navamukundan was appointed to the Board Representing Insured Persons since 1 August 1998. He is also an Executive Secretary of the National Union of Plantation Workers (NUPW). He holds a Bachelor of Economics from the University of Leeds, United Kingdom and Bachelor of Arts (Hons), Economics and Indian Studies from the University of Malaya.



**Hj. Mohamad Ibrahim bin Hj. Hamid A.B.S.**

Wakil Orang Berinsurans  
Representative For Insured Persons

Hj. Mohamad Ibrahim bin Hj. Hamid A.B.S. telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans bermula pada 1 Ogos 2003. Pada masa ini beliau berkhidmat dengan Telekom Malaysia Sarawak. Beliau juga merupakan Pengerusi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sarawak, Presiden Kesatuan Pekerja Telekom Sarawak (UTES), Ahli Lembaga Koperkasa Sarawak Berhad (Koperkasa), Naib-Presiden Rangkaian Kesatuan Antarabangsa Majlis Perhubungan Malaysia (UNI-MLC), Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) dan Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Sarawak.

Hj. Mohamad Ibrahim bin Hj. Hamid A.B.S. was appointed to the Board Representing Insured Persons since 1 August 2003. He is currently working with Telekom Malaysia Sarawak. He is the Chairman of the Malaysian Trades Union Congress (MTUC) Sarawak, President of Telecommunications Workers Union Sarawak (UTES), Board Member of Koperkasa Sarawak Berhad (Koperkasa), Vice President of Union Network International Malaysian Liaison Council (UNI-MLC), National Labour Advisory Council (NLAC) and Sarawak Industrial Court Panel Member.



**Encik Abdul Halim Bin Mansor**

Wakil Orang Berinsurans  
Representative For Insured Persons

Encik Abdul Halim bin Mansor telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans bermula pada tahun 2004. Beliau adalah seorang yang berpengalaman luas dalam kesatuan sekerja dan terlibat dengan banyak kajian profesional di peringkat antarabangsa. Pada masa ini, beliau adalah Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC). Di samping itu beliau juga merupakan Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Perusahaan Petroleum dan Kimia (NUPCIW) sejak 1986 dan Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) dan Panel Mahkamah Perusahaan serta berkhidmat dengan Nylex (Malaysia) Sdn. Bhd.

Mr. Abdul Halim bin Mansor was appointed to the Board Representing Insured Persons since 2004. He has vast experience in trade union and is involved with many professional international studies. At present, he is the Secretary General of the National Union of Petroleum and Chemical Industry Workers (NUPCIW) since 1986 and Secretary General of the Malaysian Trades Union Congress (MTUC). He is a member of the National Labour Advisory Council (NLAC) and the Industrial Court Panel. He is currently attached to Nylex (Malaysia) Sdn. Bhd.



**Cik Catherine Jikunan**

Wakil Orang Berinsurans  
Representative For Insured Persons

Cik Catherine Jikunan merupakan Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Bank Sabah dan Setiausaha Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sabah. Beliau merupakan Ahli Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia sejak 2003 dan dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans bermula pada 1 Ogos 2009. Berkelulusan Ijazah Sarjana Sastera (Polisi Buruh dan Globalisasi) dari University of Kassel, Jerman, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Korporat dan Diploma Perbankan daripada UiTM dan Diploma Perlindungan Sosial dari Pusat Latihan Antarabangsa, Turin, Itali.

Ms. Catherine Jikunan is the Secretary General of Sabah Bank Employees Union and Secretary of the Malaysian Trades Union Congress (MTUC) Sabah. She was appointed to the Board Representing Insured Persons since 1 August 2009. She is a member of the Malaysian Association of Company Secretaries since 2003. She holds a M.A. in Labour Policy and Globalisation from University of Kassel, Germany, Bachelor of Corporate Management and a Diploma in Banking from UiTM and a Social Protection Diploma from International Training Centre, Turin, Italy.



**Dato' Dr. Vasan Sinnadurai**

Ahli Yang Mempunyai Pengalaman Dalam  
Keselamatan Sosial  
**Member With Experience In Social Security**

Dato' Dr. Vasan Sinnadurai telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial bermula pada 1 Ogos 2009. Berkelulusan Ijazah Sarjana Perubatan Ortopedik, Universiti Sains Malaysia dan pemegang Ijazah Perubatan dan Pembedahan, University of Madras, India. Beliau adalah *Fellow Foot and Ankle Reconstruction (Australia)*, *Sport and Shoulder (Korea)*, *American Orthopaedic Travelling (USA)* dan *Certified Medical Independent Assessor (CMIA)*. Berpengalaman luas dalam bidang perubatan selama 18 tahun. Pernah berkhidmat di Hospital Taiping sebelum berhijrah ke sektor swasta. Beliau kini adalah konsultan ortopedik dan pembedahan di Hospital Pantai Puteri, Ipoh.

Dato' Dr. Vasan Sinnadurai has been appointed to the Board since 1 August 2009 as a Member With Experience In Social Security. He holds a Master in Orthopaedic Medicine, Universiti Sains Malaysia and a Bachelor of Medicine and Surgery, University of Madras, India. He is a Fellow of the Foot and Ankle Reconstruction (Australia), Sport and Shoulder (Korea), the American Orthopaedic Travelling (USA) and is a Certified Medical Independent Assessor (CMIA). He has extensive experience of 18 years in the medical field. He has also served in the Taiping Hospital before moving to the private sector. He is an orthopaedic and surgical consultant in Pantai Puteri Hospital, Ipoh.



**Datin Paduka Hajah Seripah Noli Binti Syed Hussin**

Ahli Yang Mempunyai Pengalaman Dalam  
Keselamatan Sosial  
**Member With Experience In Social Security**

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin dilantik sebagai Ahli Lembaga Yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial bermula pada 1 Oktober 2009. Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor, Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Ahli Lembaga Putrajaya Holdings dan berpengalaman luas dalam sektor korporat. Beliau pernah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah di *Government-linked Companies (GLCs)*, antaranya di Tenaga Nasional Berhad (TNB). Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Western Michigan University, Amerika Syarikat, Diploma Pengurusan Kredit, UiTM dan Sijil Pengurusan Kewangan dari Swinburne University, Melbourne, Australia.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin has been appointed to the Board since 1 October 2009 as a Member With Experience In Social Security. She was an Exco Member for the Selangor State Government, Petaling Jaya City Council Member, and a Board Member of Putrajaya Holdings. She has vast experience in the corporate sector and was appointed to the Board of Directors of Government-linked Companies (GLCs) such as Tenaga Nasional Berhad (TNB). She holds a Bachelor of Business Administration from Western Michigan University, USA, Diploma in Credit Management, UiTM and a Certificate in Financial Management from Swinburne University Melbourne, Australia.



**Encik Lee Siang Chin**

Ahli Yang Mempunyai Pengalaman Dalam  
Keselamatan Sosial  
**Member With Experience In Social Security**

Encik Lee Siang Chin telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial bermula pada 1 Ogos 2003. Menganggotai Ahli Panel Pelaburan PERKESO dari tahun 1982 hingga sekarang. Seorang yang berpengalaman luas dalam bidang perniagaan, kewangan, perbankan, akaun, saham, pelaburan dan insurans. Pernah berkhidmat di Arab Malaysian Merchant Bank Bhd., Arab Malaysian Securities Sdn. Bhd. (sekarang dikenali sebagai AmSecurities Sdn. Bhd.) dan Surf88. Com Sdn. Bhd. Beliau merupakan *Fellow Institute of Chartered Accountants England & Wales* dan *Malaysian Association of Certified Public Accountants*. Pernah dilantik sebagai Ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara.

Mr. Lee Siang Chin was appointed as a Board Member since 1 August 2003 as a Member With Experience In Social Security. He is also a member of the SOCSO Investment Panel since 1982. He has a vast experience in the fields of finance, banking, accounts, shares, investments and insurance. He has served in Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd., Arab Malaysian Securities Sdn. Bhd. (currently known as AmSecurities Sdn. Bhd) and Surf88. Com Sdn. Bhd. He is a Fellow of the Institute of Chartered Accountants, England & Wales and the Malaysian Association of Certified Public Accountants. He has also been appointed as a member of the National Economic Advisory Council.

# 5.08%

dana pelaburan meningkat  
increase in investment funds

Dana pelaburan pada tahun 2012 mencatat pertumbuhan sebanyak RM 970.85 juta atau 5.08% kepada RM20,094.08 juta berbanding RM19,123.23 juta pada 2011.

The investment funds for 2012 recorded a growth of RM970.85 million or 5.08% to RM20,094.08 million compared to RM19,123.23 million in 2011.



**AHLI PANEL PELABURAN**  
**INVESTMENT PANEL MEMBERS**

**Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid**

Pengerusi  
**Chairman**

**Encik K. Givananadam**

Ahli Mewakili Kementerian Kewangan  
**Member Representing Ministry of Finance**

**Puan Norzila binti Abdul Aziz**

Ahli Mewakili Bank Negara Malaysia  
**Member Representing Bank Negara Malaysia**

**Dr. Michael Chiam Tow Hui**

Ahli Mewakili Majikan  
**Member Representing Employers**

**Encik A. Navamukundan**

Ahli Mewakili Orang Berinsurans  
**Member Representing Insured Persons**

**Encik Lee Siang Chin**

**Encik Munusamy Sengan**  
Ahli Yang Mempunyai Pengalaman Dalam Perniagaan  
dan Kewangan  
**Members with Experience in Business and Finance**

**Datuk K. Selvarajah**

Ketua Eksekutif  
**Chief Executive**



Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid



Datuk K. Selvarajah



Encik K. Givanadam



Puan Norzila binti Abdul Aziz



Dr. Michael Chiam Tow Hui



Encik A. Navamukundan



Encik Lee Siang Chin



Encik Munusamy Sengan

**Datuk K. Selvarajah**  
Ketua Eksekutif  
Chief Executive

**Puan Hajah Samihah binti Md Razi**  
Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat)  
Deputy Chief Executive (Corporate)

**Dato' Dr. Mohammed Azman bin Aziz Mohammed**  
Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)  
Deputy Chief Executive (Operations)

**Puan Azlaily binti Abd Rahman**  
Pengurus Besar Kanan  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Senior General Manager  
Management Services Division

**Tuan Haji Kanan bin Sarih**  
Pengurus Besar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia  
Senior General Manager  
Human Resources Division

**Encik Dawamani a/l Ponnusamy**  
Pengurus Besar Kanan  
Bahagian Pelaburan  
Senior General Manager  
Investment Division

**Encik Mohd Rosdi bin Mat Yasin**  
Pengurus Besar  
Bahagian Perancangan Dan Hal Ehwal Korporat  
General Manager  
Planning and Corporate Affairs Division

**Puan Hajah Rosmawati binti Zainuddin**  
Pengurus Besar Kanan  
Bahagian Perbendaharaan  
Senior General Manager  
Treasury Division

**Encik Mohd Sidek bin Salleh**  
Ketua Pegawai Maklumat  
Bahagian Teknologi Maklumat  
Chief Information Officer  
Information Technology Division

**Encik Ong Kim Seng**  
Pengurus Besar  
Bahagian Risiko Dan Penyelidikan  
General Manager  
Risk and Research Division

**Encik Jeeva a/l Narayanasamy**  
Pengurus Besar  
Bahagian Audit Dalam  
General Manager  
Internal Audit Division

**Puan Hajah Rafdah binti Bachik**  
Pengurus  
Bahagian Naziran  
General Manager  
Inspectorate Division



Puan Hajah Samihah binti Md Razi

Dato' Dr. Mohammed Azman bin Aziz Mohammed



Puan Azlaily binti Abd Rahman

Tuan Haji Kanan bin Sarih

Encik Dawamani a/l Ponnusamy



Encik Mohd Rosdi bin Mat Yasin

Puan Hajah Rosmawati binti Zainuddin

Encik Mohd Sidek bin Salleh



Encik Ong Kim Seng

Encik Jeeva a/l Narayanasamy

Puan Hajah Rafdah binti Bachik

**Encik Che Hamid bin Che Ahmad**  
SELANGOR

**Encik Mohamad Asri bin Ngosman**  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

**Puan Tan Bi Fong @ Tong Bi Fong**  
JOHOR

**Encik Zainol bin Abu**  
PULAU PINANG

**Encik Muhamad Alif Haikal Cheong bin Abdullah**  
PERAK

**Encik Nallusamy a/l Muthusamy**  
NEGERI SEMBILAN

**Encik John Riba Anak Marin**  
SARAWAK

**Encik Othman bin Mohd Nordin**  
KEDAH

**Puan Hajah Zaini binti Ab Llatiff**  
KELANTAN


**Encik Mohammad Ramli bin Hj. Ahmad Dahalan**  
TERENGGANU

**Encik Mohd Shahar bin Ismail**  
PAHANG

**Encik Mohanadas a/l Veraya**  
MELAKA

**Puan Hajah Mariam binti Hassan**  
SABAH

**Encik Shahrudin bin Waled**  
PERLIS



**Petunjuk / Legend**

- Pejabat Office
- Cawangan Branch
- Bahagian Division
- Unit

“ PERKESO akan terus berusaha gigih dan melipatgandakan usaha bagi memastikan keselamatan sosial pekerja di negara ini akan terus dimartabatkan meskipun berhadapan cabaran persekitaran global dan lanskap keselamatan sosial yang semakin mencabar dan pantas berubah. PERKESO akan memberi tumpuan kepada strategi penambahbaikan pengoperasian dan perluasan jaringan keselamatan sosial bagi menambah baik skim-skim sedia ada. ”

“ SOCSO will continue to strive harder and intensify its efforts towards ensuring that the employees' social security protection in Malaysia is constantly pursued despite global challenges, whilst the social security landscape is increasingly challenging and volatile. SOCSO will pay more attention to its operational enhancement strategy and the expansion of social security nets so as to improve existing schemes. ”



## PROFIL KORPORAT CORPORATE PROFILE



## LATAR BELAKANG

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan kerajaan di bawah Kementerian Buruh Dan Tenaga Rakyat pada tahun 1971 bagi mentadbir dan melaksanakan skim-skim keselamatan sosial di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Pada 1 Julai 1985, status PERKESO telah berubah kepada sebuah Badan Berkanun dan mulai 1 Januari 1992, PERKESO telah melaksanakan sistem saraannya sendiri iaitu Sistem Saraan Baru PERKESO (SSBP).

## FUNGSI DAN AKTIVITI UTAMA

PERKESO mentadbir dua jenis skim keselamatan sosial iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan. Skim Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada para pekerja daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa perjalanan berkaitan dengan pekerjaan. Skim Keilatan pula memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab yang berlaku di luar waktu kerja.

Objektif kedua-dua skim adalah untuk menjamin pembayaran faedah tunai kepada pekerja dan orang tanggungannya apabila berlaku kejadian luar jangka menimpa pekerja berkenaan di samping menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan pemulihan jasmani atau vokasional. Kemudahan pemulihan adalah bertujuan untuk membolehkan pekerja terbencana kembali aktif dalam kehidupan harian dan dapat kembali bekerja semula.

PERKESO juga menjalankan aktiviti pencegahan kemalangan melalui program peningkatan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja dan majikan.

## BACKGROUND

Social Security Organisation (SOCSO) inception as one of the Human Resources Ministry's departments in 1971, unravelled its noble intent to administer and implement social security schemes governed by the Employees' Social Security Act 1969. SOCSO's status as a governmental department was elevated to a statutory body on 1 July 1985. While on 1 January 1992, it has successfully implemented its own new remuneration system known as *Sistem Saraan Baru PERKESO (SSBP)*.

## FUNCTION AND MAIN ACTIVITIES

SOCSO administers two types of social security schemes namely Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme. The Employment Injury Scheme provides protection to the employees against industrial accidents, occupational diseases and commuting accidents related to work. While the Invalidity Scheme provides employees with a 24-hour protection against invalidity or death beyond their working hours, due to any cause.

Besides providing medical treatment, physical or vocational rehabilitation facilities to the insured persons, the objective of these schemes is to guarantee cash benefits for them and their dependents in the event of contingencies with any incident befalling the insured persons. Rehabilitation facilities help to enable affected employees to regain their daily lives and return to work.

SOCSO also conducts accident prevention activities to increase occupational safety and health awareness among employees and employers.

PERKESO mentadbir dua jenis skim keselamatan sosial iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan. Skim Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada orang berinsurans akibat bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa perjalanan berkaitan dengan pekerjaan. Skim Keilatan pula memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab yang berlaku di luar waktu kerja.

SOCSO administers two types of social security schemes namely Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme. The Employment Injury Scheme provides protection to the employees against industrial accidents, occupational diseases and commuting accidents related to work. While the Invalidity Scheme provides employees with a 24-hour protection against invalidity or death beyond their working hours, due to any cause.

## SKIM BENCANA PEKERJAAN

Skim ini melindungi pekerja yang ditimpa kemalangan semasa menjalankan pekerjaan atau dalam perjalanan di antara tempat kediaman dengan tempat kerjanya atau di antara tempat kerjanya dengan tempat makan dalam masa rehat yang dibenarkan atau semasa dalam perjalanan yang secara langsung berkaitan dengan pekerjaannya. Skim ini juga memberi perlindungan terhadap penyakit khidmat. Dalam Skim Bencana Pekerjaan, faedah-faedah yang diberikan adalah termasuk Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa, Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat dan Faedah Pendidikan.

## EMPLOYMENT INJURY SCHEME

This scheme protects insured persons who meet with an accident while carrying out their duties, or while commuting between their place of residents or stay and his place of work, or between their work place and eatery during authorised meal break, or while travelling en-route to discharging their duties. Similarly, this scheme also provides protection against occupational diseases. Medical Benefit, Temporary Disablement Benefit, Permanent Disablement Benefit, Constant-attendance Allowance, Physical or Vocational Rehabilitation Facilities, Dependents' Benefit, Funeral Benefit and Education Benefit are amongst the benefits provided under this scheme.

### SKIM KEILATAN

Skim ini memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab. Faedah-faedah yang diberikan di bawah skim ini adalah termasuk Pencen Ilat, Bantuan Ilat, Elaun Layanan Sentiasa, Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional serta Dialisis, Pencen Penakat, Faedah Pengurusan Mayat dan Faedah Pendidikan.

### PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN MENCARUM

Semua majikan yang menggajikan seorang pekerja atau lebih yang dimaksudkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 wajib mendaftar dan mencarum dengan PERKESO. Pekerja yang menerima gaji sebanyak RM3,000 atau kurang sebulan diwajibkan mencarum dengan PERKESO. Bagi pekerja yang belum pernah mendaftar dan mencarum serta bergaji melebihi RM3,000 sebulan mempunyai pilihan untuk mendaftar dan mencarum dengan syarat mendapat persetujuan kedua-dua pihak iaitu pekerja dan majikan.

Walau bagaimanapun, apabila seseorang pekerja sudah layak di bawah AKSP 1969, beliau akan terus layak mencarum di bawah prinsip "sekali layak terus layak" tanpa mengira jumlah gaji bulanannya.

### INVALIDITY SCHEME

This scheme provides the insured persons a 24-hour coverage against invalidity or death due to any cause. Benefits provided under this scheme includes Invalidity Pension, Invalidity Grant, Constant-attendance Allowance, Physical or Vocational Rehabilitation Facilities as well as Dialysis, Survivors' Pension, Funeral Benefit and Education Benefit.

### REGISTRATION AND CONTRIBUTION ELIGIBILITY

All employers who engage one or more employees as defined by the Employees' Social Security Act (ESSA) 1969 are required to register and contribute to SOCSO. Employees whose monthly salary not exceeding RM3,000 are liable to contribute. While those who have neither registered nor contributed and earn more than RM3,000 per month, are given option to register and contribute upon the mutual agreement between employee and employer.

However, based on a 'once-in-always-in' principle, once an employee fulfils the criteria under ESSA 1969, he must continue to contribute and subsequently to enjoy the coverage regardless of his monthly salary.

## 1 | KATEGORI PERTAMA FIRST CATEGORY

Caruman kategori pertama adalah meliputi kedua-dua skim perlindungan iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan. Jumlah kadar caruman adalah sebanyak 2.25% daripada gaji bulanan pekerja iaitu terdiri daripada 1.75% syer majikan dan 0.5% syer pekerja.

First category of contribution covers both Employment Injury and Invalidity Schemes. The total rate of contribution is 2.25% of the employee's monthly salary which is made up by 1.75% of employer's share and 0.5% of employee's share respectively.

### CARUMAN

Majikan perlu membayar caruman bulanan bagi setiap pekerja yang layak mengikut kadar yang telah ditetapkan di bawah AKSP 1969. Caruman perlu dibayar mulai bulan pertama seseorang pekerja itu diambil bekerja.

## 2 | KATEGORI KEDUA SECOND CATEGORY

Caruman kategori kedua adalah bagi perlindungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan sahaja. Caruman jenis ini hanya melibatkan syer majikan iaitu sebanyak 1.25% daripada gaji bulanan pekerja. Kategori caruman ini hanya melibatkan pekerja yang tidak lagi layak dilindungi di bawah Skim Keilatan.

Second category of contribution only provides protection under Employment Injury Scheme. It involves solely employer's contribution amounting 1.25% of the employee's monthly salary. This category does not cover Invalidity Scheme.

### CONTRIBUTION

Employers are required to pay a monthly contribution for each eligible employee at the rates prescribed by the ESSA 1969. Contribution should commence from the first month a person being employed.



# Visi Vision

Peneraju keselamatan sosial yang unggul dan cemerlang menjelang 2020.

To become the premier and outstanding leader in social security towards 2020

# Misi Mission

Memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungan mereka menerusi skim-skim keselamatan sosial serta meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi meningkatkan kesejahteraan sosial pekerja.

To provide a social security protection to employees and their dependants through social security schemes and to increase awareness on occupational safety and health that will ultimately improve the employees' social wellbeing.

# Objektif Objective

Menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja dan tanggungan mereka menerusi skim-skim keselamatan sosial berasaskan konsep masyarakat penyayang selaras dengan Dasar Pembangunan Negara dan Wawasan 2020.

To provide a social security protection to all employees and their dependants through social security schemes based on the concept of caring society in line with the National Development Policy and Vision 2020.

# PIAGAM PELANGGAN CLIENT CHARTER

- Membayar Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS) kepada pekerja yang terbencana dalam tempoh 7 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima;
- Membayar Faedah Hilang Upaya Kekal kepada pekerja yang terbencana dalam tempoh 14 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima;
- Membayar Faedah Orang Tanggungan kepada orang tanggungan dalam tempoh 14 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima;
- Membayar Pencen Ilat kepada pekerja yang layak dalam tempoh 14 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima;
- Membayar Pencen Penakat kepada orang tanggungan dalam tempoh 14 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima;
- Membayar Faedah Pengurusan Mayat kepada waris pekerja yang layak dalam tempoh 3 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima;
- Mendaftar majikan dan pekerja baru serta memberi nombor kod majikan dalam tempoh 1 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima; dan
- Mengeluarkan surat akuan penerimaan aduan kepada pengadu dalam tempoh 3 hari daripada tarikh aduan diterima.
- To pay Temporary Disablement Benefit to injured employees within 7 days upon receipt of all relevant information and completed documents;
- To pay Permanent Disablement Benefit to injured employees within 14 days upon receipt of all relevant information and completed documents;
- To pay Dependants' Benefit to beneficiaries within 14 days upon receipt of all relevant information and completed documents;
- To pay Invalidity Pension to eligible employees within 14 days upon receipt of all relevant information and completed documents;
- To pay Survivors' Pension to beneficiaries within 14 days upon receipt of all relevant information and completed documents;
- To pay Funeral Benefit to eligible beneficiaries within 3 days upon receipt of all relevant information and completed documents;
- To register new employers and employees and issue the employer's code number within 1 day upon receipt of all relevant information and completed documents; and
- To issue an acknowledgement letter to complainant within 3 days from the date complaint received.

# 5.06%

peningkatan bilangan penerima faedah  
increase of benefit recipients

Bilangan penerima semua jenis faedah telah meningkat sebanyak 19,164 penerima kepada 397,541 orang berbanding 378,377 penerima pada tahun 2011.

Number of all benefit recipients stood at 397,541 comprising of employees and their dependants. It was an increase of 19,164 recipients compared to 378,377 in 2011.



**PERUTUSAN  
PENGURUS  
LEMBAGA  
CHAIRMAN'S  
STATEMENT**



DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID  
Pengerusi Lembaga  
Chairman of The Board

## PERUTUSAN Pengerusi Lembaga CHAIRMAN'S STATEMENT

Saya selaku Pengerusi Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

I am pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statement for the year ended 31 December 2012, in my capacity as the Chairman for Social Security Organisation (SOCSO) Board.

### INISIATIF STRATEGIK

Pada tahun 2012, PERKESO terus giat menjadi sebuah agensi peneraju keselamatan sosial yang berdamping erat dengan pekerja dan majikan. Ini ternyata dengan pelaksanaan aktiviti tahunan dan juga usaha-usaha baru yang di perkenalkan untuk mencapai hasrat sedemikian.

### STRATEGIC INITIATIVES

For the year 2012, SOCSO continued to stay ahead as a leading social security agency that relates cordially with both employers and employees. This is manifested in a series of its annual activities that had been implemented as well as new initiatives introduced in order to achieve this aspiration.

Penumpuan PERKESO disasarkan ke beberapa inisiatif strategik:

SOCSO's concentration was targeted on the following strategic initiatives:

1. Meneruskan usaha-usaha untuk menyebarluas maklumat mengenai faedah-faedah PERKESO kepada pekerja dan majikan;
2. Memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
3. Menyemak dan meminda undang-undang keselamatan sosial pekerja untuk menyesuaikan dengan zaman dan kemajuan semasa;
4. Memperkuatkan penaksiran yang lebih objektif terhadap kes-kes Orang Berinsurans yang hilang upaya;
5. Memperluaskan usaha pemulihan;
6. Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan untuk menampung kesemua usaha-usaha PERKESO dengan lebih cekap dan berkesan kepada semua lapisan "pelanggan" PERKESO; dan
7. Memastikan dana pelaburan PERKESO yang baru, *ICT Core System* berdaya terus untuk bukan sahaja memikul tanggungjawab yang sedia ada tetapi juga untuk usaha-usaha baru yang diperkenalkan untuk kebaikan Orang Berinsurans dan majikan.

1. Persevere to actively disseminate information on the benefits available for employers and the employees;
2. Promote awareness on occupational safety and health;
3. Review and amend relevant laws relating to the employees' social security issues to adapt with current era and changes;
4. Strengthen the assessment process involving cases of disabled Insured Persons to be more objective;
5. Expansion of rehabilitation initiatives;
6. Improve the delivery of services so that all SOCSO's undertakings could be delivered with efficient and more effective to all of its 'clients'; and
7. Ensure new SOCSO investment fund, robust ICT Core System that not only able to bear the current responsibility but also new efforts were introduced for the benefit of Insured Persons and employers.

### USAHA-USAHA UNTUK MENYEBARLUAS MAKLUMAT MENGENAI FAEDAH-FAEDAH PERKESO

Komitmen yang berterusan untuk meningkatkan kesedaran majikan dan pekerja berkaitan manfaat skim keselamatan sosial melalui seminar dan media massa terus diberi penekanan.

Pada tahun 2012, PERKESO telah mengadakan Seminar Perlindungan Keselamatan Sosial 2012 peringkat kebangsaan di seluruh negara. Seminar ini telah berjaya menarik penyertaan hampir seribu majikan dan lebih dua ribu orang pekerja di seluruh negara.

Keberkesanan program yang telah dilaksanakan telah menyumbang kepada peningkatan bilangan majikan berdaftar sebanyak 5.30% kepada 863,338 majikan berbanding 819,915 majikan pada tahun 2011. Selaras dengan peningkatan ini, bilangan pekerja berdaftar turut meningkat sebanyak 3.19% kepada 14.36 juta pekerja berbanding 13.92 juta pekerja pada tahun 2011. Manakala bilangan majikan aktif telah meningkat sebanyak 4.10% kepada 383,575 majikan dan bilangan pekerja aktif pula meningkat sebanyak 2.00% kepada 5.88 juta berbanding tahun sebelumnya.

Bagi memastikan majikan mematuhi peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan pemeriksaan ke atas majikan dijalankan di seluruh negara. Bagi tahun 2012, aktiviti 'Ops Kesan' PERKESO telah dilaksanakan sepanjang bulan November 2012. Hasil daripada aktiviti ini, sejumlah 20,003 majikan telah berjaya dilawati dan sebanyak 2,195 notis telah dikeluarkan ke atas majikan yang gagal mendaftar perusahaan dan pekerjanya.

### EFFORTS TO DISSEMINATE INFORMATION PERTAINING SOCSO BENEFITS

Continuous commitment to increase the employers as well as the employees awareness on the benefits of its schemes through seminars and mass media is perpetually emphasised.

In 2012, SOCSO had organised a nationwide seminar on Social Security Protection. The Seminar has attracted participation close to one thousand employers and more than two thousand employees.

The programmes effectiveness contributed to an increase in the number of registered employers of 5.30% to 863,338 compared to 819,915 employers in 2011. This improvement was echoed by an increase of 3.19% of registered employees, rose to 14.36 million from 13.92 million employees in 2011. At the same time, the number of active employers in 2012 increased by 4.10% to 383,575 employers, and similarly the number of active employees rose by 2.00% to 5.88 million employees compared to 2011.

Enforcement and inspection activities were carried out across the country to ensure that employers comply with the provisions under Employees' Social Security Act 1969 and Employees' Social Security (General) Regulations 1971. In 2012, SOCSO's 'Ops Kesan' was carried out in the month of November. As a result, 20,003 employers were inspected and total of 2,195 compound notices were issued to those who failed to register their businesses and employees.

Menerusi aktiviti publisiti dalam menyebarkan maklumat mengenai faedah-faedah yang disediakan PERKESO, bilangan penerima mengikut jenis faedah telah meningkat pada tahun 2012. Sehingga akhir tahun 2012, bilangan terkumpul penerima faedah adalah seramai 397,541 yang terdiri daripada pekerja dan orang tanggungannya, iaitu peningkatan sebanyak 5.06% atau 19,164 orang berbanding 378,377 penerima pada tahun 2011.

Jumlah keseluruhan perbelanjaan tanggungan (bayaran faedah) pada tahun 2012 juga turut meningkat sebanyak RM289.24 juta atau 16.91% kepada RM2 bilion berbanding RM1.71 bilion pada tahun 2011.

Peningkatan ketara ini adalah berikutan kenaikan kadar minimum pencen dan pelarasan kadar faedah kepada penerima-penerima PERKESO yang layak. Peningkatan bilangan penerima dan amaun bayaran faedah di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan juga menyebabkan kenaikan ini.

### MEMUPUK KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Pada tahun 2012, PERKESO telah meluluskan bantuan kewangan sebanyak RM3.20 juta kepada NGO bertujuan untuk menjalankan program memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada golongan pekerja dan majikan. Di samping itu juga PERKESO telah bekerjasama dengan Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan untuk melaksanakan program *OSH Compliance Support for SME* dengan peruntukan sebanyak RM5 juta. PERKESO juga telah meluluskan pelaksanaan *Accident Prevention Seminar 2012* dan juga pelaksanaan *National Safe Commuting To Work Campaign 2012*.

SOCSO witnessed a hike in the number of beneficiaries in 2012, owing to its publicity activities and dissemination of information on the benefits that it provides. By the end of 2012, the cumulative number of beneficiaries stood at 397,541 people. This number represented the employees and their dependants. It was an increase of 5.06% or 19,164 recipients compared to 378,377 in 2011.

Consequently, the overall benefit expenditure (benefit payment) for 2012 increased by RM289.24 million or 16.91% to RM2 billion from RM1.71 billion in 2011.

This significant increase is due to a rise in minimum pension rate as well as the benefit rate adjustment made to SOCSO's eligible beneficiaries. The increase in the number of recipients and amount of benefit payment paid under Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme also contributes to this rise.

### INCULCATING AWARENESS OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH

SOCSO had, in 2012, approved grants of RM3.20 million to NGOs to carry out programmes intended to promote awareness to both the employees and employers on employment safety and health issues. With an allocation of RM5 million, SOCSO had also collaborated with the Department of Employment Safety and Health to introduce and execute *OSH Compliance Support Programmes for SME*. SOCSO had also granted the implementation of *Accident Prevention Seminar 2012* and *National Safe Commuting To Work Campaign 2012*.

Sehingga akhir tahun 2012, sebanyak 360 program/kursus dan seminar telah berjaya dilaksanakan oleh pihak NGO. Dari jumlah tersebut, sebanyak 257 program seminar dan 103 program pencegahan kemalangan pekerja bermotosikal telah dapat dilaksanakan.

Pada bulan April 2012, *National Safe Commuting To Work Campaign* telah dilaksanakan selama sebulan secara menyeluruh ke seluruh negara. Sejumlah 170 program pencegahan kemalangan telah dilaksanakan di seluruh negara. PERKESO juga telah menganjurkan *Accident Prevention Seminar* pada 2 hingga 3 Oktober 2012. Seminar ini telah mencapai objektifnya untuk meneruskan kerjasama antara PERKESO, NGO dan institusi-institusi yang berkaitan untuk mengurangkan kemalangan dalam perjalanan berdasarkan strategi yang komprehensif melalui Resolusi Pencegahan Kemalangan 2011 yang lalu.

Pada tahun 2012 juga PERKESO dengan kerjasama NGO telah dapat menerbitkan empat (4) buah video untuk tujuan pencegahan kemalangan iaitu 'Bayangkan', 'Baliklah Long', 'Tip Keselamatan Untuk Industri Plastik' dan 'Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan serta Pengurusan Kimia Secara Selamat dan Sihat bagi Aktiviti Dalam Makmal'.

Usaha PERKESO di dalam meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan telah mendapat pengiktirafan *International Labour Organization (ILO)* dan *International Social Security Association (ISSA)* menerusi program *Commuting Accident Prevention Plan* sebagai salah satu program yang menerima *Certificate of Merit* sempena *ISSA Good Practice Awards Asia And The Pacific Competition 2012*.

As at the end of 2012, SOCSO in collaboration with various NGOs had successfully implemented 360 programmes/courses and seminars. Of this number, 257 seminars and 103 accident prevention programmes for motocyclist were carried out.

The National Safe Commuting To Work Campaign was carried out nationwide throughout April 2012. During this campaign period, a total of 170 programmes had been organised. SOCSO had also organised an Accident Prevention Seminar from 2 to 3 October 2012. This seminar had met its objective to extend the cooperation between SOCSO, NGOs and other relevant institutions to reduce commuting accident based on a comprehensive strategy laid by Accident Prevention Resolution 2011.

With the cooperation of NGOs, SOCSO had produced four (4) videos in 2012 for its accident prevention programmes. The four videos are 'Bayangkan', 'Baliklah Long', 'Tip Keselamatan Untuk Industri Plastik' and 'Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan serta Pengurusan Kimia Secara Selamat dan Sihat Bagi Aktiviti Dalam Makmal'.

SOCSO's relentless effort to heighten safety and health awareness was duly recognised by the International Labour Organisation (ILO) and the International Social Security Association (ISSA). Its Commuting Accident Prevention Plan was awarded with Certificate of Merit, in conjunction with ISSA Good Practice Awards Asia And The Pacific Competition 2012.

## PROGRAM SARINGAN KESIHATAN PERKESO

PERKESO telah memperkenalkan Program Saringan Kesihatan kepada pencarum yang mencapai umur 40 tahun. YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan kemudahan ini semasa pembentangan bajet 2013 di Parlimen pada 28 September 2012. Program Saringan Kesihatan PERKESO adalah merupakan pemeriksaan kesihatan percuma diberi kepada orang berinsurans bagi mengenal pasti kumpulan yang berisiko penyakit tidak berjangkit (*Non-Communicable Disease-NCD*). Program ini melibatkan peruntukan sebanyak RM220 juta bagi tahun 2013 dan dianggarkan seramai 1.9 juta orang berinsurans layak menerima kemudahan tersebut.

Program ini adalah satu jangkauan keprihatinan PERKESO dalam usahanya untuk meningkatkan kualiti hidup golongan pekerja dengan mengesan tahap kesihatan pekerja dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

## SEMAKAN DAN PINDAAN UNDANG-UNDANG

Pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 telah dibentangkan kepada Menteri Sumber Manusia pada 19 September 2012 untuk kelulusan dan draf tersebut telah dipersetujui oleh Kabinet. Pindaan ini mempunyai empat komponen utama:

- Menaikkan had umur liputan Skim Keilatan daripada mencapai umur 55 tahun kepada mencapai 60 tahun.
- Kuasa Menteri menetapkan kadar bayaran elaun layanan sentiasa.
- Peruntukan bagi membolehkan transaksi dibuat melalui medium elektronik di antara PERKESO dan pelanggannya.
- Pindaan berkaitan kesan kenaikan umur dari aspek transisional pengoperasian oleh PERKESO.

## SOCISO HEALTH SCREENING PROGRAMME

Pursuant to the announcement made by YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia, during his 2013 budget presentation in Parliament on 28 September 2012, SOCSO had introduced a Health Screening Programme to insured persons whose age has reached 40. This is a free screening programme given to an estimated 1.9 million eligible insured persons in order to identify their risk level on non-communicable disease (NCD) which involves allocation of RM220 million for 2013.

Health Screening Programme is a new SOCSO's effort to promote healthy life style and identifying health risk of our workforce and taking appropriate actions.

## REVISION AND AMENDMENT OF THE LAW

The amendments to the Employees' Social Security Act (ESSA) 1969 were submitted to the Human Resources Minister on 19 September 2012 for approval and this draft had been consented by the Cabinet. The amendments comprises of four main components:

- Extend the age limit coverage for Invalidity Pension from attaining 55 years to attaining 60 years.
- The power of the Minister to determine the rate for constant-attendance allowance.
- Enabling provision for transaction between SOCSO and its customers via electronic medium.
- Amendment on the impact of age-related changes on transitional aspects of SOCSO operation.

Cadangan pindaan di dalam Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 mempunyai dua komponen iaitu berkaitan menaikkan had umur liputan Skim Keilatan daripada mencapai 55 tahun kepada mencapai 60 tahun dan berkaitan *ICT Core System* PERKESO yang sedang dibangunkan. Antara pindaan tersebut adalah mengurangkan borang-borang bagi tuntutan faedah dengan mewujudkan satu (1) borang sahaja untuk pelbagai tuntutan faedah.

PERKESO telah menyemak dan mengemas kini draf Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Kadar Bayaran, Elaun dan Bayaran Ganti Belanja bagi Faedah Perubatan, Kemudahan Pemulihan dan Dialisis) 2012 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Gaji Bulanan Purata Minimum) 2012. Peraturan-Peraturan baru yang dicadangkan tersebut dijangka akan dapat diselesaikan pada tahun 2013.

#### PENAKSIRAN YANG LEBIH OBJEKTIF TERHADAP KES-KES ORANG BERINSURANS YANG HILANG UPAYA

Bagi membolehkan penaksiran yang lebih objektif terhadap tahap hilang upaya orang berinsurans, pada 26 April 2012, PERKESO telah melancarkan 'Manual Panduan Bagi Taksiran Hilang Upaya Berdasarkan Pekerjaan' bagi kegunaan Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan. Manual ini menyediakan satu garis panduan kepada Jemaah Doktor bagi memutuskan persoalan berkaitan tahap kecederaan atau penyakit yang dialami orang berinsurans dengan jenis pekerjaan yang boleh dilakukan serta tidak boleh dilakukan.

Dengan penerbitan Manual Panduan ini, penaksiran yang lebih objektif terhadap tahap hilang upaya orang berinsurans dapat dibuat.

Manual panduan ini akan digunakan bersama buku *Guidelines on Impairment And Disability Assessment of Traumatic Injuries, Occupational Diseases and Invalidity* yang juga terbitan PERKESO.

The proposed amendments in the Employees' Social Security (General) Regulations 1971 comprises of two components that is relating to the extension of age limit coverage for Invalidity Pension from attaining 55 years to attaining 60 years and relating to the current development of SOCSO's PINTAR ICT Systems. Parts of the amendments are to reduce the benefits claim forms by introducing only one (1) form for multiple benefits claim.

SOCSO had also reviewed and updated the final drafts of new regulations such as the Employees' Social Security Regulations 2012, Employees' Social Security (Payment Rates, Allowances and Expenses Reimbursement for Medical Benefit, Dialysis and Rehabilitation Facility) Regulations 2012 and the Employees' Social Security (Minimum Average Monthly Wage) Regulations 2012. The proposed new regulations are expected to be finalised in 2013.

#### OBJECTIVE ASSESSMENT ON THE DISABILITY OF INSURED PERSON

For the purpose of having more objective assessment on the disability of insured person, SOCSO had introduced a 'Manual Guide For Disablement Assessment According to Employment' for its Medical Board and Appellate Medical Board on 26 April 2012. This manual provides a guideline to the Medical Board in their assessment relating to the insured persons' disability or illness suffered vis-a-vis the type of work they are capable or unable to carry out.

With the publication of this Manual Guide, a more objective assessment on the insured persons' degree of disablement can be made.

This Manual Guide is to be used in parallel with the 'Guidelines on Impairment And Disability Assessment of Traumatic Injuries, Occupational Diseases and Invalidity' which was also published by SOCSO.

Manual ini sebagai pelengkap dan tambahan rujukan yang digunakan oleh ahli Jemaah Doktor dalam membuat keputusan berkaitan persoalan hilang upaya atau keilatan orang berinsurans.

#### PEMULIHAN

Program pemulihan jasmani dan vokasional bagi orang berinsurans yang mengalami hilang upaya kekal akibat suatu bencana kerja atau mengalami keilatan adalah bertujuan untuk membawa semula mereka ke pangkuan masyarakat untuk terus memainkan peranan yang produktif dan berguna.

Dalam tahun 2012, PERKESO telah membekalkan alat-alat prostetik dan ortotik kepada 2,527 orang berinsurans termasuk penerima baru dan lama bagi menggantikan alatan yang telah rosak. Dari jumlah penerima tersebut sebanyak 3,098 jenis bekalan prostetik dan ortotik telah dibekalkan kepada mereka yang layak. Dalam tahun 2012 juga sejumlah RM22.49 juta dibelanjakan oleh PERKESO di bawah program pemulihan jasmani dan vokasional.

PERKESO telah menyediakan kemudahan haemodialisis kepada orang berinsurans yang berkelayakan serta mengidap penyakit buah pinggang pada peringkat *End Stage Renal Failure (ESRF)*. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 1,442 permohonan rawatan dialisis telah diterima. Dari jumlah tersebut, sebanyak 1,310 [90.85%] permohonan telah diluluskan oleh PERKESO untuk menjalani rawatan dialisis.

Pada tahun 2012, PERKESO telah melantik sebanyak 69 buah pusat dialisis sebagai Pusat Dialisis Panel PERKESO yang baru yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 397 pusat di samping telah meluluskan pendermaan sebanyak 40 buah mesin haemodialisis berjumlah RM1.58 juta kepada 24 buah pusat dialisis NGO panel PERKESO. Dalam tahun 2012, PERKESO telah membelanjakan sejumlah RM104.56 juta bagi tujuan pembayaran caj rawatan dialisis kepada Pusat-Pusat Dialisis Panel PERKESO yang menunjukkan peningkatan sebanyak 13.01% jika dibandingkan pada tahun 2011 sebanyak RM92.52 juta.

This manual is an additional reference to assist the Medical Board to determine the questions of disablement or invalidity of the insured persons.

#### REHABILITATION

Physical or vocational rehabilitation programmes for insured persons suffering from permanent disability arising from an employment injury or invalidity is intended to bring them back into the public realm so that they can continue playing their productive and meaningful roles.

In 2012, SOCSO had supplied prosthetic and orthotics appliances to 2,527 new and existing recipients including replacing the damaged equipments. Of this number, a total of 3,098 prosthetic and orthotic supplies were provided to those who are eligible. SOCSO spent a total of RM22.49 million in 2012 for its physical or vocational rehabilitation facilities.

SOCSO has provided haemodialysis facilities to eligible insured persons who suffers End Stage Renal Failure (ESRF). A total of 1,442 applications were received in 2012, of these 1,310 (90.85%) applications were approved to undergo dialysis treatment.

In 2012, SOCSO had appointed 69 new dialysis centres as part of its panel, making the total of 397 centres. SOCSO had also donated 40 haemodialysis machines to 24 NGO panel dialysis centres worth RM1.58 million. For the same period, SOCSO paid RM104.56 million to its Panel Dialysis Centres for treatment undertaken by them. This is an increase of 13.01% as compared to RM92.52 million paid in 2011.

Dalam menyokong usaha pemulihan secara keseluruhan, PERKESO sedang membina sebuah Pusat Rehabilitasi. Pusat Rehabilitasi PERKESO ini adalah yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara, dibina di atas tanah seluas 53 ekar di Bandar Hang Tuah Jaya, Melaka dan dijangka dapat beroperasi pada Februari 2014.

Pusat Rehabilitasi ini menyokong program *Return To Work* melalui penyediaan kemudahan prasarana pemulihan yang komprehensif kepada peserta yang dirujuk sehinggalah orang berinsurans dapat kembali aktif semula ke alam pekerjaan.

### MEMPERTINGKATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Menyadari kepentingan perkhidmatan pelanggan merupakan intipati kepada kejayaan sesebuah organisasi, PERKESO komited untuk menangani cabaran semasa dan masa hadapan dengan melaksanakan transformasi penyampaian perkhidmatan menerusi pelaksanaan projek *ICT Core System*.

Inisiatif strategik dengan pembangunan *ICT Core System* yang baru bertujuan meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

*ICT Core System* yang baru ini meningkatkan tahap kesiapsiagaan infrastruktur dan aplikasi bagi menyokong keperluan semasa dan akan datang dengan menggunakan teknologi terkini yang bercirikan *standard* terbuka (*open standard*) dan meningkatkan tahap kemahiran *ICT* di kalangan kakitangan PERKESO di dalam aspek pembangunan sistem, pengurusan maklumat, projek, pangkalan data, keselamatan, rangkaian dan komunikasi. *ICT Core System* dijangka dapat disiapkan pada suku ketiga tahun 2013.

To support a consolidated rehabilitation effort, SOCSO is in the midst of constructing a Rehabilitation Centre. Built on a land area of 53 acres in Bandar Hang Tuah Jaya, Melaka, this Rehabilitation Centre is the first of its kind in Southeast Asia and is expected to be operational in February 2014.

This Rehabilitation Centre aims to support Return To Work programme by providing comprehensive rehabilitation infrastructure facilities to insured persons who are referred here until they are able to return to the workforce actively.

### SERVICE DELIVERY ENHANCEMENT

Realising that customer services are the pillar for an organisational success, SOCSO has pledged its commitment to address current and future challenges by implementing *ICT Core System* project in order to transform its service delivery.

*ICT Core System's* strategic initiative is to improve the efficiency and effectiveness level in service delivery.

This new *ICT Core System* reinforces the infrastructure and applications prowess in order to support current and future needs by applying latest technology with open standard features. This transformation is also hoped to strengthen *ICT* skills amongst SOCSO employees especially in the system development, information management, projects, database, security, networking and communication aspects. *ICT Core System* is expected to be completed within the third quarter of 2013.

### PRESTASI KEWANGAN

Secara keseluruhannya, jumlah pendapatan PERKESO bagi tahun 2012 meningkat sebanyak RM81.77 juta atau 2.53% kepada RM3.32 bilion berbanding RM3.24 bilion pada tahun 2011. Pendapatan caruman meningkat sebanyak RM153.47 juta atau 7.07% kepada RM2.33 bilion berbanding RM2.17 bilion pada tahun 2011. Ini lanjutan daripada keberkesanan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan melalui 'Ops Kesan' dan peningkatan dalam bilangan majikan dan pekerja yang mencarum. Selain itu, peningkatan kutipan caruman ini juga mencerminkan tahap kesedaran yang kian meningkat di kalangan majikan mengenai tanggungjawab mereka untuk mencarum kepada PERKESO. Ini adalah hasil berikutan impak daripada program dan kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh PERKESO.

Sementara itu, perbelanjaan tanggungan PERKESO meningkat sebanyak RM292.19 juta atau 16.90% kepada RM2,020.85 juta pada tahun 2012 berbanding RM1,728.66 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan perbelanjaan tanggungan adalah didorong oleh pertambahan dalam bilangan kes tuntutan faedah dan pembayaran penyesuaian kos sara hidup termasuk pelarasan pencen minima kepada penerima faedah.

Perbelanjaan mengurus pula menurun sebanyak RM14.87 juta atau 5.32% kepada RM264.87 juta berbanding RM279.74 juta pada tahun 2011. Ketiadaan peruntukan penjejasan nilai hartanah dan bangunan PERKESO pada tahun 2012 adalah di antara faktor yang menyumbang kepada penurunan ini.

### FINANCIAL PERFORMANCE

SOCSO's overall income for 2012 increased by RM81.77 million or 2.53% to RM3.32 billion in 2012 compared to RM3.24 billion in 2011. Income from contribution increased by RM153.47 million or 7.07% to RM2.33 billion compared to RM2.17 billion in 2011. This is mainly contributed by the effectiveness of enforcement activities via 'Ops Kesan' as well as increase in the number of employers and employees who make their contributions. In addition, the increase also reflects greater awareness among employers on their responsibilities to contribute to SOCSO. This is due to the programmes' effectiveness and awareness campaign organised by SOCSO.

Meanwhile, SOCSO's benefits expenditure for 2012 increased by RM292.19 million or 16.90% to RM2,020.85 million compared to RM1,728.66 million in 2011. This is due to the increase in the number of benefit claims as well as payment adjustment for cost of living and minimum pension adjustment made to the beneficiaries.

The administrative expenditure decreased by RM14.87 million or 5.32% to RM264.87 million compared to RM279.74 in 2011 as there was no provision for impairment on the value of SOCSO's property and building in the current year.

## PRESTASI PELABURAN

Dana pelaburan PERKESO pada tahun 2012 mencatat pertumbuhan sebanyak RM970.85 juta atau 5.08% kepada RM20.09 bilion pada 2012 berbanding RM19.12 bilion pada 2011. Ini terutamanya disumbangkan oleh pendapatan pelaburan dan peningkatan dalam kutipan caruman PERKESO dalam tahun 2012.

Pulangan pelaburan PERKESO pada tahun 2012 adalah berjumlah RM961.98 juta, menurun sebanyak RM74.09 juta atau 7.15% berbanding dengan RM1.04 bilion pada tahun 2011. Kadar pulangan pelaburan menurun kepada 5.03% berbanding 5.76% pada 2011 manakala kadar pulangan pelaburan sebelum mengambil kira pelarasan pelaburan juga menurun kepada 5.05% berbanding 5.74% pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya faktor utama penurunan prestasi pulangan pelaburan 2012 adalah disebabkan pengambilalihan saham PLUS oleh KWSP dan UEM yang berlaku pada tahun 2011.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Sebagai sebuah agensi peneraju keselamatan sosial yang berdamping erat dengan pekerja dan majikan, tanggungjawab sosial sentiasa menjadi sebahagian aktiviti penting PERKESO. Pada tahun 2012, PERKESO telah menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial, termasuk program motivasi kepada anak-anak penerima faedah dan menjalankan program dan aktiviti pameran di beberapa premis majikan dan tempat-tempat awam bagi menyampai maklumat terkini mengenai PERKESO di samping memberi kesedaran kepada golongan pekerja dan majikan tentang kepentingan mencarum. PERKESO turut mengadakan beberapa siri pameran bagi tujuan ini malahan inisiatif ini juga adalah satu jangkauan keprihatinan PERKESO mendekati rakyat.

## INVESTMENT PERFORMANCE

SOCSO investment fund recorded an increase of RM970.85 million or 5.08% to RM20.09 billion in 2012 compared to RM19.12 billion in 2011. The growth of this fund was contributed by the investment income and the increase in contributions collected in 2012.

SOCSO's return on investments for 2012 was valued at RM961.98 million, a decrease of RM74.09 million or 7.15% compared to RM1.04 billion in 2011. The return on investment's rate decreased to 5.03% compared to 5.76% in 2011, while the rates before adjustment also decreased to 5.05% compared to 5.74% the previous year. In general, the decreased in investment returns in 2012 was mainly due to disposal of PLUS shares from SOCSO's holding arising from the acquisition of said shares by EPF and UEM in 2011.

## CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

SOCSO constantly ensures that social responsibilities are embodied in all its activities to reflect its stature as a leading social security agency that has a close relationship with employees and employers. It had organised numerous social responsibility initiatives in 2012 which included motivational programme to the beneficiaries' children, programmes and exhibitions at several employer premises as well as public places. These were done to promulgate latest information on SOCSO and to create awareness to employees and employers on the importance of contributing. These outreach initiatives are to endear the public.

## MELANGKAH KE HADAPAN

PERKESO akan terus berusaha gigih dan melipatgandakan usaha bagi memastikan keselamatan sosial pekerja di negara ini akan terus dimartabatkan meskipun berhadapan cabaran persekitaran global dan lanskap keselamatan sosial yang semakin mencabar dan pantas berubah. PERKESO akan memberi tumpuan yang lebih kepada strategi penambahbaikan pengoperasian dan perluasan jaringan keselamatan sosial bagi menambah baik skim-skim sedia ada.

Beberapa kajian yang telah dan sedang dilaksanakan. Di antaranya ialah kajian bersama Pakar Aktuari ILO. Ini termasuk untuk mewujudkan sebuah Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan bagi pekerja-pekerja yang telah kehilangan pekerjaan akibat daripada majikan yang tutup perniagaan dan mewujudkan *Unemployment Insurance Scheme (UIS)* yang dibiayai oleh majikan dan pekerja sedang dalam kajian.

Kajian memperluaskan skop perlindungan keselamatan sosial kepada golongan bekerja sendiri khususnya pemandu teksi turut dilaksanakan. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan perlindungan keselamatan sosial dan pilihan responden serta minat untuk menyertai skim atau sebaliknya. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu pihak kerajaan dalam mendapatkan maklumat, melakukan perancangan dan pelaksanaan seterusnya demi kesejahteraan golongan pemandu teksi yang bekerja sendiri.

Melangkah ke hadapan, PERKESO perlu memastikan keberkesanan operasi dan perkhidmatannya menerusi pendekatan nilai untuk wang dan pengurusan berteraskan produktiviti. Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan serta menyebar luas fungsi dan peranannya sebagai pelindung keselamatan sosial pekerja akan terus menjadi agenda utama. PERKESO juga komited dalam memberi tumpuan terhadap penambahbaikan kualiti modal insan dan akan memastikan kejayaan inisiatif strategik jangka panjang organisasi dicapai.

## MOVING FORWARD

SOCSO will continue to strive harder and intensify its efforts towards ensuring that the social security protection for the employees in this country will constantly be dignified despite global challenges, whilst the social security landscape is increasingly challenging and volatile. SOCSO will focus more to its operational enhancement strategy and the expansion of social security nets so as to improve the existing schemes.

Several studies have been done and are currently being undertaken with ILO's Actuarial Expert. This includes the establishment of a Relief Fund for Loss of Employment to assist those who lost their jobs due to closure of businesses by employers and to create an Unemployment Insurance Scheme (UIS) that is financed by both employer and employee.

A study to extend the social security protection to self-employed persons, especially the taxi drivers has also been undertaken. The primary objective is to identify the needs for social security protection and the respondent's interest to participate in this scheme. The outcome of this study is expected to assist the government to gather information, plan and to execute subsequent programmes for the wellbeing of taxi drivers who are self-employed.

Moving forward, SOCSO needs to ensure its operational and service efficiency are realised through value for money and productivity based management. It will always uphold its main agenda to enhance its service delivery and to expand its roles and functions in safeguarding the employee's social security. SOCSO is committed to focus on improving the quality of its human capital and ensuring the success of its long-term organisational strategic initiatives are achieved.

## PENGHARGAAN

Saya bagi pihak Lembaga PERKESO ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Lembaga dan Ahli Panel Pelaburan serta seluruh warga pengurusan PERKESO atas komitmen berterusan dan sokongan padu yang diberikan. Bagi pihak PERKESO, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua majikan dan pekerja di atas sokongan serta kerjasama yang diberikan untuk mendorong kami terus berusaha menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan PERKESO. Saya percaya warga PERKESO akan terus memberikan sokongan dalam usaha kami memanfaatkan peluang dan menghadapi cabaran mendatang dalam lanskap sosio-ekonomi dan keselamatan sosial warga pekerja demi menjaga kesejahteraan sosial pekerja dan orang tanggungan mereka di negara ini.

Akhir kata, saya bagi pihak Lembaga dan pengurusan serta anggota PERKESO ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di atas nasihat dan pandangan serta dorongan yang beliau berikan untuk memantapkan lagi PERKESO sebagai sebuah pertubuhan yang dapat menerajui usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan tahap kesejahteraan sosial pekerja di negara ini.



**DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID**  
Pengerusi Lembaga  
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
Chairman of The Board  
SOCIAL SECURITY ORGANISATION

## ACKNOWLEDGEMENTS

On behalf of SOCSO Board, I would like to extend my sincere appreciation to the Board Members, Members of the Investment Panel and the SOCSO management team for their continued commitment and strong support. On behalf of SOCSO, once again I wish to extend my utmost gratitude to all employers and employees for their support and cooperation extended to us. This will certainly provide an impetus for us to further improve SOCSO's service delivery systems. I believe all the SOCSO staff will continue to embrace this sentiment and support our effort to seize the opportunities and to face challenges ahead, within the socio-economy landscape and the employee's social security in order to secure the wellbeing of our workforce and their dependants in our country.

On a final note, on behalf of the Board, management and all SOCSO staff, I would like to express our utmost appreciation to YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources for his kind guidance, wisdom and motivation extended to SOCSO and thus ensures its unwavering position as an organisation that spearheads government efforts to elevate the wellbeing of our valued workforce in the country.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong  
*This page is intentionally left blank*

Perbelanjaan mengurus telah  
menurun sebanyak

5.32%

kepada RM264.87 juta berbanding RM279.74 juta  
pada 2011.

Administrative expenditure  
decreased by 5.32% to  
RM264.87 million compared  
to RM279.74 million in 2011.



**PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF**  
**CHIEF EXECUTIVE'S STATEMENT**

Datuk K. Selvarajah  
Ketua Eksekutif  
Chief Executive



## PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE'S STATEMENT

Sepanjang tahun 2012, pelbagai inisiatif dan penambahbaikan telah dilaksanakan dalam usaha memastikan PERKESO sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial dapat meneruskan peranannya secara lebih berkesan. Bagi tujuan tersebut, diantara inisiatif yang diberi keutamaan ialah penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan, faedah dan skop liputan.

### PELARASAN KADAR PENCEN

PERKESO telah membuat pelarasan dengan menaikkan kadar pencen antara 1.3% hingga 3.7% dengan tarikh dikebelakangkan berkuat kuasa mulai Januari 2011. Kenaikan kadar pencen ini membawa kepada implikasi kewangan tambahan berjumlah RM44.09 juta setahun. Seramai 270,595 penerima Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan, Pencen Ilat dan Pencen Penakat terlibat dengan kenaikan ini.

### KENAIKAN KADAR PENCEN MINIMA

PERKESO dari semasa ke semasa melaksanakan kajian bagi menentukan penyesuaian kadar bayaran pencen yang dibayar kepada penerima faedah adalah selari dan bersesuaian dengan kos sara hidup semasa. Pada tahun 2012, YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia telah meluluskan kenaikan kadar pencen minimum di bawah Skim Keilatan daripada RM250 kepada RM475 sebulan berkuatkuasa 1 Januari 2012.

Throughout 2012, numerous initiatives and improvements have been implemented in order to ensure SOCSO as a social security organisation can continue its role more effectively. For this purpose, amongst the initiatives that were given priority are enhancement in service delivery, benefits and its scope of coverage.

### PENSION RATE ENHANCEMENT

SOCSO has made an adjustment to increase the pension rate between 1.3% to 3.7% with effective from January 2011. The increase in pension rate leads to additional financial implications amounting to RM44.09 million a year. A total of 270,595 Permanent Disablement Benefit, Dependants' Benefit, Invalidity Pension and Survivors' Pensions recipients benefitted from this increment.

### INCREASE IN MINIMUM PENSION RATE

SOCSO regularly conducts studies to determine the appropriate pension rate for its recipients in line with the current cost of living. Henceforth, in 2012 YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources, approved the increment of minimum monthly pension rate under Invalidity Scheme from RM250 to RM475 with effect from 1 January 2012.

Pelarasan kadar pencen dan kenaikan pencen minima melibatkan implikasi kewangan tambahan dianggarkan berjumlah RM90.65 juta setahun akan dapat membantu meringankan beban penerima faedah.

### PROGRAM SARINGAN KESIHATAN

PERKESO telah memperkenalkan Program Saringan Kesihatan untuk membudayakan gaya hidup sihat dan mengenal pasti kumpulan pekerja berisiko tinggi dengan Penyakit Tidak Berjangkit seperti penyakit jantung, tekanan darah tinggi, diabetes dan kanser. Program ini ditawarkan kepada semua pekerja yang berumur 40 tahun dan ke atas.

Tujuan utama pengenalan program ini adalah disebabkan oleh peningkatan bilangan pekerja yang tidak berupaya dan tidak mampu bekerja kerana disebabkan penyakit tidak berjangkit. Pengenalan program itu juga tepat pada masanya dengan kenaikan umur persaraan minimum dalam sektor swasta dari 55 hingga 60 tahun. Pertumbuhan ekonomi dan isu sosial kedua-dua bergantung kepada keupayaan individu dalam kumpulan umur bekerja untuk terus kekal dalam pasaran buruh. Program ini memberi peluang kepada pekerja untuk mengenal pasti risiko kesihatan mereka, mendapatkan rawatan awal dan mencegah ketidakupayaan yang menyebabkan mereka tidak dapat bekerja.

The adjustment of pension rate and increase in minimum pension estimated an additional financial implication of RM90.65 million per annum will certainly help to ease the benefit recipients.

### HEALTH SCREENING PROGRAMME

SOCSO has introduced Health Screening Programme (HSP) to promote healthy lifestyles and identify high risk groups of workers with Non-Communicable Diseases (NCDs) such as cardiovascular diseases, hypertension, diabetes and cancer. This program is offered to all workers aged 40 years and above.

The real drive behind the introduction of the HSP is due to the rising number of workers who are unable to work due to NCDs. The introduction of this programme is also timely with the extension of minimum retirement age in private sectors from 55 to 60 years old. Both economic growth and social issues rely on the ability of individuals of working age to remain connected to the labour market. Through this programme, workers will be given opportunity to identify their health risk, seek early treatment and prevent disability that makes them unable to work.

### PUSAT TRANSFORMASI BANDAR

Sejajar dengan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan, PERKESO turut sama memperluaskan perkhidmatannya melalui Pusat Transformasi Bandar (UTC). UTC mula diperkenalkan pada 2012 di bawah konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan bertujuan menyediakan perkhidmatan bersepadu di bawah satu bumbung. Ia merupakan pusat sehenti merangkumi jabatan Kerajaan dan agensi swasta. Kerajaan telah melancarkan UTC pertama di Melaka pada 23 Jun 2012 dan beroperasi dari jam 8.30 pagi sehingga 10.00 malam setiap hari kecuali pada hari cuti umum.

### PEMBANGUNAN ICT CORE SYSTEM

PERKESO telah membangunkan ICT Core System bertujuan meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Inisiatif strategik ini adalah sejajar dengan Pelan Strategik PERKESO 2011-2015 untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan infrastruktur dan aplikasi bagi menyokong keperluan semasa dan akan datang dengan menggunakan teknologi terkini dan meningkatkan tahap kemahiran semua warga PERKESO.

### MEMENUHI EKSPEKTASI PELANGGAN

Antara inisiatif yang diambil bagi memenuhi ekspektasi pelanggan, Hari Bertemu Pelanggan diadakan di semua pejabat PERKESO seluruh negara pada setiap hari Khamis minggu pertama setiap bulan. Ianya bertujuan memberi peluang kepada pelanggan untuk bertemu dengan pegawai atasan bagi mendapatkan khidmat nasihat mengenai permasalahan berkaitan PERKESO. Hari Bertemu Pelanggan yang dilaksanakan adalah sebagai salah satu platform untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan PERKESO secara menyeluruh kepada semua pelanggan. Pada tahun 2012, seramai 3,143 pelanggan telah hadir di hari yang dimaksudkan.

### URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC)

Pursuant to the Government Transformation Programme, SOCSO also extends its services through the Urban Transformation Centre (UTC). UTC was introduced in 2012 under the National Blue Ocean Strategy concept to provide quality integrated services under one roof. It is a one-stop center comprises of Government departments and private agencies. The first UTC was launched by Government on 23 June 2012 in Malacca and it operates from 8.30 am to 10.00 pm daily except public holidays.

### DEVELOPMENT OF ICT CORE SYSTEM

SOCSO has developed ICT Core System aimed at improving the efficiency and effectiveness of service delivery. This strategic initiative is in line with the SOCSO's Strategic Plan 2011-2015 to improve the readiness of infrastructure and applications in order to support current and future needs using the latest technology and upgrade the skills of its staff.

### MEETING THE CLIENTS' EXPECTATIONS

Meet The Clients Day is one initiative introduced in meeting the clients' expectations, held at all SOCSO offices nationwide on every first Thursday of the month. The purpose is to give opportunity to all SOCSO clients to discuss their problems and concerns directly with our senior management. It is also a platform to enhance overall SOCSO service delivery to all its customers. A total of 3,143 customers were present during the event throughout 2012.

### PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

PERKESO telah memperkasakan program publisiti dan promosi bertujuan memupuk kesedaran di kalangan masyarakat berkaitan kepentingan perlindungan keselamatan sosial.

Dalam tahun 2012, PERKESO telah menggiatkan hebahan publisiti menerusi media massa. Di antaranya, sebanyak 34 program siri bual bicara telah ke udara melalui beberapa saluran radio dan televisyen utama.

Seminar Perlindungan Keselamatan Sosial Peringkat Nasional telah diadakan di seluruh negara sepanjang 2012. Seminar ini telah berjaya menarik penyertaan hampir 1,000 majikan dan lebih 2,000 pekerja pada keseluruhannya.

Keberkesanan program publisiti dan promosi yang telah dilaksanakan telah menyumbang kepada peningkatan bilangan majikan aktif sebanyak 4.10 % kepada 383,575 majikan dan bilangan pekerja aktif pula meningkat sebanyak 2.00 % kepada 5.88 juta pekerja berbanding tahun sebelumnya.

PERKESO terus komited melaksanakan usaha yang berterusan untuk mewujudkan budaya pencegahan kemalangan di tempat kerja dan dalam perjalanan pergi balik kerja. Bagi memastikan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dipertingkatkan, pelbagai inisiatif telah diambil termasuk penganjuran seminar, *safety audit*, penerbitan risalah, poster serta penerbitan video keselamatan dan kesihatan pekerja.

Menyedari hakikat bahawa pengurusan aduan awam perlu diuruskan secara sistematik dan dipertingkatkan keberkesanannya, maka satu sistem penambahbaikan bagi mendaftar dan memantau aduan telah diselaraskan. *Integrated* Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam (*iSPAAA*), telah diwujudkan hasil kerjasama dengan Biro Pengaduan

### IMPROVING THE SERVICE DELIVERY SYSTEM

*SOCSO has strengthened the publicity and promotion programmes to create the public awareness on the importance of social security protection.*

*In 2012, SOCSO had intensified publicity through mass-media. Overall, a total of 34 programmes had been on-air through prime radio and television channels.*

*National Seminars on Social Security Protection were held throughout the country in 2012 and attracted nearly 1,000 employers and more than 2,000 employees participated.*

*The effectiveness of the publicity and promotion programmes that were implemented had contributed to the increase in the number of active employers by 4.10% to 383,575 and number of employees rose by 2.00% to 5.88 million workers over the previous year.*

*SOCSO stays committed to advancing and creating accident prevention culture at workplace and during commuting to and from work. Various initiatives like seminars, safety audits, publication of brochures, posters as well as video productions on occupational safety and health issues were implemented to increase this awareness.*

*Recognising the fact that complaints from the public needed to be managed systematically and effectively, an improved system to register and monitor complaints was synchronised. Known as Integrated Public Agencies Complaints Monitoring System (*iSPAAA*), this system was established in collaboration with the Public Complaints Bureau,*

Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri dan majlis pelancaran *iSPAAA* PERKESO telah diadakan pada 3 Mac 2012. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 2,912 aduan dan pertanyaan telah diterima dan didaftarkan dalam sistem *iSPAAA*. Melalui *iSPAAA* pelanggan dapat membuat aduan dengan lebih mudah dan ianya dapat diuruskan dengan lebih efisien dan efektif.

Manakala pelaksanaan Sistem *e-Rating* merupakan satu mekanisma baru yang diperkenalkan untuk 10 agensi Kerajaan terpilih dalam konteks memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan awam. PERKESO merupakan salah satu agensi Kerajaan yang terpilih di bawah program peningkatan perkhidmatan *online* Kerajaan iaitu *Entry Point Project (EPP)*. Sistem *e-Rating* merupakan salah satu cara inovatif untuk meningkatkan keterlibatan masyarakat (*citizen centric*) dalam membantu usaha kerajaan meningkatkan mutu perkhidmatan sedia ada. Pelanggan yang berurusan di kaunter akan membuat penilaian terhadap mutu perkhidmatan yang disampaikan oleh petugas kaunter melalui pemilihan secara elektronik.

Melalui soal selidik kajian kepuasan pelanggan PERKESO yang dijalankan pada tahun 2012, hasil kajian mendapati indeks tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan PERKESO telah meningkat secara keseluruhannya iaitu 87.46 % berbanding 85.00 % pada tahun 2011.

Prime Minister's Department and was launched on 3 March 2012. In 2012, a total of 2,912 complaints and inquiries were received and registered in the *iSPAAA* system. Through *iSPAAA*, customers can lodge the complaints more easily where they can be managed efficiently and effectively.

Meanwhile, the implementation of *e-Rating* System was a newly introduced mechanism for 10 selected government agencies to strengthen their public service delivery system. SOCSO was among the selected government agencies for this *Entry Point Project (EPP)*, a programme to upgrade the government's online services. This *e-Rating* System is an innovative way to coerce public's involvement (*citizen centric*) in helping the government improve the quality of existing services. Customers dealing with the front counter staff can electronically assess the quality of services rendered.

A survey on client satisfaction index conducted in 2012, showed that SOCSO's services level as a whole was rated as commendable or 87.46% compared to 85.00% in 2011.

## TADBIR URUS KORPORAT

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan *standard* MS ISO 9001:2008 di PERKESO adalah selaras dengan *standard* ISO 9000 yang ditetapkan oleh *International Organization for Standardization (ISO)*. Objektif utama pelaksanaan *standard* MS ISO 9000 ini bertujuan memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan yang memberi fokus kepada ekspektasi pelanggan. PERKESO telah dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd dengan nombor persijilan AR 3437.

Pada tahun 2012, PERKESO telah berjaya menambah bilangan pejabat yang menerima persijilan MS ISO 9001:2008. Mulai tahun 2012 juga, skop persijilan MS ISO 9001:2008 telah diperluaskan meliputi Pemprosesan Tuntutan Orang Tanggungan, Pemprosesan Tuntutan Pencen Penakat dan Pemprosesan Tuntutan Faedah Pengurusan Mayat. Dengan perluasan ini, menjadikan lima proses utama di bawah skim PERKESO telah mencapai tahap *standard* persijilan MS ISO 9001:2008

Usaha memperkasa pembangunan modal insan menerusi latihan bersepadu telah dijalankan ke arah memantapkan budaya kerja, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota. Pelan Operasi Latihan yang komprehensif sejajar dengan Visi PERKESO diwujudkan adalah untuk melahirkan sumber manusia yang kompeten, berilmu dan beretika serta berdaya saing. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 175 sesi kursus anjuran dalaman, 357 kursus anjuran luaran dan 71 kursus di luar negara telah diadakan. Selain itu, usaha-usaha penambahbaikan skim dan terma perkhidmatan juga di beri perhatian yang sewajarnya bagi memastikan kebajikan anggota.

PERKESO komited untuk terus mengukuhkan kemampunan dana dan menerapkan konsep perbelanjaan berhemah sejajar dengan pendekatan konsep *Outcome Base Budgeting* di samping terus meningkatkan amalan pengurusan nilai tambah.

## CORPORATE GOVERNANCE

The implementation of Quality Management System based on MS ISO 9001:2008 standard at SOCSO is befitting with ISO 9000 standard set by the International Organization for Standardization (ISO). The main objective of its implementation is to reinforce a service delivery system that focuses on client's expectations. SOCSO has been awarded with a certification numbered AR 3437 by SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SOCSO had managed to increase a few additional offices that received the MS ISO 9001:2008 certification in 2012. Beginning in 2012, the scope of MS ISO 9001:2008 certification has been extended to include claims processing on Dependents' Benefit, Survivors' Pension and Funeral Benefits. With this expansion, the five main claim processes under the SOCSO schemes has achieved MS ISO 9001:2008 certification.

Efforts to enhance human capital development are constantly made through integrated training to improve the work culture as well as to increase their knowledge and skills. A comprehensive Training Operations Plan was introduced in line with the vision to produce competent, knowledgeable, ethical and competitive human resources. In 2012, a total of 175 internal courses, 357 external courses and 71 overseas training were held. Besides trainings, attentions were also given to improve the existing schemes and term of services to ensure the welfare of the staff.

SOCSO is committed to further strengthen its financial sustainability and implement the concept of prudent spending to correspond with the concept of Outcome Based Budgeting approach, as well as continue to enhance value-added management practices.

Bagi memastikan tadbir urus korporat yang baik dapat diteruskan, mekanisma kawalan dalaman menerusi pengauditan dalaman, *anti-fraud* dan pengurusan risiko melalui kajian-kajian impak serta penilaian risiko program dipertingkatkan.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), Kerajaan telah memperuntukkan dana kepada PERKESO melalui Kementerian Sumber Manusia bertujuan mewujudkan Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan. Lanjutan daripada ini, *International Labour Organisation (ILO)* telah dilantik untuk menjalankan kajian *Unemployment Insurance Scheme (UIS)*.

Suatu *Tripartite Project Committee (TPC)* telah ditubuhkan bagi menyelaras kajian *UIS* oleh *ILO*. Aktiviti-aktiviti utama seperti mesyuarat Satelit Majikan dan Pekerja, misi pencarian fakta, lawatan serta kerjasama dengan negara-negara yang telah melaksanakan *UIS* dan juga Bengkel *Tripartite* Kebangsaan dan Serantau telah dijalankan. Hasil kajian oleh *ILO* bersama dengan laporan *TPC* akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan.

To ensure good corporate governance, internal control mechanisms such as internal audit, *anti-fraud* and risk management through impact studies and risk assessments programmes are continuously carried out.

## WAY FORWARD

Under the Tenth Malaysia Plan (10th MP), the Government has allocated a fund to SOCSO through the Ministry of Human Resources to establish a Relief Fund for Loss of Employment, in order to assist workers who lose their jobs. Further to this, the International Labour Organisation (ILO) has been appointed to conduct a study on Unemployment Insurance Scheme (UIS).


A Tripartite Project Committee (TPC) was established to coordinate the UIS study by the ILO. Key activities such as Employers and Employees Satellite meetings, fact-finding missions, visits and collaborate with the countries that have implemented UIS and National and Regional Tripartite Workshop was conducted. Results of the study by the ILO jointly with TPC report will be submitted to the government for consideration.

### PENGHARGAAN

Bagi pihak pengurusan, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja PERKESO atas usaha gigih dan kesetiaan mereka selama ini untuk terus mengorak langkah ke hadapan. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Lembaga PERKESO serta Ahli Panel Pelaburan atas dedikasi mereka menjadikan Pertubuhan ini terus berdaya saing dan berjaya ditadbir urus dengan baik.

### IN APPRECIATION

On behalf of the management, I would like to express my sincere appreciation to all SOCSO staff for their hard work and loyalty in keeping the good momentum. I would also like to express our heartfelt gratitude to the members of SOCSO Board and Investment Panel Board for their dedication and valued guidance to keep this Organisation remain competitive and successfully governed.



Datuk K. Selvarajah  
Ketua Eksekutif  
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
Chief Executive  
SOCIAL SECURITY ORGANISATION

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong  
*This page is intentionally left blank*

## Peningkatan bayaran faedah

# 16.91%

Jumlah keseluruhan perbelanjaan pembayaran faedah pada tahun 2012 telah meningkat sebanyak RM289.24 juta atau 16.91% kepada RM2,000.01 juta berbanding RM1,710.77 juta pada 2011.

The total expenditure for benefits payment in 2012 increased by RM289.24 million or 16.91% to RM2,000.01 million from RM1,710.77 million in 2011.



## PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEY PERFORMANCE INDICATORS

**BILANGAN MAJIKAN DAN PEKERJA BERDAFTAR**

Statistik menunjukkan bilangan majikan berdaftar sehingga akhir tahun 2012 telah meningkat sebanyak 5.30% kepada 863,338 majikan berbanding 819,915 pada tahun 2011. Selaras dengan peningkatan ini, bilangan pekerja berdaftar turut meningkat sebanyak 3.19% kepada 14.36 juta pekerja berbanding 13.92 juta pada tahun 2011.

Pada 2012, bilangan majikan aktif telah meningkat sebanyak 4.10% kepada 383,575 majikan dan pekerja aktif pula meningkat sebanyak 2.00% kepada 5.88 juta berbanding tahun sebelumnya seperti Jadual 1. Manakala bilangan majikan dan pekerja aktif bagi tempoh 2008-2012 adalah seperti di Carta 1 dan 2.

**NUMBER OF REGISTERED EMPLOYERS AND EMPLOYEES**

Statistics for 2012 showed the number of registered employers rose by 5.30% to 863,338 compared to 819,915 in 2011. Correspondingly, the number of registered employees also rose by 3.19% to 14.36 million compared to 13.92 million in 2012.


Table 1 below shows an increase in the number of active employers by 4.10% to 383,575 while active employees increased by 2.00% to 5.88 million in 2012 compared to 2011. The number of active employers and employees for the period of 2008-2012 is shown in Chart 1 and Chart 2.

Jadual 1: Bilangan Majikan dan Pekerja 2011-2012  
Table 1: Number of Employers and Employees 2011-2012

Tahun / Year	Majikan / Employer		Pekerja / Employee	
	Berdaftar / Registered	Aktif / Active	Berdaftar / Registered	Aktif / Active
2011	819,915	368,472	13,918,650	5,761,626
2012	863,338	383,575	14,363,035	5,876,934

Nota: \*Angka telah dinyatakan semula untuk disesuaikan dengan pengemaskinian data yang telah dilakukan pada tahun semasa.

Note: \*Figures have been restated accordingly with updated data for current year.



**KUTIPAN CARUMAN**

Jumlah kutipan caruman telah meningkat sebanyak RM153.47 juta atau 7.07% kepada RM2,325.50 juta berbanding RM2,172.03 juta pada tahun 2011 lanjutan daripada peningkatan dalam bilangan majikan dan pekerja yang berdaftar dan mencarum. Pendapatan daripada caruman telah menyumbang sebanyak 70.07% daripada keseluruhan pendapatan bagi tahun 2012.

Peningkatan kutipan caruman ini juga mencerminkan tahap kesedaran yang kian meningkat di kalangan majikan mengenai tanggungjawab mereka untuk mencarum. Keberkesanan program dan kempen kesedaran yang dilaksanakan, antaranya menerusi kempen publisiti dan ceramah di seluruh negara telah menyumbang kepada peningkatan jumlah kutipan caruman. Selain itu, pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan yang lebih menyeluruh dan intensif seperti 'Ops Kesan' dan pendakwaan terhadap majikan yang ingkar di seluruh negara telah juga membantu kepada peningkatan kutipan caruman.

**COLLECTION OF CONTRIBUTIONS**

The total collection of contribution increased by RM153.47 million or 7.07% to RM2,325.50 million compared to RM2,172.03 million in 2011 following an increase in the number of registered employers and employees who contributed. Income from contribution had been accounted for 70.07% of total income for the year 2012.

The increase in collection of contribution reflects a growing awareness amongst the employers on their responsibilities to make contribution. Awareness campaigns through publicity and seminars conducted nationwide, have contributed to this development. In addition, the implementation of comprehensive and intensive enforcement activities such as 'Ops Kesan' and prosecution against errant employers through out the country had also contributed to the increase in collection of contribution.


Kutipan caruman bagi 2011-2012 adalah seperti Jadual 2, manakala bagi 2008-2012 adalah seperti di Graf 1.

The total amount of contributions collected for 2011-2012 is shown in Table 2, while for 2008-2012 is shown in Graph 1.

Jadual 2: Jumlah Kutipan Caruman 2011-2012  
Table 2: Total Collection of Contribution 2011-2012

Jumlah Kutipan Caruman (RM) Juta Total Collection of Contribution (RM) Million	2011	2012
	2,172.03	2,325.50

Graf 1 : Jumlah Kutipan Caruman 2008-2012  
Graph 1: Total Collection of Contribution 2008-2012




### BILANGAN PENERIMA FAEDAH

Pada tahun 2012, bilangan penerima semua jenis faedah telah meningkat sebanyak 5.06% atau 19,164 penerima kepada 397,541 orang berbanding 378,377 penerima pada 2011 seperti Carta 3, manakala bilangan penerima mengikut jenis faedah bagi 2011-2012 adalah seperti di Jadual 3.

### NUMBER OF BENEFIT RECIPIENTS

The number of recipients for all types of benefits increased by 5.06% or 19,164 recipients to 397,541 in 2012 compared to 378,377 in the previous year as shown in Chart 3. Whereas the number of recipients for 2011-2012 according to type of benefits is tabulated in Table 3.

Carta 3: Bilangan Penerima Faedah 2008-2012  
Chart 3: Number of Benefit Recipients 2008-2012



Jadual 3: Bilangan Penerima Faedah Mengikut Jenis Faedah 2011-2012  
Table 3: Number of Benefit Recipients According to Types of Benefit 2011-2012

Penerima Faedah / Benefit Recipients	2011	2012
Faedah Hilang Upaya Sementara / Temporary Disablement Benefit	55,785	58,444
Faedah Hilang Upaya Kekal / Permanent Disablement Benefit	31,175	33,257
Faedah Orang Tanggungan* / Dependants' Benefit*	39,992	41,138
Pencen dan Bantuan Ilat* / Invalidity Pension* & Invalidity Grant	39,814	42,523
Pencen Penakat / Survivors' Pension	182,713	191,006
Elaun Layanan Sentiasa / Constant-attendance Allowance	4,722	5,130
Faedah Pengurusan Mayat / Funeral Benefit	10,466	10,665
Faedah Perubatan / Medical Benefit	2,186	2,173
Pemulihan Jasmani atau Vokasional** Physical or Vocational Rehabilitation**	11,524	13,205
<b>Jumlah / Total</b>	<b>378,377</b>	<b>397,541</b>

Nota: \*Bilangan Terkumpul  
\*\*Termasuk penerima kemudahan dialisis  
Note: \*Accumulated Figure  
\*\*Includes recipients for dialysis facility

**PEMBAYARAN FAEDAH**

Jumlah keseluruhan pembayaran faedah pada tahun 2012 meningkat sebanyak RM289.24 juta atau 16.91% kepada RM2,000.01 juta berbanding RM1,710.77 juta pada 2011 seperti Jadual 4 dan Graf 2. Peningkatan ini selain daripada disebabkan oleh pertambahan bilangan penerima, ianya juga disebabkan oleh kesan langsung daripada kenaikan kadar pencen minimum di bawah Skim Keilatan dan pelarasan kadar faedah kepada semua penerima faedah berkala yang dilaksanakan pada tahun 2012.


**BENEFITS PAYMENT**

The total benefits payment in 2012 increased by RM289.24 million or 16.91% to RM2,000.01 million compared to RM1,710.77 million in 2011 as per table 4 and graph 2. This is due to the increase in the number of benefit claims as well as the direct impact due to increment of minimum pension rate under Invalidity Scheme and the adjustment pension rate for all periodical beneficiaries implemented in 2012.

Jadual 4: Jumlah Bayaran Faedah 2011–2012  
Table 4: Total Benefits Payment 2011–2012

Bayaran Faedah / Benefits Payment	2011	2012
	RM Juta / Million	
Faedah Hilang Upaya Sementara / Temporary Disablement Benefit	119.77	135.62
Faedah Hilang Upaya Kekal / Permanent Disablement Benefit	326.17	363.51
Faedah Orang Tanggungan / Dependants' Benefit	192.63	216.01
Pencen dan Bantuan Ilat / Invalidity Pension and Grant	340.97	413.39
Pencen Penakat / Survivors' Pension	583.76	704.29
Elaun Layanan Sentiasa / Constant-attendance Allowance	17.14	20.91
Faedah Pengurusan Mayat / Funeral Benefit	14.34	14.55
Faedah Perubatan / Medical Benefit	5.32	4.68
Pemulihan Jasmani atau Vokasional / Physical or Vocational Rehabilitation	110.67	127.05
<b>Jumlah / Total</b>	<b>1,710.77</b>	<b>2,000.01</b>

Graf 2: Jumlah Bayaran Faedah 2008–2012  
Graph 2: Total Benefits Payment 2008–2012




**FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA**  
**RM135.62 JUTA (2011 : RM119.77 JUTA),**  
**MENINGKAT 13.24%**

Pada 2012, bilangan penerima Faedah Hilang Upaya Sementara meningkat sebanyak 4.77% atau 2,659 orang kepada 58,444 orang berbanding 55,785 orang pada 2011. Kesan daripada peningkatan ini, jumlah bayaran juga telah meningkat sebanyak RM15.85 juta atau 13.24% kepada RM135.62 juta berbanding RM119.77 juta pada 2011 seperti ditunjukkan dalam Carta 4 dan Graf 3 berikut.

**TEMPORARY DISABLEMENT BENEFIT**  
**RM135.62 MILLION (2011 : RM119.77**  
**MILLION), INCREASED BY 13.24%**

The number of Temporary Disablement Benefit recipients in 2012 increased by 4.77% or 2,659 to 58,444 from 55,785 in 2011. This resulted in a total payment of RM135.62 million, an increase of RM15.85 million or 13.24% from RM119.77 million in 2011 as shown in the following Chart 4 and Graph 3.

Carta 4: Bilangan Penerima Faedah Hilang Upaya Sementara 2008–2012  
Chart 4: Number of Temporary Disablement Benefit Recipients 2008–2012



Graf 3: Jumlah Bayaran Faedah Hilang Upaya Sementara 2008-2012  
Graph 3: Total Payment For Temporary Disablement Benefit 2008-2012



**PENYAKIT KHIDMAT**

2,109 KES (2011 : 1,537 KES),  
MENINGKAT 37.22%

Bilangan kes penyakit khidmat yang dilaporkan dalam tahun 2012 meningkat sebanyak 37.22% kepada 2,109 kes berbanding 1,537 kes pada 2011 dan melibatkan bayaran berjumlah RM255,207 berbanding RM299,457 bagi 2011. Secara amnya, sebanyak 40.30% daripada kes penyakit khidmat yang dilaporkan adalah disebabkan oleh agen fizikal seperti pendedahan kepada kebisingan menyebabkan gangguan pendengaran manakala selebihnya 59.70% disebabkan faktor lain seperti bahan kimia, kanser, radiasi dan sebagainya.

**FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL**

RM363.51 JUTA (2011 : RM326.17 JUTA),  
MENINGKAT 11.45%

Bilangan terkumpul penerima Faedah Hilang Upaya Kekal pada 2012 ialah seramai 33,257 orang berbanding 31,175 orang pada 2011. Manakala perbelanjaan bagi membiayai Faedah Hilang Upaya Kekal yang dibayar secara pukal, pukal dan berkala serta berkala sahaja turut meningkat sebanyak RM37.34 juta atau 11.45% kepada RM363.51 juta pada 2012 berbanding RM326.17 juta pada 2011 seperti ditunjukkan di Carta 5 dan Graf 4.

**OCCUPATIONAL DISEASES**

2,109 CASES (2011: 1,537 CASES),  
INCREASED BY 37.22%


The number of reported cases involving occupational diseases in the year 2012 increased by 37.22% to 2,109 cases compared to 1,537 cases in 2011 and involves payment of RM255,207 compared to RM299,457 in 2011. In general, 40.30% of the reported cases of occupational diseases are caused by physical agents like noise induced hearing loss and the remaining 59.70% due to other factors such as chemicals, cancer, radiation and others.

**PERMANENT DISABLEMENT BENEFIT**


RM363.51 MILLION (2011: RM326.17 MILLION),  
INCREASED BY 11.45%

In 2012, the cumulative number of Permanent Disablement Benefit recipients was 33,257 as compared to 31,175 in 2011. While the total expenditure for lump sum and periodical payment for Permanent Disablement Benefit was RM363.51 million in 2012, an increase of 11.45% or RM37.34 million as compared to RM326.17 million in 2011 as shown in Chart 5 and Graph 4 below.

Carta 5: Bilangan Penerima Faedah Hilang Upaya Kekal 2008-2012  
Chart 5: Number of Permanent Disablement Benefit Recipients 2008-2012



Graf 4: Jumlah Bayaran Faedah Hilang Upaya Kekal Tahun 2008-2012  
Graph 4: Total Payment For Permanent Disablement Benefit 2008-2012



Bilangan penerima Faedah Hilang Upaya Kekal yang menerima bayaran secara pukal meningkat sebanyak 704 orang kepada 14,553 orang pada tahun 2012 berbanding 13,829 orang pada 2011. Seramai 909 orang penerima telah memilih bayaran faedah secara pukal (1/5) dan berkala, manakala sejumlah 183 penerima telah menerima Faedah Hilang Upaya Kekal secara berkala pada 2012 berbanding 156 penerima pada 2011 (Jadual 16-19: Laporan Statistik).

The number of Permanent Disablement Benefit recipients receiving lump sum payment rose by 704 to 14,553 compared to 13,829 in 2011. A total of 909 recipients opted for lump sum (1/5) and periodical payments, while another 183 recipients received their Permanent Disablement Benefit in periodical payments in 2012 compared to 156 recipients in 2011. (Table 16-19: Statistics Report).


**FAEDAH ORANG TANGGUNGAN**  
**RM216.01 JUTA (2011: RM192.63 JUTA),**  
**MENINGKAT 12.14%**

Pada tahun 2012, pembayaran bagi Faedah Orang Tanggungan meningkat sebanyak RM23.38 juta atau 12.14% kepada RM216.01 juta berbanding RM192.63 juta pada 2011. Manakala bilangan terkumpul penerima Faedah Orang Tanggungan juga meningkat kepada 41,138 orang berbanding 39,992 orang pada 2011 sebagai mana ditunjukkan dalam Graf 5 dan Carta 6.

**DEPENDANTS' BENEFIT**  
**RM216.01 MILLION (2011: RM192.63 MILLION),**  
**INCREASED BY 12.14%**

In 2012, the payment for Dependants' Benefit rose by RM23.38 million or 12.14% to RM216.01 as compared to RM192.63 million in 2011. The cumulative number of Dependants' Benefit recipients were 41,138 as compared to 39,992 in 2011 as shown in Graph 5 and Chart 6.

Graf 5: Jumlah Bayaran Faedah Orang Tanggungan 2008-2012  
Graph 5: Total Payment For Dependants' Benefit 2008-2012




Pada 2012, sebanyak 1,141 kes kematian telah disah dan diluluskan sebagai kes baru Faedah Orang Tanggungan berbanding 1,155 kes pada 2011 iaitu penurunan sebanyak 14 kes atau 1.21%.

A total of 1,141 death cases had been affirmed and approved as new Dependants' Benefit cases in 2012 compared to 1,155 cases in 2011, there was a decline of 14 cases or 1.21%.

Daripada keseluruhan bilangan kes tahun 2012, sebanyak 569 kes atau 49.87% menerima jumlah bayaran pencen bulanan RM1,000 dan ke bawah, manakala selebihnya 572 kes atau 50.13% menerima jumlah bayaran pencen bulanan melebihi RM1,000 (Jadual 20 dan 21: Laporan Statistik).

From the total number of cases in 2012, 569 cases or 49.87% received a monthly pension of RM1,000 and below, while the remaining 572 cases or 50.13% received a monthly pension above RM1,000 (Table 20 and 21: Statistics Report).

Carta 6: Bilangan Penerima Faedah Orang Tanggungan 2008-2012  
Chart 6: Number of Dependants' Benefit Recipients 2008 - 2012




**PENCEN ILAT DAN BANTUAN ILAT**  
**RM413.39 JUTA (2011 : RM340.97 JUTA),**  
**MENINGKAT 21.24%**

Jumlah Pencen Ilat dan Bantuan Ilat yang dibayar menunjukkan peningkatan sebanyak RM72.42 juta atau 21.24% pada tahun 2012 kepada RM413.39 juta berbanding RM340.97 juta pada 2011 sebagaimana di Graf 6.

**INVALIDITY PENSION AND INVALIDITY GRANT**  
**RM413.39 MILLION (2011: RM340.97**  
**MILLION), INCREASED BY 21.24%**

The total Payments for Invalidity Pension and Invalidity Grant increased by RM72.42 million or 21.24% to RM413.39 million as compared to RM340.97 million in 2011 as shown in Graph 6.

Graf 6: Jumlah Bayaran Pencen Ilat dan Bantuan Ilat 2008-2012  
Chart 6: Total Payment for Invalidity Pension and Invalidity Grant 2008-2012




Pada tahun 2012, terdapat sebanyak 5,372 penerima baru berbanding 4,689 penerima pada 2011. Daripada bilangan penerima baru tersebut, sebanyak 3,475 atau 64.69% mendapat bayaran Pencen Ilat berjumlah RM1,000 dan ke bawah sebulan, manakala 1,897 penerima atau 35.31% mendapat bayaran melebihi RM1,000 sebulan (Jadual 23: Laporan Statistik).

Sehingga akhir tahun 2012, jumlah terkumpul bilangan penerima Pencen Ilat dan Bantuan Ilat adalah seramai 42,523 penerima berbanding 39,814 orang pada 2011 iaitu meningkat sebanyak 6.80% atau 2,709 penerima sebagaimana Carta 7.

In year 2012, there were 5,372 new recipients as compared to 4,689 in 2011. Of these new recipients, 3,475 or 64.69% received a monthly pension of RM1,000 and below, while 1,897 recipients or 35.31% received a monthly pension above RM1,000 (Table 23: Statistics Report).

By the end of 2012, the cumulative number of recipients for Invalidation Pension and Invalidation Grant were 42,523 as compared to 39,814 recipients in 2011, which is an increase of 6.80% or 2,709 recipients as shown in Chart 7.

Carta 7: Bilangan Penerima Pencen Ilat Dan Bantuan Ilat 2008-2012  
Chart 7: Number of Invalidation Pension and Invalidation Grant Recipients 2008-2012




**PENCEN PENAKAT**  
**RM704.29 JUTA (2011: RM583.76 JUTA),**  
**MENINGKAT 20.65%**

Jumlah pembayaran Pencen Penakat tahun 2012 telah meningkat sebanyak RM120.53 juta atau 20.65% kepada RM704.29 juta berbanding RM583.76 juta yang dicatat pada tahun sebelumnya sebagaimana di Graf 7.

**SURVIVORS' PENSION**  
**RM704.29 MILLION (2011: RM583.76**  
**MILLION), INCREASED BY 20.65%**

The total payment for Survivors' Pension in 2012 increased by RM120.53 million or 20.65% to RM704.29 million as compared to RM583.76 million in the previous year as shown in Graph 7.

Graf 7: Jumlah Bayaran Pencen Penakat 2008-2012  
Graph 7: Total Payment for Survivors' Pension 2008-2012




Bilangan kes baru Pencen Penakat yang dibayar dalam tahun 2012 meningkat sebanyak 7.63% kepada 8,009 kes berbanding 7,441 kes pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, bilangan penerima pencen kurang dan bersamaan RM1,000 sebulan ialah seramai 5,055 orang atau 63.12% manakala 2,954 orang atau 36.88% menerima pencen melebihi RM1,000 sebulan (Jadual 25: Laporan Statistik).

Bilangan terkumpul penerima Pencen Penakat sehingga akhir tahun 2012 adalah seramai 191,006 penerima berbanding 182,713 penerima pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan dalam Carta 8.

In year 2012, there were 8,009 new Survivors' Pension cases been paid, increase by 7.63% as compared to 7,441 cases in the previous year. Of these new recipients, 5,055 or 63.12% received a monthly pension of RM1,000 and below, while 2,954 recipients or 36.88% received a monthly pension above RM1,000 (Table 25: Statistics Report).

By the end of 2012, the cumulative number of recipients for Survivors' Pension stood at 191,006 as compared to 182,713 in the previous year as shown in Chart 8.

Carta 8: Bilangan Penerima Pencen Penakat 2008-2012  
Chart 8: Number of Survivors' Pension Recipients 2008-2012



**ELAUN LAYANAN SENTIASA**  
**RM20.91 JUTA (2011 : RM17.14 JUTA),**  
**MENINGKAT 21.99%**

Jumlah pembayaran Elaun Layanan Sentiasa meningkat sebanyak 21.99% atau RM3.76 juta kepada RM20.91 juta pada tahun 2012 berbanding RM17.14 juta pada tahun sebelumnya. Manakala bilangan penerima baru tahun 2012 seramai 628 orang berbanding 600 penerima pada 2011 (Jadual 27: Laporan Statistik).


Jumlah terkumpul penerima Elaun Layanan Sentiasa sehingga akhir tahun 2012 adalah seramai 5,130 orang berbanding 4,722 orang pada 2011. Graf 8 dan Carta 9 berikut menunjukkan jumlah bayaran dan bilangan penerima Elaun Layanan Sentiasa pada 2008 hingga 2012.

**CONSTANT-ATTENDANCE ALLOWANCE**  
**RM20.91 MILLION (2011: RM17.14 MILLION),**  
**INCREASED BY 21.99%**


The total payment for Constant-attendance Allowance increased by 21.99% or RM3.76 million to RM20.91 million in 2012 as compared to RM17.14 million in the previous year. While the number of new recipients in 2012 were 628 as compared to 600 recipients in 2011 (Table 27: Statistics Report).

By the end of 2012, the cumulative number of recipients for Constant-attendance Allowance were 5,130 as compared to 4,722 recipients in 2011. Graph 8 and Chart 9 below showed the total amount paid and number of recipients for 2008 to 2012.

Graf 8: Jumlah Bayaran Elaun Layanan Sentiasa 2008-2012  
Graph 8: Total Payment For Constant-attendance Allowance 2008-2012



Carta 9: Bilangan Penerima Elaun Layanan Sentiasa 2008-2012  
Chart 9: Number of Constant-attendance Allowance Recipients 2008-2012




**FAEDAH PENGURUSAN MAYAT**  
**RM14.55 JUTA (2011 : RM14.34 JUTA),**  
**MENINGKAT 1.46%**

Seramai 10,665 orang telah menerima Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM14.55 juta pada tahun 2012. Pembayaran ini telah meningkat sebanyak RM0.21 juta iaitu 1.46% berbanding RM14.34 juta atau 10,466 penerima yang dicatat pada tahun sebelumnya seperti di Carta 10 dan Graf 9.


**FUNERAL BENEFIT**  
**RM14.55 MILLION (2011: 14.34 MILLION),**  
**INCREASED BY 1.46%**

A total of 10,665 recipients were paid Funeral Benefit amounting to RM14.55 million in 2012. This payment increased by RM0.21 million or 1.46% as compared to RM14.34 million or 10,466 recipients in previous year as shown in Chart 10 and Graph 9.

**Carta 10: Bilangan Penerima Faedah Pengurusan Mayat 2008-2012**  
*Chart 10: Number of Funeral Benefit Recipients 2008-2012*



**Graf 9: Jumlah Bayaran Faedah Pengurusan Mayat 2008-2012**  
*Graph 9: Total Payment For Funeral Benefit, 2008-2012*



**BILANGAN KEMALANGAN DILAPOR**  
**61,552 KES (2011 : 59,897 KES),**  
**PENINGKATAN 2.76%**

Pada tahun 2012, sebanyak 61,552 kes kemalangan dilaporkan iaitu meningkat sebanyak 1,655 kes atau 2.76% berbanding 59,897 kes pada 2011 (Jadual 5 dan Carta 11). Dari keseluruhan jumlah kemalangan dilaporkan, kemalangan perusahaan telah menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 208 kes atau 0.59% iaitu dari 35,088 kes pada 2011 kepada 35,296 kes pada 2012 seperti Carta 12.

**NUMBER OF ACCIDENT CASES REPORTED**  
**61,552 CASES (2011 : 59,897 CASES),**  
**INCREASED BY 2.76%**

In 2012, a total of 61,552 accident cases were reported, an increased of 1,655 cases or 2.76% as compared to 59,897 cases in 2011 (Table 5 and Chart 11). From these total reported cases, there is slight increase in industrial accidents by 208 cases or 0.59% from 35,088 in 2011 to 35,296 cases in 2012 as shown in Chart 12.


Statistik juga menunjukkan peningkatan dalam bilangan kemalangan semasa dalam perjalanan yang berkaitan dengan pekerjaan iaitu sebanyak 1,447 kes atau 5.83% dari 24,809 kes pada 2011 kepada 26,256 kes pada 2012 (Carta 13). Secara keseluruhannya, dalam tahun 2012 sebanyak 57.34% kemalangan terjadi di tempat kerja manakala 42.66% pula melibatkan kemalangan semasa perjalanan berkaitan pekerjaan.

The statistics also reveals that commuting accidents increased by 1,447 cases or 5.83%, from 24,809 cases in 2011 to 26,256 cases in 2012 (Chart 13). In total, 57.43% accident cases in 2012 occurred at workplace and the remaining 42.66% took place during commuting.


**Jadual 5: Bilangan Kemalangan Dilaporkan 2011-2012**  
*Table 5: Number of Accidents Reported 2011-2012*

Jenis Kemalangan Dilaporkan / Types of Accident Reported	2011	2012
Kemalangan Perusahaan / Industrial Accidents	35,088	35,296
Kemalangan Semasa Perjalanan / Commuting Accidents	24,809	26,256
Jumlah Bilangan Kemalangan / Total Number of Accidents	59,897	61,552


**Carta 11: Bilangan Kemalangan Dilapor 2008-2012**  
*Chart 11: Number of Accident Reported 2008-2012*



Carta 12: Bilangan Kemalangan Perusahaan 2008-2012  
Chart 12: Number of Industrial Accidents 2008-2012



Carta 13: Bilangan Kemalangan Semasa Perjalanan 2008-2012  
Chart 13: Number of Commuting Accidents 2008-2012



### PIAGAM PELANGGAN

Bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan, tuntutan faedah diproses berdasarkan Piagam Pelanggan Organisasi yang diukur berdasarkan peratus pencapaian, purata hari dan *Standard Q* sebagaimana di Jadual 6, 7 dan 8.

### PRESTASI PIAGAM PELANGGAN (PERATUS PENCAPAIAN)

Peratus pencapaian diukur berdasarkan bayaran faedah (bayaran pertama) dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh akhir maklumat / dokumen lengkap diterima.

### CLIENT CHARTER

To ensure the delivery of services provided meet the customer expectations, benefit claims processed based on Organisation's Client Charter is measured by percentage of achievement, average number of days and *Standard Q* as shown in Table 6, 7 and 8.

### CLIENT CHARTER PERFORMANCE (PERCENTAGE OF ACHIEVEMENT)

The percentage of achievement is measured based on payment of benefit (first payment) made upon receipt of all relevant information and complete documents within stipulated period.

Jadual 6: Pencapaian Piagam Pelanggan (Peratus)  
Table 6: Client Charter Achievement (Percentage)

KETERANGAN DESCRIPTION	FAEDAH / BENEFIT					
	FHUS TDB	FHUK PDB	FOT DB	P.ILT Invalidity Pension	P.PKT Survivors' Pension	FPM FB
Pencapaian 2011 2011 Achievement	98.59%	99.41%	98.67%	98.90%	98.44%	99.42%
Pencapaian 2012 2012 Achievement	98.98%	99.67%	99.41%	98.97%	99.57%	99.65%
% +/-	0.39%	0.26%	0.74%	0.07%	1.13%	0.23%

### ANALISIS:

Berdasarkan pencapaian Prestasi Piagam Pelanggan bagi tahun 2012 berbanding 2011 didapati peratus pencapaian Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK) adalah yang tertinggi berbanding faedah-faedah lain iaitu meningkat sebanyak 0.26% kepada 99.67% berbanding 99.41% pada 2011.

### ANALYSIS:

In comparison with 2011, Client Charter Performance 2012 for Permanent Disablement Benefit (PDB) showed the highest achievement amongst other benefits with an increase of 0.26% to 99.67% as compared to 99.41% in 2011.

**PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN (PURATA HARI)**

Pencapaian diukur berdasarkan purata hari yang diambil bagi membayar faedah (bayaran pertama) dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh akhir maklumat / dokumen lengkap diterima.

**CLIENT CHARTER ACHIEVEMENT (AVERAGE NUMBER OF DAYS)**

Achievement is measured based on the average number of days taken to make benefit payment (first payment) within stipulated period from the last date of information / documents received.

Jadual 7: Pencapaian Piagam Pelanggan (Purata Hari)  
Table 7: Client Charter Achievement (Average Number of Days)

KETERANGAN DESCRIPTION	FAEDAH / BENEFIT					
	FHUS TDB	FHUK PDB	FOT DB	P.ILT Invalidity Pension	P.PKT Survivors' Pension	FPM FB
Sasaran (Purata hari) Target (Average number of days)	7 hari days	14 hari days	14 hari days	14 hari days	14 hari days	3 hari days
Pencapaian 2011 2011 Achievement	2.32	3.72	4.91	4.21	3.83	1.60
Pencapaian 2012 2012 Achievement	2.29	2.96	2.90	3.94	3.20	1.45
% +/-	-1.3%	-20.4%	-40.9%	-6.4%	-16.5%	-9.4%

**ANALISIS:**

Berdasarkan pencapaian prestasi Piagam Pelanggan bagi tahun 2012 berbanding 2011, didapati purata hari yang diambil untuk membayar tuntutan Faedah Orang Tanggungan (FOT) menunjukkan penurunan purata hari yang tertinggi iaitu 40.9% daripada 4.91 hari kepada 2.90 hari.

**ANALYSIS:**

In comparison with 2011, Client Charter Performance 2012 for Dependants' Benefit (DB) showed the highest achievement where the average number of days taken reduced from 4.91 days to 2.90 days or a decrease by 40.9%.

**PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN (STANDARD Q)**

Pencapaian diukur berdasarkan Standard Q iaitu membayar faedah (bayaran pertama) dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh permohonan diterima.

**CLIENT CHARTER ACHIEVEMENT (STANDARD Q)**

Achievement is measured based on Standard Q which is benefit payment (first payment) paid within stipulated period from the date of application received.

Jadual 8: Pencapaian Piagam Pelanggan (Standard Q)  
Table 8: Client Charter Achievement (Standard Q)

KETERANGAN DESCRIPTION	FAEDAH / BENEFIT				
	FHUS / TDB (45 hari / days)	FHUK / PDB (120 hari / days)	FOT / DB (80 hari / days)	P.ILT Invalidity Pension (120 hari / days)	P.PKT Survivors' Pension (80 hari / days)
% Pencapaian % Achievement	77.18%	89.45%	83.86%	85.01%	89.08%
Purata Hari Average number of days	39.68	72.00	68.82	77.63	41.12

**ANALISIS:**

Secara keseluruhan, prestasi pencapaian Standard Q Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK) adalah yang tertinggi iaitu 89.45% berbanding faedah-faedah lain.

**ANALYSIS:**

Overall, the Standard Q performance for Permanent Disablement Benefit (PDB) was the highest at 89.45% compared to other benefits.

**AKTIVITI PELABURAN**

Seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 75(1), Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969, dana PERKESO yang tidak diperlukan dengan segera dilaburkan dalam instrumen pelaburan tempatan yang dibenarkan. Aktiviti pelaburan amat penting bagi PERKESO bagi memastikan kemampunan dananya.

Alokasi aset pelaburan PERKESO ditetapkan dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

**DANA PELABURAN**

**2012 : RM20,094.08 JUTA**  
**(2011 : RM19,123.23 JUTA)**  
**MENINGKAT 5.08%**

Dana pelaburan PERKESO pada tahun 2012 mencatat pertumbuhan sebanyak RM970.85 juta atau 5.08% kepada RM20,094.08 juta berbanding RM19,123.23 juta pada 2011. Peningkatan ini disebabkan pendapatan pelaburan dan peningkatan kutipan caruman dalam tahun 2012. Jumlah dana pelaburan PERKESO dari tahun 2008 hingga 2012 ditunjukkan di Graf 10.

**INVESTMENT ACTIVITIES**

As provided in Section 75 (1) of the Employees' Social Security Act, 1969, funds not immediately required for meeting expenses shall be invested. Investment activities is of supreme importance to SOCSO in ensuring sustainability of the social security fund.

SOCSO's asset allocation is mandated and approved by Ministry of Finance Malaysia.


**INVESTMENT FUND**

**2012 : RM20,094.08 MILLION**  
**(2011 : RM19,123.23 MILLION)**  
**INCREASED BY 5.08%**

SOCSO's investment fund registered a growth of RM970.85 million or 5.08% from RM19,123.23 million in 2011 to RM20,094.08 million for the year 2012. Investment returns coupled with increase in contributions collected resulted a net increase in investment fund for 2012. The total of SOCSO's investment fund from 2008 to 2012 is shown in Graph 10.

Alokasi aset pelaburan adalah seperti ditunjukkan di Carta 14.

Investment assets allocation as shown in Chart 14.



PERKESO mengamalkan strategi pelaburan jangka panjang yang konservatif dan cermat dengan mengambil kira risiko yang terpaksa ditanggung dalam menguruskan dana. Ini jelas dengan wajaran yang menjurus kepada instrumen pendapatan tetap dalam agihan aset strategik.

SOCSO adopts a conservative and prudent long-term investment strategy by taking into account risk factors in managing the funds. This strategy is reflected in weightage that gravitates towards fixed income instruments in line with SOCSO's strategic asset allocation.

**PULANGAN PELABURAN**


**TAHUN 2012 : RM961.98 JUTA**  
**(2011 : RM1,036.07 JUTA)**  
**MENURUN 7.15%**

Pulangan pelaburan bersih pada tahun 2012 adalah berjumlah RM961.98 juta, menurun sebanyak RM74.09 juta atau 7.15% berbanding dengan RM1.04 bilion pada tahun 2011. Penurunan berbanding 2011 disebabkan pengambilalihan saham PLUS yang berlaku pada tahun 2011 dan kurangnya pendedahan terhadap portfolio ekuiti dalam keseluruhan alokasi aset.

**INVESTMENT RETURNS**


**2012: RM961.98 MILLION**  
**(2011: RM1,036.07 MILLION)**  
**DECREASED BY 7.15%**

In 2012, SOCSO received a net investment returns of RM961.98 million compared to RM1.04 billion in the previous year, decreased by RM74.09 million or 7.15% due to disposal of PLUS shares in 2011 and low equity exposure of the social security fund in overall asset allocation.




Pencapaian pulangan pelaburan dari 2008 hingga 2012 adalah seperti ditunjukkan di Graf 11.

The performance of investment returns 2008-2012 is presented in Graph 11.



Komposisi pulangan pelaburan mengikut alokasi aset pada 2012 adalah seperti ditunjukkan di Carta 15.

The composition of investment returns according to the asset allocation in 2012 is shown in Chart 15.



## PENGURUSAN PELABURAN DALAMAN

### Persekitaran Operasi

Ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi yang memuaskan dari luar jangkauan pada tahun 2012 dengan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.6% yang disokong oleh Program Transformasi Ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Pertumbuhan ekonomi ini telah melonjakkan pasaran saham pada tahap tertinggi pada bulan Disember 2012 iaitu 1,688.95 mata. Dalam tempoh yang sama, Bank Negara Malaysia mengekalkan kadar polisi semalaman pada 3% sepanjang tahun 2012 berdasarkan pertumbuhan ekonomi.

### Ekuiti

Dalam menguruskan pelaburan dalaman ekuiti, PERKESO melaksanakan pengurusan secara pasif di mana pembelian dan penjualan dilakukan dalam tempoh masa yang panjang bagi mengimbangi portfolio dan menikmati keuntungan modal serta penerimaan dividen. Syarikat dengan aliran tunai yang kukuh, polisi pembayaran dividen yang tinggi, urus tadbir yang telus dengan model perniagaan yang baik serta mampu dipertahankan dalam apa jua keadaan ekonomi diutamakan.

Pelaburan di dalam ekuiti pada penghujung 2012 adalah 15.09% daripada dana pelaburan PERKESO. Aset pelaburan di dalam Ekuiti berjumlah RM3,032.72 juta, meningkat sebanyak RM213.00 juta atau 7.55% berbanding RM2,819.72 juta pada penghujung 2011. Dari segi alokasi sektor, saham sektor utama ekonomi negara seperti perbankan dan kewangan (34%), perladangan (17%), pembinaan (5%), hartanah (5%), utiliti (6%), minyak dan gas (7%) serta pengguna (6%) menjadi pegangan saham asas PERKESO. Pegangan saham membawa pulangan pendapatan dividen sebanyak RM125.58 juta manakala bakinya sejumlah RM139.98 juta pula adalah keuntungan modal dari jualan saham.

## IN-HOUSE INVESTMENT ACTIVITIES

### Operational Environment

The Malaysian Economy sustained better than expected performance of 5.6% largely supported by Government's Economic Transformation Programmes. Healthy economic performance pushed the stock market to the maximum of 1,688.95 points in December 2012. At the same time, Central Bank of Malaysia maintained the overnight policy rate at 3% to accommodate economic growth.

### Equities

In managing its internal equity portfolio, SOCSO follows a passive investment strategy where equity portfolio is constructed over a period of time to balance capital gains and dividend income. Companies with healthy cash flow and high dividend pay-out policy, transparent governance with good business model and defensive in any economic scenarios are preferred and emphasised.

As at December, 2012, SOCSO's equity investment stood 15.09% from investment fund. A total of RM3,032.72 million is invested in equities which signifies an increase of RM213.00 million or 7.55% compared to RM2,819.72 million for the year ended 2011. As for sector allocation, 34% is invested in banking and financial sector followed by plantations (17%), constructions (5%), real estate (5%), utility (6%), oil and gas (7%) and consumer (6%) forms the core holdings of SOCSO. The said holdings generated a dividend income of RM125.58 million and capital gain of RM139.98 million.

Cawangan Penyelidikan Pelaburan PERKESO, dari masa ke semasa mengadakan perjumpaan dengan pengurusan tertinggi syarikat yang dilaburnya dan berbincang mengenai strategi pengurusan dan halatuju syarikat bagi mendapatkan gambaran jelas bagi membolehkan PERKESO membuat keputusan pelaburan secara bijak.

**Sekuriti Kerajaan (Konvensional dan Islamik),  
Sekuriti Hutang Korporat dan Pinjaman  
Dijamin Kerajaan**

Instrumen pendapatan tetap yang terdiri daripada Sekuriti Kerajaan (SK: Konvensional dan Islamik), Sekuriti Hutang Korporat (SHK) dan Pinjaman Dijamin Kerajaan yang merangkumi 52.42% dana pelaburan PERKESO, telah membawa pulangan sejumlah RM480.19 juta, iaitu 49.92% daripada pulangan pelaburan keseluruhan dalam bentuk kupon dan keuntungan modal. Buat masa ini, PERKESO belum lagi melaksanakan perdagangan sekunder SK dan SHK kerana pendirian PERKESO pada masa ini adalah memegang instrumen pendapatan tetap sehingga matang.

SK merupakan komponen terbesar kelas aset ini iaitu 40.77% dengan nilai buku sejumlah RM8,192.17 juta dan membawa pulangan RM357.68 juta dalam bentuk bayaran kupon. Aset pelaburan PERKESO di dalam SK adalah berjumlah RM8,192.17 juta pada tahun 2012, meningkat sebanyak RM598.33 juta atau 7.88% daripada RM7,593.84 juta pada tahun 2011. Sepanjang tahun 2012, sejumlah RM835 juta SK telah matang dan pembelian baru sebanyak RM585 juta dilaksanakan.

Pada tahun 2012, Pinjaman Jaminan Kerajaan bagi amaun RM800 juta juga turut dilaksanakan oleh PERKESO.

Portfolio SHK meningkat sebanyak 13.90% atau RM285.62 juta kepada RM2,340.48 juta berbanding RM2,054.86 juta pada 2011 dengan pembelian baru berjumlah RM525.0 juta. Dalam masa yang masa,

The Investment Research Section of SOCSO meets with investee companies' top management as part of monitoring function and also to get an insight of their strategy and direction to enable SOCSO make an informed decision.

**Government Securities (Conventional and Islamic), Corporate Debt Securities and Loan Guaranteed by Government**

52.42% of SOCSO's investment fund is invested in fixed income instruments comprising of Government Securities (GS Conventional and Islamic), Corporate Debt Securities (CDS) and Loan Guaranteed by Government. It brought forth a total of RM480.19 million or 49.92% of investment income received largely through coupon payment and capital gain. SOCSO holds GS and CDS to maturity and has yet to engage in trading of fixed income instruments to enhance its earnings.

GS is the largest component of this asset class which is 40.77% with book value RM8,192.17 million and generated income of RM357.68 million in coupon payment. There was a surge of RM598.33 million or 7.88% in this asset class compared to RM7,593.84 million in 2011. Throughout 2012, SOCSO's GS holding of RM835 million matured and purchased RM585 million of new GS was purchased.

A Government Guaranteed Loan of RM800 million was also executed by SOCSO in 2012.

CDS portfolio increased by 13.90% or RM285.62 million to RM2,340.48 million compared to RM2,054.86 million in 2011. Throughout 2012,

SHK bernilai RM70.0 juta telah dijual manakala yang matang pula bernilai sebanyak RM210 juta. Pelaburan di dalam SHK adalah 11.65% daripada dana pelaburan PERKESO. Pulangan pelaburan dari SHK meningkat sebanyak 14.67% kepada RM122.51 juta berbanding dengan RM106.84 juta pada tahun 2011.

Komposisi penarafan instrumen ini menjurus kepada kertas 'AAA' dan 'AA' seperti yang disyaratkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Pecahan sektor Sekuriti Hutang Korporat pula sebahagian besarnya di bawah perbankan dan kewangan (62.2%) dan konsesi tol (9.78%) diikuti oleh konglomerat dan hartanah.

Dengan peratusan pegangan dana yang tinggi, PERKESO berharap dapat membida kertas hutang korporat yang berkualiti yang dikeluarkan oleh perbadanan yang mantap dengan pengurusan yang telus dan dengan model perniagaan yang mampan serta aliran tunai yang stabil.

**Pasaran Wang**

Aset pelaburan PERKESO di dalam Pasaran Wang terdiri daripada Simpanan Tetap dan Deposit Jangka Pendek di institusi kewangan yang diluluskan bagi tempoh semalaman hingga dua belas bulan. Pelaburan PERKESO di dalam instrumen ini telah menurun sebanyak RM126.10 juta atau 1.89% kepada RM6.53 bilion tahun 2012 berbanding RM6.65 bilion pada tahun 2011. Pegangan PERKESO di dalam kelas aset ini adalah 32.49% daripada aset pelaburan PERKESO pada penghujung 2012. Wajaran dalam kelas aset ini lebih disebabkan realisasi keuntungan dari kelas aset lain dan ketidakpastian di dalam pasaran modal.

SOCSO's CDS holding of RM70.0 million was sold, RM210.0 million matured and RM525.0 million new CDS was purchased. Investment in CDS represents 11.65% of the total investment fund. Investment income in this instrument surged by 14.67% to RM122.51 million compared to RM106.84 million in 2011.

Rating composition largely skewed to 'AAA' and 'AA' as mandated by Ministry of Finance. Sector weighting is largely on finance and banking (62.2%), toll concession (9.78%) followed by conglomerate and real estate.

With the higher percentage of investment fund holding, SOCSO is expected to bid for a quality corporate debt securities issued by the establish corporations which practise good governance, embrace sustainable business model and a stable cash flow.

**Money Market**

Investment in this asset class is in short term and fixed deposits in approved financial institutions with tenure ranging from overnight to twelve months. Exposure in money market instruments has been reduced by RM126.10 million or 1.89% to RM6.53 billion in 2012 compared to RM6.65 billion in 2011. SOCSO investment in money market instruments is 32.49% of the total assets under management in the year 2012. SOCSO's high cash position is largely due to realization of income from other asset classes and also partly due to uncertainties in capital markets.

Pelaburan di dalam Pasaran Wang membawa pulangan sebanyak RM218.29 juta atau 22.69% daripada keseluruhan pulangan pelaburan PERKESO bagi tahun 2012 iaitu meningkat sebanyak RM26.16 juta atau 13.61% berbanding tahun 2011. Wajaran yang lebih dalam kelas aset ini dan tindakan Bank Negara Malaysia mengekalkan kadar semalaman pada kadar 3.0% sepanjang tahun 2012 memberi kesan peningkatan pendapatan bagi instrumen ini.

#### MANDAT PELABURAN LUARAN

Sebagai langkah pelbagaian pengurusan pelaburan, PERKESO mengkhaskan sebahagian dari dananya (disekitar 10%) untuk ditadbir oleh pengurus portfolio luar domestik dan luar negara untuk mengendalikan pelaburan ekuiti dan bon dalam negeri dan ekuiti luar negeri. Sehingga 31 Disember 2012, dana sejumlah RM1.93 bilion telah diberikan kepada Pengurus Portfolio Domestik untuk ditadbir manakala USD50 juta diuruskan oleh Pengurus Portfolio Luar Negara.

Money markets instruments brought forth RM218.29 million or 22.69% of overall investment income in 2012, an increase of 13.61% or RM26.16 million in 2011. This increase is due to parallel to higher allocation in this asset class and constant overnight policy rate at 3.0% by Central Bank of Malaysia.

#### EXTERNAL INVESTMENT MANDATE

In an effort to diversify its investment activities, SOCSO allocates a portion of its investment fund to external domestic and foreign portfolio managers to manage domestic equity and bond funds and foreign equity. As at 31 December 2012, a total of RM1.93 billion has been farmed out to Domestic Portfolio Managers while USD50 million managed by Foreign Portfolio Managers.

Sepanjang tahun 2012, jumlah pendapatan yang diterima dari pengurus portfolio (bon dan ekuiti) adalah RM190.52 juta bersamaan 19.80% daripada keseluruhan pendapatan pelaburan dalam bentuk keuntungan modal, terimaan faedah dan bayaran kupon. Sebagai langkah pemantauan, mesyuarat penilaian prestasi diadakan setiap suku tahun dengan kesemua pengurus portfolio dan taklimat hala tuju ekonomi negara serta pasaran modal kepada Panel Pelaburan.

#### Hartanah

PERKESO memiliki 16 buah bangunan yang menempatkan Pejabat PERKESO Negeri dan Ibu Pejabat dengan ruang pejabat yang boleh disewa dengan keluasan 1/2 juta kaki persegi. Kadar penghunian adalah di sekitar 82.3%. Pulangan sewa yang diterima pada tahun 2012 adalah RM14.64 juta.

#### Aktiviti Pemegang Saham

Demi kepentingan dan kesejahteraan pencarum, PERKESO memastikan aktiviti pelaburannya membawa pulangan berterusan dan memastikan pelaburan dibuat dalam syarikat yang menekankan urustadbir secara telus dan menerapkan nilai etika dalam model perniagaannya. Cawangan Penyelidikan Pelaburan seringkali mengadakan lawatan secara terurus atau apabila diperlukan sebelum membuat keputusan melabur.

PERKESO juga menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan/Mesyuarat Agung Luar Biasa dan melaksanakan hak pengundiannya. Secara ringkas, lawatan dan kehadiran ini telah mewujudkan pemantauan terhadap syarikat yang dilabur.

Throughout 2012, portfolio managers (bonds and equities) generated an income of RM190.52 million or 19.80% from total investment income in the form of capital gains, interest and coupon payments. As part of monitoring process, performance evaluation meeting are held on quarterly basis with all the portfolio managers and brief on general economic outlook and capital market direction to the Investment Panel.

#### Properties

SOCSO owns 16 buildings that house state offices and headquarters with rentable space of 1/2 million square feet. Present occupancy rate is 82.3%. Rental income for the year 2012 was RM14.64 million.

#### Shareholder Activities

In the interest of its contributors, SOCSO has to ensure investee companies are not only return oriented but also institutionalise transparent corporate governance. SOCSO Investment Research Team conducts visits to investee companies to gain insight of profitability, financial sustainability and business strategy of the said companies.

SOCSO also attends Annual General Meeting/Extra Ordinary Meeting and exercise its voting rights accordingly. In short, these visits and attendance establish good monitoring of investee companies.

Jadual 9: Senarai Pengurus Portfolio Domestik dan Luar Negara  
Table 9: List of Domestic and Foreign Portfolio Managers

Pengurus Portfolio Domestik : Ekuiti / Domestic Portfolio Managers (Equities)	
	CIMB Principal Asset Management Bhd.
	AmlInvestment Management Sdn. Bhd.
	Hwang Investment Management Bhd.
	Nomura Asset Management Malaysia Sdn. Bhd.
	UOB-OSK Asset Management Sdn. Bhd.
	Pacific Mutual Fund Bhd.
Pengurus Portfolio Domestik : Bon / Domestic Portfolio Managers (Bonds)	
	AmlInvestment Management Sdn. Bhd.
	CIMB Principal Asset Management Bhd.
	KAF Fund Management Sdn. Bhd.
Pengurus Portfolio Luar Negara : Ekuiti / Foreign Portfolio Managers (Equities)	
	Aberdeen Asset Management Sdn. Bhd.

Selain itu, PERKESO juga bergerak aktif bersama pemegang saham minoriti yang lain bagi memelihara kepentingan bersama. PERKESO merupakan salah satu ahli pengasas Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (BPPSM) yang menyatu padukan suara pemegang saham minoriti agar kepentingan mereka tidak terjejas. Pegawai Bahagian Pelaburan PERKESO mengambil bahagian dalam seminar dan bengkel yang dianjurkan oleh BPPSM dari masa ke semasa. Forum sebegini digunakan oleh PERKESO untuk mendapatkan maklumat tidak formal dan bertukar pendapat mengenai senario pelaburan dan ekonomi negara.

#### Rancangan Masa Depan

Pada keseluruhannya, pulangan pelaburan PERKESO adalah pada tahap yang boleh dianggap memuaskan berdasarkan kepada pendekatan pelaburan konservatif dengan keselamatan modal. Krisis kewangan global yang lalu, perubahan senario politik dan ekspektasi umum untuk memperkenalkan skim-skim keselamatan sosial yang baru (tanpa meningkatkan caruman) dijangka memberi kesan ke atas kemampuan dana keselamatan sosial dan memerlukan PERKESO menstrukturkan semula strategi pelaburannya bagi memastikan:-

- Kecairan untuk menampung komitmen bila diperlukan; dan
- Mengekalkan nisbah pembiayaan yang positif dalam apa jua senario kewangan, sosial dan ekonomi.

Sebagai langkah terdekat, PERKESO telah membuat perubahan asas kepada Dasar dan Garis Panduan Pelaburannya yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Skim Keselamatan Sosial merupakan defined benefit schemes di mana segala risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh PERKESO.

Apart from the direct actions above, SOCSO also cooperates with other minority shareholders to safeguard its interest. SOCSO is one of the founder members of Minority Shareholders Watchdog Group (MSWG) that unites minority shareholders' voice. Investment Division Officers attends forum and seminar organised by MSWG. These seminar and forum enable SOCSO to mine information informally and exchange ideas on investment and economic climate of the country.

#### The Way Forward

Generally, SOCSO's investment return has been respectable and satisfactory considering its conservative approach with safety of capital in mind. However, experiences in global financial crisis, changes in political scenario and expectations of the masses on SOCSO to introduce new social security schemes (without increasing contributions rates) has necessitated and highlighted the importance of having a restructured investment policy to ensure two core components of SOCSO investment strategy are emphasized:-

- Liquidity to pay its commitments when it becomes due; and
- Maintain a positive funding ratio regardless of financial, social and economic scenarios.

As a short term measure, SOCSO has amended its Investment Guidelines and Policy that has been approved by the Ministry of Finance.

Social Security Schemes are defined benefit schemes where investment risk is solely borne by SOCSO.

Untuk memahami profil liabiliti, aset dan risiko, PERKESO telah mengatur langkah untuk melaksanakan Kajian Aset Liabiliti yang dijangkakan selesai pada suku pertama tahun 2014.

Menerusi kajian ini, PERKESO berharap dapat merumuskan strategi pelaburan dengan efektif dan optimum bagi memadamkan komponen profil tersebut untuk mengurus risiko dan pelaburan yang lebih berstruktur dan menyeluruh.

#### PRESTASI KEWANGAN

Secara keseluruhannya, jumlah pendapatan PERKESO bagi tahun 2012 meningkat sebanyak RM81.77 juta atau 2.53% kepada RM3,318.73 juta berbanding RM3,236.96 juta pada 2011. Jumlah perbelanjaan juga meningkat sebanyak RM277.33 juta atau 13.81% kepada RM2,285.72 juta berbanding RM2,008.39 juta pada tahun 2011. Dengan itu, pendapatan bersih menurun sebanyak RM195.56 juta atau 15.92% kepada RM1,033.01 juta berbanding RM1,228.57 juta pada 2011.

Pendapatan caruman meningkat sebanyak RM153.47 juta atau 7.07% kepada RM2,325.50 juta berbanding RM2,172.03 juta pada tahun 2011 terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam kutipan caruman oleh majikan dan pekerja yang mencarum dan keberkesanan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan melalui 'Ops Kesan'. Peningkatan kutipan caruman ini mencerminkan tahap kesedaran yang kian meningkat di kalangan majikan mengenai tanggungjawab mereka untuk mencarum kepada PERKESO berikutan keberkesanan program dan kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh PERKESO.

Pulangan pelaburan pula menurun sebanyak RM74.09 juta atau 7.15% kepada RM961.98 juta berbanding RM1,036.07 juta pada tahun 2011 berikutan penurunan dalam pendapatan dividen berbanding tahun sebelumnya. Justeru, penurunan ini telah menyumbang kepada pengurangan dalam kadar pulangan pelaburan kepada 5.03% pada 2012 berbanding 5.76% pada 2011.

In order to understand liability, asset and risk profiles, SOCSO has commissioned Asset Liability Study which is expected to be completed in first quarter of 2014.

Through this study, it is hoped that SOCSO will be able to formulate an effective and optimal investment strategy that formalises the connection between these components giving holistic and structured approach to managing risk and investment.

#### FINANCIAL PERFORMANCE

SOCSO's overall income for 2012 increased by RM81.77 million or 2.53% to RM3,318.73 million from RM3,236.96 million in 2011. Similarly, its total expenses also rose by RM277.33 million or 13.81% to RM2,285.72 million compared to RM2,008.39 million in 2011. As a result, net income for 2012 was reduced by RM195.56 million or 15.92% to RM1,033.01 million compared to RM1,228.57 million in 2011.

Meanwhile, income from contributions saw an increase of RM153.47 million or 7.07% to RM2,325.50 million compared to RM2,172.03 million in 2011. This is mainly contributed by the increase of contributions by employers and employees as well as the effectiveness of enforcement activities via 'Ops Kesan'. The increase reflects greater awareness among employers on their responsibilities to contribute to SOCSO due to the effectiveness of programmes and awareness campaigns organised by SOCSO.

Returns on investment for 2012 decreased by RM74.09 million or 7.15% to RM961.98 million compared to RM1,036.07 in 2011 due to a decline in dividend income compared to the preceding year. As a result, this has contributed to the decrease on the rate of returns on investment from 5.76% in 2011 to 5.03% in 2012.

Jadual 10: Ringkasan Statistik Kewangan 2008-2012  
Table 10: Financial Statistics Summary 2008-2012

Sementara itu, perbelanjaan tanggungan meningkat sebanyak RM292.19 juta atau 16.90% kepada RM2,020.85 juta pada 2012 berbanding RM1,728.66 juta pada tahun sebelumnya berikutan peningkatan dalam bilangan kes-kes tuntutan faedah dan bayaran penyesuaian kos sara hidup termasuk pelarasan kadar pencen minima kepada penerima faedah PERKESO. Walau bagaimanapun, perbelanjaan mengurus telah menurun sebanyak RM14.87 juta atau 5.32% kepada RM264.87 juta berbanding RM279.74 juta pada tahun 2011 berikutan ketiadaan peruntukan penjejasan nilai harta tanah dan bangunan PERKESO pada 2012.

Penilaian semula tanah dan bangunan PERKESO bagi setiap tempoh 5 tahun telah dilaksanakan pada tahun 2011 bagi tujuan semakan penjejasan nilai harta tanah berdasarkan kehendak piawaian perakaunan *Malaysian Accounting Standards Board (MASB) 23* mengenai Penjejasan Aset.


Secara keseluruhannya prestasi kewangan PERKESO adalah seperti ditunjukkan di Jadual 10, Carta 16 dan 17.

Meanwhile, benefits expenditure increased by RM292.19 million or 16.90% to RM2,020.85 million in 2012 compared to RM1,728.66 million in the previous year due to an increase in the number of benefit claims and enhanced cost of living payments including payments for the increase in minimum pension rate to benefit recipients. However, administrative expenditure decreased by RM14.87 million or 5.32% to RM264.87 million compared to RM279.74 in 2011 as there was no provision for impairment on the value of SOCSO's property and buildings in 2012.

Revaluation of SOCSO's land and buildings at the interval of every 5 years was carried out in 2011, for impairment review of property value so as to accommodate the requirements of the accounting standards of Malaysian Accounting Standards Board (MASB) 23 on Impairment of Assets.

SOCSO's overall financial performance are shown in Table 10, Chart 16 and 17.

Perkara / Tahun Item / Year	2008	2009	2010	2011	2012
<b>Petunjuk Kewangan (RM) / Financial Indicators (RM)</b>					
Caruman / Contributions	1,834,655,139	1,867,157,486	2,007,867,102	2,172,034,719	2,325,498,419
Pulangan Pelaburan Return on Investments	391,554,911	1,015,247,356	870,787,281	1,036,066,257	961,979,842
Faedah Caruman Lewat Bayar / Interest on Late Contributions	17,946,470	11,497,810	10,683,709	12,728,942	9,302,982
Lain-lain Pendapatan Other Income	6,855,467	8,147,115	9,798,459	16,135,702	21,949,018
Jumlah Pendapatan Total Income	2,251,011,987	2,902,049,767	2,899,136,551	3,236,965,620	3,318,730,261
Tanggungan / Benefits	1,196,373,407	1,395,596,032	1,692,257,906	1,728,656,518	2,020,851,496
Mengurus / Administrative	189,467,896	190,643,427	238,836,365	279,737,310	264,869,486
Jumlah Perbelanjaan Total Expenditure	1,385,841,303	1,586,239,459	1,931,094,271	2,008,393,828	2,285,720,982
Pendapatan Bersih Tahun Semasa Net Income for Current Year	865,170,684	1,315,810,308	968,042,280	1,228,571,792	1,033,009,279
Kumpulan Wang Keselamatan Sosial Social Security Fund	16,319,274,528	17,635,084,836	18,603,127,116	19,831,698,908	20,864,708,186
<b>Perbelanjaan Faedah (RM) / Benefits Expenditure (RM)</b>					
Faedah Hilang Upaya Sementara / Temporary Disablement Benefit	94,063,947	104,007,611	109,177,424	119,770,229	135,623,005
Faedah Hilang Upaya Kekal Permanent Disablement Benefit	214,624,319	274,841,608	306,382,930	326,173,140	363,510,920
Faedah Orang Tanggungan Dependants' Benefit	151,523,040	160,205,336	205,316,141	192,631,812	216,012,135
Faedah Pengurusan Mayat Funeral Benefit	12,231,968	13,382,455	13,311,564	14,335,185	14,550,077
Faedah Perubatan Medical Benefit	4,937,432	4,916,986	5,098,960	5,318,467	4,678,024
Elaun Layanan Sentiasa Constant-attendance Allowance	12,077,442	13,371,741	16,657,428	17,143,630	20,906,153
Pencen Ilat dan Bantuan Ilat Invalidity Pension and Invalidity Grant	243,447,308	266,920,273	345,566,000	340,967,277	413,392,077
Pencen Penakat Survivors' Pension	398,973,488	449,153,104	581,519,646	583,761,116	704,287,285
Pemulihan Jasmani atau Vokasional / Physical or Vocational Rehabilitation	54,207,201	67,328,502	95,129,959	110,665,281	127,050,884
Jumlah Perbelanjaan Total Expenditure	1,186,086,145	1,354,127,616	1,678,160,052	1,710,766,137	2,000,010,560



**PERBELANJAAN MENGRUS**  
**RM264.87 JUTA (2011: RM279.74 JUTA)**  
**MENURUN 5.31%**


**ADMINISTRATIVE EXPENDITURE**  
**RM264.87 MILLION (2011: RM279.74 MILLION),**  
**DECREASED BY 5.31%**

Jumlah dan peratus Perbelanjaan Mengurus bagi 2011-2012 adalah seperti di Jadual 11.

The total and percentage of Administrative Expenditure 2011-2012 are shown in Table 11.

Jadual 11: Komponen Perbelanjaan Mengurus 2011-2012  
Table 11: Administrative Expenditure Components 2011-2012

Komponen/Components	2011 (RM) (Juta/Million)	2012 (RM) (Juta/Million)	Perubahan Changes (%)
Emolumen / Emoluments	133.60	141.33	5.79
Perkhidmatan dan Bekalan / Services and Supplies	88.48	85.47	(3.40)
Susutnilai Harta Tanah, Loji dan Peralatan / Depreciation of Property, Plant and Equipment	22.00	22.51	2.32
Penjejasan Nilai / Impairment	20.47	-	(100.00)
Pemberian dan Bayaran Tetap / Grants and Fixed Payments	0.98	0.86	(12.68)
Harta Perbekalan / Supplies	2.52	1.99	(21.04)
Bayaran Audit / Audit Fees	0.21	0.23	10.00
Perbelanjaan Pelaburan / Investment Expenditure	6.93	8.35	20.48
Pelbagai Perbelanjaan / Miscellaneous Expenses	4.55	4.13	(9.09)
<b>Jumlah/Total</b>	<b>279.74</b>	<b>264.87</b>	<b>(5.31)</b>



**RINGKASAN PETUNJUK PRESTASI KEWANGAN**

**FINANCIAL PERFORMANCE INDICATORS SUMMARY**


Pada keseluruhannya, petunjuk prestasi kewangan PERKESO bagi tempoh 2008-2012 adalah seperti di Graf 12-16.

The overall, SOCSO's financial performance indicators for 2008-2012 are shown in Graph 12-16.

**Graf 12: Jumlah Pendapatan 2008-2012**  
*Graph 12: Total Income 2008-2012*




**Graf 13: Jumlah Perbelanjaan 2008-2012**  
*Graph 13: Total Expenditure 2008-2012*




**Graf 14: Pendapatan Bersih 2008-2012**  
*Graph 14: Net Income 2008-2012*



**Graf 15: Jumlah Aset Terkumpul 2008-2012**  
*Graph 15: Total Cumulative Assets 2008-2012*



Graf 16: Kumpulan Wang Keselamatan Sosial 2008-2012  
Graph 16: Social Security Fund 2008-2012



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong  
*This page is intentionally left blank*

Perbelanjaan tanggungan meningkat sebanyak

# 16.90%

kepada RM2,020.85 juta pada 2012 berbanding RM1,728.65 juta pada tahun sebelumnya berikutan peningkatan dalam bilangan kes-kes tuntutan faedah dan bayaran penyesuaian kos sara hidup termasuk pelarasan kadar pencen minima.

The benefit expenditure in 2012 rose by 16.90% to RM2,020.85 million as compared to RM1,710.77 million in previous year due to an increase in the number of benefit claims, pension rate adjustments and also increased in minimum pension rate.



**LAPORAN AKTIVITI**  
**ACTIVITY REPORTS**

## SEMAKAN DAN PINDAAN UNDANG-UNDANG

Pada tahun 2012 PERKESO dengan kerjasama Penasihat Undang-Undang Kementerian Sumber Manusia dan Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara telah menyediakan draf muktamad pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969. Pindaan ini telah dibentangkan kepada Menteri Sumber Manusia pada 19 September 2012 untuk kelulusan dasar sebelum dibentangkan ke Kabinet.

Cadangan pindaan di dalam draf tersebut telah dipersetujui oleh Kabinet yang mana mempunyai empat komponen utama iaitu berkaitan menaikkan had umur liputan Skim Keilatan daripada mencapai umur 55 tahun kepada mencapai 60 tahun, kuasa Menteri menetapkan kadar bayaran Elaun Layanan Sentiasa, peruntukan bagi membolehkan transaksi dibuat melalui medium elektronik di antara PERKESO dan pelanggannya serta pindaan berkaitan kesan kenaikan umur dari aspek transisional pengoperasian oleh PERKESO.

### Aktiviti dan Pencapaian

Rang Undang-Undang ini dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah diluluskan dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 20 Disember 2012 dan telah diwartakan pada 26 Disember 2012 yang mana tarikh berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013.

Selaras dengan pindaan kepada AKSP 1969, tindakan susulan menyediakan draf pindaan kepada Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja [PP(A)KSP] 1971 telah diambil agar peruntukannya selaras dengan pindaan kepada AKSP 1969.

Pada 3 Disember 2012 cadangan pindaan kepada PP(A)KSP 1971 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga PERKESO.

## REVISION AND AMMENDMENT OF THE LAW

In 2012, SOCSO in collaboration with the Ministry of Human Resources' Legal Advisor Office and Drafting Division of the Attorney General's Chamber has prepared the final draft amendment of the Employees' Social Security Act (ESSA) 1969. The amendment was presented to the Minister of Human Resources on 19 September 2012 for policy decision before being presented to the Cabinet.

The proposed draft amendment was approved by the Cabinet which comprises 4 main components in relation to the extension of age limit for coverage under Invalidity Pension from attaining 55 years to attaining 60 years, the power of the Minister to determine the rate for Constant-attendance Allowance, provision for transactions between SOCSO and its customers via electronic medium and amendment on the impact of age-related changes on transitional aspects of SOCSO operation.

### Activities and Achievement

This Bill was tabled in the House of Representatives and House of Senates and was assented by the Yang di-Pertuan Agong on 20 December 2012 and was gazetted on 26 December 2012 which came into force on 1 January 2013.

Pursuant to amendments of the ESSA 1969, a follow up action was taken to prepare a draft amendment to the Employees' Social Security (General) Regulations 1971 [ESS(G)R 1971] so that its provisions are in line with the amendments to the ESSA 1969.

On 3 December 2012 the proposed amendments to the [ESS(G)R 1971] was presented and approved by Board of SOCSO.

Cadangan pindaan kepada PP(A)KSP 1971 tersebut telah dikemukakan kepada Penasihat Undang-Undang Kementerian Sumber Manusia untuk semakan sebelum dikemukakan kepada Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara.

Cadangan pindaan di dalam PP(A)KSP 1971 mempunyai dua komponen iaitu berkaitan menaikkan had umur liputan Skim Keilatan daripada mencapai 55 tahun kepada mencapai 60 tahun dan berkaitan sistem ICT Core System yang sedang dibangunkan bagi mengurangkan borang-borang tuntutan faedah dengan mewujudkan satu borang sahaja untuk pelbagai tuntutan faedah.

## KENAIKAN KADAR PENCEN MINIMA DAN PELARASAN KADAR PENCEN

### KENAIKAN KADAR PENCEN MINIMA

PERKESO dari semasa ke semasa melaksanakan kajian bagi menentukan kadar pencen yang dibayar kepada penerima faedah adalah selari dan bersesuaian dengan tahap ekonomi dan kos sara hidup semasa.

Berkuat kuasa 1 Januari 2012, YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia telah meluluskan kenaikan kadar pencen minimum di bawah Skim Keilatan daripada RM250 kepada RM475 sebulan.

### Aktiviti dan Pencapaian

Penyelarasan semua kes di bawah Skim Keilatan yang terlibat dengan bayaran serta tunggakan pelarasan kadar pencen minima telah dijalankan melalui Arahan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 pada 22 Mac 2012.

The proposed amendments to the [ESS(G)R 1971] was forwarded to Legal Advisor of the Ministry of Human Resources for vetting before it is being forwarded to the Drafting Division of the Attorney General's Chambers.

The proposed amendments in the [ESS(G)R 1971] comprises of 2 components that is relating to the extension of age limit coverage for Invalidity Pension from attaining 55 years to attaining 60 years and development of ICT Core System to reduce the benefits claim forms by introducing one form for multiple benefits claim.

## INCREASE IN MINIMUM PENSION AND ADJUSTMENT OF PENSION RATE

### INCREASE IN MINIMUM PENSION RATE

SOCSO regularly conducts studies to determine an appropriate pension rate paid to its beneficiaries. This is to ensure the rate substantiates with prevailing economy and cost of living.

Effective 1 January 2012, YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, the Minister of Human Resources, had approved a raise in minimum pension rate under Invalidity Scheme from RM250 to RM475 per month.

### Activities and Achievement

Adjustments of all cases involving payment and arrears of minimum pension rate under Invalidity Scheme were implemented on 22 March 2012 under the Order of Employees' Social Security Act 1969.

Sebanyak 85% penerima faedah telah dibayar pelarasan pencen melalui pengkreditan terus ke akaun penerima pada April 2012 manakala 15% penerima faedah melibatkan proses bayaran secara manual telah menerima pelarasan pencen masing-masing setelah tindakan hitung semula selesai.

Semua penerima faedah yang layak menerima kenaikan pencen minima telah menerima pencen masing-masing dengan kadar baru yang telah diselaraskan melibatkan seramai lebih 56,399 orang penerima yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM46.56 juta setahun.

**PELARASAN KADAR PENCEN**

**Aktiviti dan Pencapaian**

Selaras dengan perubahan material sara hidup semasa, PERKESO dengan kerjasama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menjalankan penilaian aktuari pada setiap 5 tahun. Hasil daripada penilaian tersebut, pada tahun 2012 kadar pencen dinaikkan antara 1.3% hingga 3.7% berkuatkuasa mulai Januari 2011.

Kenaikan kadar pencen ini membawa kepada implikasi kewangan tambahan berjumlah RM44.09 juta setahun. Kira-kira 270,595 penerima faedah yang terdiri dari penerima Faedah Hilang Upaya Kekal (16,966 orang), Faedah Orang Tanggungan (39,807 orang), Pencen Ilat (38,258 orang) dan Pencen Penakat (175,564 orang) terlibat dengan kenaikan.

Pada keseluruhannya, pelaksanaan kenaikan kadar pencen minima dan pelarasan kadar pencen melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM90.65 juta setahun.

A total of 85% of the recipients received their pension adjustments through direct credit into the beneficiaries' accounts in April 2012, while the remaining 15% was manually processed and had all been paid after recalculation was completed.

More than 56,399 eligible beneficiaries had received their respective pension according to the new adjustment rate and this exercise involved an additional financial implication of RM46.56 million per annum.

**ADJUSTMENT OF PENSION RATE**

**Activities and Achievement**

In line with substantial changes in the cost of living, SOCSO in collaboration with the International Labour Organisation (ILO) conducts actuarial study every five years. Based on the study, pension rate for its beneficiaries had been increased in 2012 from 1.3% to 3.7% effective January 2011.

The rise in the pension rate led to an additional financial implication of RM44.09 million annually. Approximately 270,595 recipients which comprised of 16,966 Permanent Disablement Benefits, 39,807 Dependants' Benefits, 38,258 Invalidation Benefits and 175,564 Survivors' Pensions were involved in this exercise.

Overall, implementation of the increase in minimum pension rate and adjustment in pension rate had entailed an additional RM90.65 million in annual expenditure.



YB Datuk Seri Dr S. Subramaniam di Majlis Pengumuman Kenaikan Kadar Pencen.  
YB Datuk Seri Dr S. Subramaniam at the Announcement of a Raise in Pension Rate.

**PENERBITAN MANUAL PANDUAN BAGI TAKSIRAN HILANG UPAYA BERDASARKAN PEKERJAAN**

Penerbitan Manual Panduan Bagi Taksiran Hilangupaya Berdasarkan Pekerjaan Bagi Kegunaan Jemaah Doktor/Jemaah Doktor Rayuan PERKESO merupakan satu inisiatif penambahbaikan dalam perkhidmatannya.

Manual Panduan ini dihasilkan adalah bertujuan menyediakan satu garis panduan kepada Jemaah Doktor bagi memutuskan persoalan berkaitan tahap kecederaan/penyakit yang dialami orang berinsurans dengan jenis pekerjaan.

Kategori pekerjaan yang diambilkira merangkumi 10 kategori pekerjaan utama, di antaranya Pekerja Am, Pengendalian Makanan, Perladangan, Perkilangan, Perkhidmatan, Profesional, Pembangunan dan Pembinaan dan lain-lain. Senarai ini telah diperincikan lagi kepada 140 jenis sub kategori bagi memudahkan ahli Jemaah Doktor dalam membuat rujukan, penilaian dan memutuskan persoalan keilatan orang berinsurans.

**PUBLICATION OF THE GUIDELINES FOR DISABILITY ASSESSMENT BASED ON JOBS**

As part of SOCSO's continuous initiative to improve its services, the Guidelines for Disability Assessment Based On Jobs For The Use Of SOCSO Medical Board/ Medical Appellate Board has been published.

The purpose of these guidelines is to be used as a reference to the Medical Board to determine the question of disablement/illness of the insured person based on the type of jobs.

Amongst the 10 major job categories in these guidelines are General Workers, Food Handling, Agricultural, Manufacturing, Services, Professional, Development and Construction and others. This list has been further itemised into 140 sub categories in order to help the Medical Board in making objective assessments and determine the question of invalidity of the insured persons.

Manual panduan ini adalah selaras dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 dan akan menjadi pelengkap kepada Buku "Guidelines on Impairment And Disability Assessment of Traumatic Injuries, Occupational Diseases and Invalidity" dan "Guidelines on the Diagnosis of Occupational Diseases" terbitan sebelum ini.

Kesemua manual ini akan digunakan oleh ahli Jemaah Doktor dalam membuat keputusan berkaitan persoalan keilangan orang berinsurans dari aspek peluang dan kemampuan untuk terus bekerja dan memperolehi pendapatan yang sewajarnya

#### Aktiviti dan Pencapaian

Pelancaran Manual Panduan Bagi Taksiran Hilang Upaya Berdasarkan Pekerjaan telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia pada 26 April 2012. Sebanyak tiga sesi taklimat kepada Jemaah Doktor mengenai Tatacara Penggunaan Manual Panduan tersebut telah dijalankan sepanjang tahun 2012.

These guidelines are in line with the Employees' Social Security Act 1969 and furthermore it complements the existing "Guidelines on Impairment and Disability Assessment of Traumatic Injuries, Occupational Diseases and Invalidity" and also the "Guidelines on the Diagnosis of Occupational Diseases" published earlier.

These manuals are used as an additional reference to assist the Medical Board in making decisions regarding the question of invalidity of the insured persons and their ability to resume work and earn a reasonable income.

#### Activities and Achievement

This "Guidelines for Disability Assessment Based On Jobs" was launched by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources on 26 April 2012. A total of three briefing sessions for Medical Board had been conducted in 2012 in order to apprise them with this manual.



#### PEMULIHAN

Kemudahan pemulihan jasmani atau vokasional disediakan bagi orang berinsurans yang mengalami hilang upaya kekal akibat suatu bencana kerja atau mengalami keilangan adalah bertujuan untuk membawa semula mereka kembali memainkan peranan yang produktif dan berguna.

#### Aktiviti dan Pencapaian

Kemudahan pemulihan jasmani atau vokasional merangkumi pembekalan seperti *implant*, alat-alat ortotik dan prostetik (kaki palsu, tangan palsu, mata palsu, gigi palsu, kerusi roda, *commode*, tongkat dan lain-lain). Bagi orang berinsurans yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan, mereka ditawarkan untuk mengikuti latihan vokasional seperti kursus menjahit, komputer dan lain-lain bagi membolehkan mereka kembali semula ke pekerjaan asal atau mendapatkan kemahiran atau pekerjaan baru.

Dalam tahun 2012, Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan yang bersidang telah mengesyorkan seramai 439 orang berinsurans menjalani rawatan pemulihan implan berbanding 431 orang dalam tahun 2011.

Pada 2012, PERKESO telah membekalkan 3,098 jenis peralatan alat-alat prostetik dan ortotik kepada 2,527 orang berinsurans yang layak. Jumlah penerima adalah termasuk penerima baru dan lama bagi menggantikan alatan yang telah rosak. Sejumlah RM22.49 juta telah dibelanjakan di bawah kemudahan pemulihan jasmani dan vokasional.

Usaha berterusan dalam melaksanakan kaedah pembekalan perkhidmatan pemulihan alat ortotik menerusi konsep *One Stop Centre* yang mula beroperasi pada 18 Mei 2011, telah berjaya meningkatkan tahap kecekapan pembekalan perkhidmatan berkaitan.

#### REHABILITATION

The physical or vocational rehabilitation facilities provided for insured persons with permanent disability due to employment injury or invalidity is intended to rehabilitate them to be productive and useful.

#### Activities and Achievements

Physical or vocational rehabilitation facility provides implant, orthotic and prosthetic appliances (artificial limbs, dentures, wheelchairs, commodes, crutches and others). Insured persons who fulfil the prescribed requirements will be offered to attend a vocational training in sewing, computer and other courses to enable them resume their old jobs or to gain new skills or to seek new employment.

The Medical Board and the Appellate Medical Board in 2012, recommended a total of 439 insured persons to undergo implant rehabilitation treatment compared to 431 in 2011.

SOCISO supplied 3,098 types of prosthetic and orthotic appliances to 2,527 eligible insured persons in 2012. This includes new and the existing recipients (to replace their faulty appliances). The amount spent for these physical and vocational rehabilitation facilities was RM22.49 million.

Ongoing efforts in the implementation of supplying orthotics appliances through the *One-stop Centre* which commenced operations since 18 May 2011, has been successful in increasing its efficiency.


**KEMUDAHAN RAWATAN DIALISIS**

PERKESO menyediakan kemudahan rawatan dialisis dalam bentuk rawatan secara haemodialisis dan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)* kepada orang berinsurans yang berkecukupan yang mengidap sakit buah pinggang pada peringkat *End Stage Renal Failure (ESRF)*. Rawatan dialisis ini adalah sebagai salah satu kemudahan pemulihan yang diberikan secara percuma di pusat-pusat dialisis panel PERKESO sama ada di bawah Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau syarikat swasta. Kemudahan ini juga disediakan kepada orang berinsurans yang menjalani rawatan dialisis di pusat dialisis bukan panel PERKESO dan Hospital Kerajaan tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh PERKESO.

**Aktiviti dan Pencapaian**

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 1,442 permohonan rawatan dialisis telah diterima. Dari jumlah tersebut, sebanyak 1,310 (90.8 %) permohonan telah diluluskan untuk menjalani rawatan dialisis. Sebanyak 9.2% tidak dapat diluluskan kerana tidak memenuhi syarat. Statistik menunjukkan peningkatan dalam jumlah permohonan diterima pada 2012 (1,442 permohonan) berbanding 2011 (1,172 permohonan) seperti di Carta 19.

Carta 19: Bilangan Permohonan Kemudahan Rawatan Dialisis 2008-2012  
Chart 19: Number of Applications for Dialysis Treatment Facilities 2008-2012



**DIALYSIS TREATMENT FACILITIES**

SOCISO provides dialysis treatment in a form of haemodialysis treatment and *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis [CAPD]* to eligible insured persons who is suffering from kidney failure at the *End Stage Renal Failure [ESRF]*. This haemodialysis treatment is provided free-of-charge to the insured person at SOCSO panel dialysis centres either under the *Non-governmental Organisations [NGOs]* or under private companies. SOCSO also provides this facilities for dialysis treatment to the insured person who undergoes treatment at non-panel clinic and Government Hospital subject to the specified terms and conditions.

**Activities and Achievements**

In 2012, a total of 1,442 dialysis treatment applications was received and only 1,310 (90.8%) applications were approved. From this number, 9.2% was not approved due to incomplete documents. Statistics indicated an increase of 23.04% in the applications received in 2012 (1,442 applications) as compared to 2011 (1,172 applications) as shown in Chart 19.

**PUSAT DIALISIS PANEL PERKESO**

Sepanjang tahun 2012, PERKESO telah melantik sebanyak 69 buah pusat dialisis sebagai pusat dialisis panel PERKESO yang baru yang menjadikan jumlah keseluruhan adalah 397 pusat panel yang terdiri daripada 284 pusat dialisis swasta dan 113 pusat dialisis NGO. Perlantikan panel baru ini mencatatkan peratus peningkatan sebanyak 21% berbanding tahun 2011 berikutan bertambahnya jumlah permohonan dari pusat-pusat dialisis dan pertambahan jumlah pesakit buah pinggang yang menerima rawatan dialisis daripada PERKESO.


Statistik pusat dialisis panel PERKESO bagi tahun 2008-2012 adalah ditunjukkan dalam Carta 20.

**SOCISO PANEL FOR DIALYSIS CENTRES**

SOCISO had appointed 69 new dialysis panel centres which has made up to a total of 397 centres in 2012 that comprise of 284 private centres and 113 NGO's centres. This new appointments has recorded an increase of 21% compared to 2011 due to the increasing number of applications from dialysis centres and the increasing number of kidney patients who received dialysis treatment from SOCSO.

Statistics of SOCSO's panel dialysis centres for the year 2008-2012 is shown in Chart 20.


Carta 20: Pusat Dialisis Panel PERKESO 2008-2012 (Terkumpul)  
Chart 20: SOCSO 's Panel Dialysis Centres 2008-2012 (Cumulative)



### PENDERMAAN MESIN HAEMODIALISIS

Sepanjang tahun 2012, PERKESO telah meluluskan pendermaan sebanyak 40 buah mesin haemodialisis berjumlah RM1,575,200 kepada 24 buah pusat dialisis NGO panel PERKESO. Berdasarkan Carta 21, terdapat peningkatan jumlah pendermaan disebabkan penggunaan mesin untuk tujuan rawatan dialisis melebihi 5 tahun.

Carta 21: Pendermaan Mesin Haemodialisis 2008-2012  
Chart 21: Donation of Haemodialysis Machine 2008-2012



### PERBELANJAAN KEMUDAHAN DIALISIS

Dalam tahun 2012, PERKESO telah membelanjakan sejumlah RM104.56 juta bagi tujuan pembayaran caj rawatan dialisis kepada Pusat-Pusat Dialisis Panel PERKESO. Statistik menunjukkan peningkatan sebanyak 13% jika dibandingkan dengan perbelanjaan yang dikeluarkan pada tahun 2011 iaitu sebanyak RM92.58 juta. Peningkatan ini disebabkan kesan langsung pertambahan jumlah pesakit buah pinggang dalam tahun 2012.

Statistik perbelanjaan rawatan dialisis bagi tahun 2008-2012 ditunjukkan dalam Carta 22.

### DONATION OF HAEMODIALYSIS MACHINE


In 2012, SOCSO donated 40 haemodialysis machines worth RM1,575,200 to 24 SOCSO panel NGO dialysis centres. Chart 21 shows an increase in donation to replace faulty machine due to usage beyond 5 years.

### EXPENDITURE FOR DIALYSIS FACILITIES

In 2012, SOCSO spent RM104.56 million for payment of dialysis treatment to SOCSO Panel Dialysis Centres. This shows an increase of 13% in expenditure compared to RM92.58 million in 2011 and it corresponds to the rising number of patients.

Statistics for dialysis treatment expenditure for the period 2008-2012 is shown in Chart 22.

Carta 22 : Perbelanjaan Kemudahan Rawatan Dialisis 2008-2012  
Chart 22: Expenditure for Dialysis Treatment Facilities 2008-2012



### PROGRAM RETURN TO WORK

Program *Return To Work (RTW)* telah diperkenalkan oleh PERKESO pada 15 Januari 2007. Program ini merupakan program pemulihan fizikal yang disediakan kepada orang berinsurans yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan atau penyakit bagi mengembalikan fungsi anggota badan dan seterusnya kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat.

Program *RTW* dilaksanakan menerusi pendekatan pengurusan hilang upaya yang sistematik di mana setiap kes yang layak dan bermotivasi akan diuruskan oleh seorang Pengurus Kes yang bertanggungjawab sebagai perantara antara orang berinsurans, doktor yang merawat, majikan, pusat rehabilitasi dan pihak-pihak lain yang terlibat bagi memastikan setiap masalah dan halangan orang berinsurans dapat diatasi dengan kadar segera melalui pendekatan yang terbaik.

Program ini dilaksanakan dengan berteraskan konsep *early intervention* dan menggunakan pendekatan biopsikososial iaitu merangkumi aspek biologi, psikologi dan sosiologi dan pendekatan pelbagai kaedah dan disiplin di mana penyediaan perkhidmatan pemulihan yang komprehensif adalah merupakan faktor penting dan utama yang menyumbang dalam proses mempercepatkan proses pemulihan orang berinsurans supaya dapat kembali semula dengan cepat dalam keadaan sihat dan selamat.

Sejak program ini dilancarkan dan sehingga 31 Disember 2012, seramai 6,294 peserta telah berjaya untuk dipulihkan dan kembali semula bekerja.

### RETURN TO WORK PROGRAMME

The *Return To Work (RTW)* Programme was introduced by SOCSO on 15 January 2007. This programme is a physical rehabilitation programme designed for insured persons with disabilities arising out of injuries or illnesses to restore their physical and mental capacity to resume work at the earliest in a healthy and safe manner.

The *RTW* is implemented through systematic case management where each case that is eligible and motivated is managed by a Case Manager who acts as a coordinator between the insured persons, treating doctor, employer, rehabilitation centre and other parties involved to ensure that barriers and challenges pertaining to employment is addressed in the best manner.

This programme is implemented on the concept of early intervention using a biopsychosocial approach where it comprises of the biological, psychological and social aspects using a multidisciplinary approach where comprehensive rehabilitation which is the main factor in reducing the disability duration is emphasized in order to enable the insured person to return to work in a safe and fast manner.

As at 31 December 2012, a total of 6,294 insured persons had been rehabilitated and had successfully returned to work.

**AKTIVITI DAN PENCAPAIAN**

**Ops Job Canvassing**

Program *Ops Job Canvassing* adalah merupakan aktiviti carian pekerjaan dari satu premis ke satu premis majikan dalam mengenal pasti kekosongan jawatan bagi tujuan penempatan peserta Program RTW. Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh Pengarah Negeri Selangor pada 29 Mac 2012. Program ini diadakan di Bandar Puteri Puchong, Kelana Jaya, Bandar Puchong Jaya, Sungai Way, Puchong, Bandar Kinrara, Petaling Jaya dan Sungai Buloh. Sebanyak 930 kekosongan jawatan untuk peserta RTW telah dikenal pasti.

**Bengkel Disability & Equality Training**

Bengkel *Disability and Equality Training* dengan tema *Towards Inclusion and Diversity* telah diadakan pada 16 April 2012, bertempat di Wisma PERKESO Kota Kinabalu dan pada 6 Disember 2012, bertempat di Wisma PERKESO Ipoh. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai konsep hilang upaya secara holistik dan menyeluruh bagi membolehkan majikan memahami konsep hilang upaya dan menjadi agen perubahan di bidang *disability employment*. Program ini telah dihadiri oleh seramai 112 orang peserta yang terdiri daripada majikan di sekitar Negeri Sabah dan Perak. Kedua-dua program tersebut telah dikendalikan oleh Dr Kenji Kuno, Penasihat dari *Japan International Cooperation Agency (JICA)*.

**Bengkel Corporate Health and Fitness At Work**

Bengkel *Corporate Health and Fitness At Work* telah diadakan dengan kerjasama Fakulti Sains Sukan UiTM Shah Alam dan dihadiri oleh 30 peserta terdiri dari Pegawai Sumber Manusia, Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan Doktor Industri dari 10 buah majikan sekitar Lembah Klang. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi kesedaran dan pemahaman kepada majikan kepentingan menjaga kesihatan pekerja dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat serta memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja.

**ACTIVITIES AND ACHIEVEMENT**

**Ops Job Canvassing**

*Job Canvassing* is a job seeking activity which is done on a 'premise-to-premise' basis to identify suitable vacancies for RTW participants based on their physical capacity. This programme was launched by Selangor State Director on 29 March 2012, where the canvassing activity was carried out in Bandar Puteri Puchong, Kelana Jaya, Bandar Puchong Jaya, Sungai Way, Puchong, Bandar Kinrara, Petaling Jaya and Sungai Buloh. A total of 930 vacancies were identified for the RTW participants.

**Disability & Equality Training Workshop**

The *Disability and Equality Training* with the theme of 'Towards Inclusion and Diversity' was held on 16 April and 6 December 2012 at Kota Kinabalu and Ipoh offices respectively. The objective of this programme is to create awareness on the concept of disability in a holistic manner to enable employers to understand disability and become agents of change in the field of disability employment. It was attended by 112 participants including employers throughout Sabah and Perak. Both programs were conducted by Dr Kenji Kuno, Senior Advisor from the Japan International Cooperation Agency (JICA).

**Corporate Health and Fitness At Work Workshop**

The *Corporate Health and Fitness at Work* workshop with the collaboration of the UiTM Sports Science Faculty, Shah Alam was attended by 30 participants comprising of Human Resource Personnels, Safety and Health Officers and Industrial Doctors from 10 employers in Klang Valley. The objective of this workshop is to instil awareness and understanding on the importance of the safety of employees, healthy lifestyle as well as ensuring the safety and health of employees at the workplace.

**BENGGEL PENGURUSAN HILANG UPAYA KEPADA MAJIKAN**

Bengkel Pengurusan Hilang Upaya telah diadakan pada 3 Mei 2012, yang julung kalinya diadakan di Muadzam Shah, Pahang. Seramai 45 peserta daripada 30 majikan menghadiri bengkel ini. Ianya diadakan dengan objektif memberi pemahaman mengenai konsep pengurusan hilang upaya dan Program RTW PERKESO serta aspek-aspek teknikal bagaimana untuk melaksanakan konsep pengurusan hilang upaya dalam syarikat masing-masing bagi menguruskan pekerja yang mengalami kecederaan atau penyakit.

**SEMINAR TEKNIKAL ISSA MENGENAI KECEKAPAN PENTADBIRAN DAN PENGOPERASIAN DALAM KESELAMATAN SOSIAL**

PERKESO telah menganjurkan seminar ini pada 18 dan 19 Jun 2012, bertempat di *Putra World Trade Centre (PWTC)* Kuala Lumpur. Seramai 110 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli *International Sosial Security Association (ISSA)* dan negara ASEAN telah menghadiri seminar ini yang diadakan bagi tujuan berkongsi pengalaman dan pengetahuan serta amalan-amalan terbaik di antara pengamal-pengamal keselamatan sosial di peringkat antarabangsa dalam menambah baik kecekapan pentadbiran dan pengoperasian. Seminar telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia.

**DISABILITY MANAGEMENT WORKSHOP FOR EMPLOYERS**

A *Disability Management Workshop* was held on 3 May 2012 for the first time in the Muadzam Shah, Pahang. This program was attended by 45 participants from 30 employers. The objective of the workshop is create understanding on the disability management concept and SOCSO's RTW Programme as well as technical aspects in the implementation of disability management in a company to manage employees with injuries or illness.

**ISSA TECHNICAL SEMINAR ON ADMINISTRATIVE AND OPERATIONAL EFFICIENCY IN SOCIAL SECURITY**

SOCSO has hosted this seminar which was held on 18 and 19 June 2012, at the Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur. A total of 110 participants representing members of International Sosial Security Association (ISSA) and ASEAN countries attended this seminar. The objective of the seminar is to share experiences, knowledge and best practices among social security practitioners at the international level in improving administrative and operational efficiency. This event was officiated by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources.



**Persidangan Kebangsaan *Return To Work* dan Karnival Pekerjaan 2012**

Persidangan Kebangsaan *Return To Work* dengan tema *Leadership and Capacity Building 2012* telah diadakan pada 20 dan 21 Jun 2012, bertempat di *Putra World Trade Centre* Kuala Lumpur. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia. Sempena majlis tersebut juga, YB Menteri telah melancarkan *SOCSCO Return To Work Programme in Malaysia – A Handbook 2012* dan Video Korporat Program *Return To Work*. Enam Anugerah turut diberikan kepada 6 buah syarikat yang mempunyai tanggungjawab sosial korporat terdiri dari syarikat kecil dan sederhana serta syarikat multinasional.

Persidangan ini telah dihadiri oleh 800 orang peserta yang terdiri daripada majikan dan pengamal bidang pengurusan hilang upaya. Seminar ini buat pertama kalinya turut dihadiri oleh peserta dari Afrika Selatan, Namibia, Indonesia, Thailand, Singapura, Botswana, Myanmar dan India.

Sempena persidangan ini juga Karnival Pekerjaan *Return To Work* telah diadakan bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan kurang upaya. Sebanyak 30 majikan telah mengambil bahagian dan menyediakan peluang pekerjaan dalam program ini. Sempena persidangan ini juga seramai 866 peserta telah menghadiri karnival pekerjaan yang terdiri daripada 149 peserta Program *Return To Work*, 61 Orang Kurang Upaya dan 656 lain-lain peserta. Seramai 30 majikan telah menyertai karnival pekerjaan tersebut dan telah menggajikan seramai 72 peserta pada hari tersebut.

**National Conference on Return To Work and Job Carnival 2012**

National Conference on Return To Work with the theme of 'Leadership and Capacity Building' 2012 was held on the 20 and 21 June 2012 at the *Putra World Trade Centre*, Kuala Lumpur. It was officiated by the Honourable Human Resource Minister, YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam. During this conference, the *SOCSCO Return To Work Programme in Malaysia – A Handbook 2012* was launched together with *SOCSCO's Return To Work Corporate Video*. Six awards were also presented to the small medium enterprise and multinational corporations that have exercised their social responsibilities.

The National Conference on Return to Work was attended by 800 participants including employers and disability management practitioners. The conference also had international participants for the first time from South Africa, Namibia, Indonesia, Thailand, Singapore, Botswana, Myanmar and India.

In conjunction with the conference, *Return To Work Job Carnival* was also held to provide employment opportunities to persons with disabilities. A total of 30 employers participated in this programme to provide employment opportunities and 866 participants attended the *Job Carnival* including 149 *Return to Work* programme participants, 61 *Disabled Persons* and 656 other participants. A number of 72 participants were employed on the day of the carnival.



Sepanjang 2012, menerusi Program *Return To Work*, seramai 1,964 peserta telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja (Jadual 12). Secara keseluruhannya, sejak program ini dilancarkan pada 2007 sehingga 31 Disember 2012 seramai 6,294 peserta telah mengikuti program dan berjaya dipulihkan serta kembali semula bekerja.

Through out 2012, under *Return To Work Programme* a total of 1,964 participants were successfully rehabilitated and had returned to work (Table 12). In total, 6,294 participants have enrolled in this programme and successfully treated since its inception in 2007 until 31 December 2012.

Jadual 12: Pencapaian Program *Return To Work* 2012  
Table 12: Achievement of *Return To Work Programme* 2012

Perkara/ Item	Jumlah / Total	Peratus (%) Percentage (%)
Bilangan Kes Dirujuk / Number of Cases Referred	3,475	-
Bermotivasi / Motivated	2,852	82.07
Tidak Bermotivasi/ Not Motivated	623	17.93
Status Terkini / Current Status		
Telah Kembali Bekerja (Bagi Tahun Semasa) / Returned To Work (For The Current Year)	1,557	54.59
Masih Dalam Peringkat Rehabilitasi / Undergoing Rehabilitation	372	13.04
Proses Carian Pekerjaan / Job Seeking Process	270	9.47
Status Akut / Acute Status	436	15.29
Gagal / Defaulted	217	7.61
Kes Kembali Bekerja Dalam Tahun 2012 (Bagi Kes-kes Tahun Sebelum) / Cases which Returned to Work In The Year 2011 (cases from previous year)	407	-
Hierarki Bekerja Semula / Hierarchy Return To Work		
Pekerjaan Sama Dengan Majikan Yang Sama / Same Job with the Same Employer	904	46.02
Pekerjaan Serupa Dengan Majikan Yang Sama / Similar Job with the Same Employer	333	16.96
Pekerjaan Berbeza Dengan Majikan Yang Sama / Different Job with the Same Employer	145	7.38
Pekerjaan Sama Dengan Majikan Yang Lain / Same Job with Other Employer	74	3.77
Pekerjaan Serupa Dengan Majikan Yang Lain / Similar Job with Other Employer	28	1.43
Pekerjaan Berbeza Dengan Majikan Yang Lain / Different Job with Other Employer	299	15.22
Bekerja Sendiri / Self employed	181	9.22
Keseluruhan Kes Kembali Bekerja Dalam Tahun 2012 / Overall case Return to Work In The Year 2012	1,964	-

## PUSAT REHABILITASI PERKESO

Sebagai agensi yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan pekerja, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 juga memperuntukkan PERKESO menyediakan kemudahan pemulihan jasmani atau vokasional kepada pekerja yang ditimpa bencana pekerjaan atau keilatan.

Melalui pemulihan jasmani, PERKESO menyediakan fisioterapi dan memberi serta menyediakan latihan penggunaan alatan palsu. Manakala bagi pekerja yang tidak dapat kembali ke pekerjaan asal disebabkan kecederaan, mereka diberikan latihan vokasional bagi melengkapkan diri untuk menghadapi alam pekerjaan baru. PERKESO melalui khidmat pemulihan ini komited untuk mengembalikan semula pekerja yang mengalami kecederaan dan keilatan ke pasaran kerja. Itizam ini dilaksanakan melalui program *Return To Work* (RTW) yang dipelopori mulai tahun 2007.

Pada masa ini, kemudahan pemulihan ini disediakan di hospital Kerajaan dan penyedia perkhidmatan pemulihan dan latihan vokasional swasta yang terhad.

Bagaimanapun, bagi membolehkan program RTW dilaksanakan secara holistik, PERKESO memutuskan untuk membina pusat rehabilitasinya sendiri yang sedang dibina di atas tanah seluas 53 ekar di Bandar Hang Tuah Jaya, Alor Gajah, Melaka. Sehingga 31 Disember 2012, pusat ini telah siap 55%.

Operasi pusat rehabilitasi ini akan dikendalikan dengan kerjasama Institut Latihan Perindustrian, Kementerian Sumber Manusia dan Kolej Sains Kesihatan Bersekutu melalui penyediaan tenaga pengajar.

## SOCSO REHABILITATION CENTRE

As an agency entrusted in ensuring employees' welfare, Employees' Social Security Act 1969 empowers the SOCSO in providing physical or vocational rehabilitation to employees who suffers from employment injury or invalidity.

Through physical rehabilitation programmes, SOCSO provides both physiotherapy and artificial limbs as well as training on its usage. Injured employees who are not able to return to their original employment due to the nature of injury sustained, are given vocational training to enable and equip themselves for new employment. Both the physical or vocational programmes are executed by way of Return To Work (RTW) programme launched in 2007.

Currently, the rehabilitation facilities are provided in Government hospitals and limited number of private rehabilitation and vocational training facility providers.

However, to manage RTW programmes in a holistic manner, SOCSO has decided to set up its own rehabilitation centre which is currently being built on an area of 53 acres in Bandar Hang Tuah Jaya, Alor Gajah, Melaka. As at 31 December 2012, the centre is 55% completed.

In operating this rehabilitation centre, SOCSO plans to enlist resource personnel from Industrial Training Institute under the preview of Ministry of Human Resources and Allied Health Sciences College by way of providing teaching staff.



Cadangan pembangunan Pusat Rehabilitasi PERKESO di Bandar Hang Tuah Jaya, Alor Gajah, Melaka.  
Proposed SOCSO Rehabilitation Centre, Bandar Hang Tuah Jaya, Alor Gajah, Melaka.

## PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Pada tahun 2012, selaras dengan peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, PERKESO telah meluluskan bantuan kewangan sebanyak RM3.20 juta kepada NGO bertujuan untuk menjalankan program memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada golongan pekerja dan majikan. Di samping itu juga PERKESO telah bekerjasama dengan Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan untuk melaksanakan program *OSH Compliance Support for SME* dengan peruntukan sebanyak RM5 juta. PERKESO juga telah meluluskan pelaksanaan *Accident Prevention Seminar 2012* dan juga pelaksanaan *National Safe Commuting To Work Campaign 2012*. Ianya bertujuan untuk pencegahan kemalangan pekerja bermotosikal.

## OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH PROGRAMME

Pursuant to provisions in Employees' Social Security Act 1969, SOCSO in 2012 authorised a sum of RM3.20 million in aid to NGOs to administer programmes intended to inculcate awareness within both the employees and employers on occupational safety and health issues. With an allocation of RM5 million, SOCSO also collaborated with Department of Occupational Safety and Health to dish out an 'OSH Compliance Support for SME'. SOCSO also approved the execution of 'Accident Prevention Seminar 2012' and 'National Safe Commuting To Work Campaign 2012'. They were designed to prevent motorcycle accident among workers.

### Aktiviti dan Pencapaian

Sehingga akhir tahun 2012, sebanyak 360 program dan seminar telah berjaya dilaksanakan oleh pihak NGO. Dari jumlah tersebut, sebanyak 257 seminar dan 103 program pencegahan kemalangan pekerja bermotosikal telah dilaksanakan.

Pada 24 April 2012, *National Safe Commuting To Work Campaign* telah dilaksanakan selama sebulan secara menyeluruh ke seluruh negara. Sejumlah 170 program pencegahan kemalangan *commuting* telah dapat dilaksanakan. PERKESO juga telah menganjurkan *Accident Prevention Seminar* pada 2 hingga 3 Oktober 2012. Seminar ini bertujuan untuk mengurangkan kemalangan dalam perjalanan berdasarkan strategi yang komprehensif melalui Resolusi Pencegahan Kemalangan 2011 yang lalu.

Pada tahun 2012 juga PERKESO dengan kerjasama NGO telah menerbitkan 4 buah video untuk tujuan pencegahan kemalangan iaitu;

- Bayangkan
- Baliklah Long
- Tip keselamatan untuk industri plastik
- Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Pengurusan Kimia secara Selamat dan Sihat bagi Aktiviti dalam Makmal

### Activity and Achievement

As at the end of 2012, the NGOs had successfully implemented 360 programmes and seminars. Of this number, 257 seminars and 103 motorbike accident prevention programmes for employees were carried out.

The month-long *National Safe Commuting To Work Campaign* was carried out nationwide beginning 24 April 2012. During this campaign period, a total of 170 programmes had been organised. SOCSO also organised an *Accident Prevention Seminar* on 2 to 3 October 2012. This seminar aimed to reduce commuting accident based on a comprehensive strategy laid by *Accident Prevention Resolution 2011*.

With the collaboration of several NGOs, SOCSO also managed to produce 4 videos in 2012 as its accident prevention tools. The 4 videos are:-

- *Bayangkan*
- *Baliklah Long*
- *Tip keselamatan untuk industri plastik*
- *Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Pengurusan Kimia secara Selamat dan Sihat bagi Aktiviti dalam Makmal*

### PROGRAM PUBLISITI DAN PROMOSI

Program publisiti dan promosi dijalankan secara berterusan bertujuan untuk mempromosikan PERKESO sebagai sebuah institusi keselamatan sosial kepada majikan dan pekerja di samping untuk menghebahkan kepada orang ramai kepentingan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

#### Aktiviti dan Pencapaian

Dalam tahun 2012, PERKESO telah melaksanakan hebahan di media cetak melalui akhbar utama. Manakala melalui media elektronik pula, PERKESO juga telah ke udara melalui beberapa saluran media elektronik.

PERKESO juga telah menjalankan program dan aktiviti pameran di beberapa premis majikan dan tempat-tempat awam bagi menyampai maklumat terkini mengenai PERKESO di samping memberi kesedaran kepada golongan majikan dan pekerja tentang kepentingan mencarum. PERKESO juga menyertai karnival Jom Heboh pada 29 dan 30 Disember 2012 yang telah diadakan di Bukit Jalil.

### SEMINAR KEBANGSAAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL

PERKESO telah mengadakan seminar perlindungan keselamatan sosial peringkat kebangsaan di seluruh negara pada 2012. Seminar ini bertujuan memberi kesedaran kepada pihak majikan dan pekerja untuk mematuhi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan tanggungjawab mereka terhadap perlindungan keselamatan sosial pekerja.

### PUBLICITY AND PROMOTIONS PROGRAMME

Series of publicity and promotion programmes are constantly carried out to promote SOCSO as a social security institution for the employers and employees. They are also intended to disseminate the importance of safety and health at work.

#### Activity and Achievement

In 2012, SOCSO had undertaken publicity drive via media print through major newspapers. Similarly, SOCSO also went on air through several channels in electronic media.

In addition, SOCSO also held exhibition programmes and activities at employers' premises and public places to relay its latest information as well as to enlighten both employers and employees on the importance of making contributions. SOCSO also participated in Jom Heboh carnival on 29 and 30 December 2012 at Bukit Jalil.

### NATIONAL SEMINAR ON SOCIAL SECURITY PROTECTION

SOCSO had successfully organised various seminar on social security protection in 2012 nationwide. The objective of these seminars were to increase employers and employees awareness to comply with Employees' Social Security Act 1969 and their responsibilities towards employees' social security protection.



**Aktiviti dan Pencapaian**

Program ini merupakan program publisiti yang berterusan di samping program ceramah anjuran semua pejabat PERKESO setiap bulan bagi tujuan yang sama. Seminar anjuran Ibu Pejabat ini telah berjaya menarik penyertaan lebih 1,000 majikan dan lebih 2,000 orang pekerja di seluruh negara.

Terdapat juga penyertaan di kalangan wakil NGO seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Persatuan Belia Waja Bestari, Biro Pengaduan Awam Pulau Pinang, MTUC Pulau Pinang, Sarawak Dayak Graduate Associate dan Renal Life Dialysis Centre Sdn. Bhd.

Keberkesanan program yang telah dilaksanakan telah menyumbang kepada peningkatan bilangan majikan berdaftar sebanyak 5.30% kepada 863,338 majikan berbanding 819,915 pada tahun 2011. Selaras dengan peningkatan ini, bilangan pekerja berdaftar turut meningkat sebanyak 3.19% kepada 14.36 juta pekerja berbanding 13.92 juta pada tahun 2011.



**OPS KESAN PERKESO**

Ops Kesan yang dijalankan dari pintu ke pintu di seluruh negara merupakan sebahagian aktiviti penguatkuasaan PERKESO untuk memastikan majikan mematuhi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, di samping memastikan pekerja kebajikan pekerja terjamin dalam masa kontigensi.

**Activity and Achievement**

This programme is an ongoing publicity event in addition to monthly talks organised by SOCSO Offices for the same purpose. Coordinated by the Headquarters, these seminars had successfully attracted more than 1,000 employers and over 2,000 employees nationwide.

Representatives from NGO's such as Consumers Association of Penang, Waja Smart Youth Association, Penang Public Complaints Bureau, Penang MTUC, Sarawak Dayak Graduate Associate and Renal Life Dialysis Centre Sdn. Bhd. had also participated in these seminars.

The effectiveness of this programme, had contributed to the increase in the number of registered employers of 5.30% to 863,338 employers from 819,915 in 2011. Accordingly, the number of registered employees also rose by 3.19% to 14.36 million from 13.92 million in 2011.

**SOCSO'S OPS KESAN**

Ops Kesan door-to-door exercise was implemented nationwide as part of SOCSO's enforcement activities to ensure the employers compliance under Employees' Social Security Act 1969 and Employees' Social Security (General) Regulations 1971 and with the aim of protecting employees in the event of contingency.

**Aktiviti Dan Pencapaian**

Bagi tahun 2012, Ops Kesan PERKESO telah dilaksanakan sepanjang bulan November 2012 dan Pelancaran Ops Kesan Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 6 November 2012 di PERKESO Negeri Selangor, Petaling Jaya.

Ekoran ini, sejumlah 20,003 majikan telah berjaya diperiksa dan sebanyak 2,195 notis kompaun telah dikeluarkan ke atas majikan yang gagal mendaftar perusahaan dan pekerjaannya. Sejumlah RM1,798,150 telah berjaya dikutip menerusi program ini.

**PROJEK ICT CORE SYSTEM**

PERKESO telah memutuskan untuk membangunkan ICT Core System yang baru bagi meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan PERKESO selaras dengan Program Transformasi Kerajaan dan berasaskan kepada tiga prinsip utama iaitu Adil, Cepat dan Tepat.

ICT Core System yang baru ini meningkatkan tahap kesiapsiagaan infrastruktur dan aplikasi bagi menyokong keperluan semasa dan akan datang dengan menggunakan teknologi terkini yang bercirikan *standard* terbuka (*open standard*) dan meningkatkan tahap kemahiran ICT di kalangan kakitangan PERKESO di dalam aspek pembangunan sistem, pengurusan maklumat, projek, pangkalan data, keselamatan, rangkaian dan komunikasi. ICT Core System dijangka dapat disiapkan pada suku ketiga tahun 2013.

**Activity And Achievement**

For the year 2012, SOCSO's Ops Kesan was conducted throughout November 2012. The official launch was held on 6 November 2012 at Selangor State Office, Petaling Jaya.

As a result, a total of 20,003 employers were inspected and 2,195 compound notices were issued to those who failed to register their business and employees. In total RM1,798,150 compound charges was collected through this programme.

**ICT CORE SYSTEM PROJECT**

SOCSO has decided to develop a new ICT Core System to improve the level of efficiency and effectiveness of service delivery in line with the Government Transformation Programme. It is based on three main principles namely Fair, Fast and Accurate.

This new ICT Core System reinforces the infrastructure and applications prowess in order to support current and future needs by applying latest technology with open standard features. This transformation is also hoped to strengthen ICT skills amongst SOCSO employees especially in the system development, information management, projects, database, security, networking and communication aspects. ICT Core System is expected to be completed within the third quarter of 2013.

**Aktiviti Pelaksanaan**

PERKESO telah melantik perunding dan beberapa pembekal bagi merealisasikan pelaksanaan projek iaitu:-

- i. Innovation Associates Consulting Sdn Bhd sebagai Perunding Perolehan dan *Program Management Office (PMO)*;
- ii. MIMOS Berhad sebagai pembekal perisian MIMOS *Intelligent Informatics System Platform (Mi-I2F)*, *System Integrator* dan pembekal modul perisian aplikasi *Fraud Management*;
- iii. Century Software (M) Sdn Bhd sebagai pembekal modul-modul perisian aplikasi *Enforcement, Benefits, Collection, Disbursement, Prevention, Customer Relationship Management, Enterprise Content Management System* dan *Corporate Website*;
- iv. Ara Techbis Sdn Bhd sebagai pembekal modul perisian aplikasi *Performance Management*;
- v. Malaysian Software Testing Board sebagai *Independent Tester*;
- vi. Mesiniaga Berhad sebagai pembekal perkakasan dan perisian bagi persekitaran pembangunan, migrasi data, *staging*, produksi dan pemulihan bencana; dan
- vii. Telekom Malaysia Berhad sebagai pembekal perkhidmatan ruang pusat data, pusat pemulihan bencana, perkakasan rangkaian, rangkaian jalur lebar intranet dan internet.

**Implementation Activities**

SOCSO had appointed several consultants and suppliers to implement this project:-

- i. Innovation Associates Consulting Sdn. Bhd. As Procurement Consultant and Programme Management Office (PMO);
- ii. MIMOS Berhad as MIMOS Intelligent Informatics System Platform (Mi-I2F) software provider, System Integrator and a software module provider for Fraud Management application;
- iii. Century Software (M) Sdn Bhd as a software module provider for the following applications: *Enforcement, Benefits, Collection, Disbursement, Prevention, Customer Relationship Management, Enterprise Content Management System* and *Corporate Website*;
- iv. Ara Techbis Sdn. Bhd as a software module provider for *Performance Management* application;
- v. Malaysian Software Testing Board as an Independent Tester;
- vi. Mesiniaga Berhad as a hardware and software provider for environment development, data migration, staging, production and crash recovery; and
- vii. Telekom Malaysia Berhad as a service provider for data centre, disaster recovery centre, network hardware, intranet broadband network and internet.

**Aktiviti Dan Pencapaian**

Pelaksanaan projek telah dimulakan dengan pelantikan Innovation Associates Consulting Sdn Bhd sebagai Perunding Perolehan pada suku pertama tahun 2011 dan MIMOS Berhad pada suku ketiga 2011. Proses tender terbuka *Request for Information* telah dilaksanakan oleh PERKESO bersama Innovation Associates Consulting Sdn Bhd dan MIMOS Berhad bertujuan mengenal pasti teknologi terkini yang berada di pasaran yang boleh diguna pakai dalam pembangunan perisian aplikasi laman sesawang portal *ICT Core System* atau perisian aplikasi yang telah tersedia yang dapat memenuhi keperluan pengoperasian PERKESO.

Bermula pada suku kedua tahun 2012, Mesiniaga Berhad telah dilantik bagi pembekalan perkakasan dan perisian bagi persekitaran pembangunan manakala Century Software (M) Sdn Bhd telah dilantik bagi pembangunan modul-modul perisian aplikasi *Enforcement, Benefits, Collection, Disbursement, Prevention, Customer Relationship Management, Enterprise Content Management System* dan *Corporate Website*.


Secara keseluruhan, pada penghujung tahun 2012, proses perolehan dan pelaksanaan Projek *ICT Core System* adalah mengikut jadual yang ditetapkan dan adalah dijangka sebahagian besar modul-modul aplikasi dapat disiapkan pada suku ketiga tahun 2013.

**Activity And Achievement**

Project implementation commenced with the appointment of Innovation Associates Consulting Sdn Bhd as the Procurement Consultant in the first quarter of 2011 and MIMOS Berhad in third quarter of 2011. The 'Request for Information' open tender process was conducted by SOCSO, aided by Innovation Associates Consulting Sdn Bhd and MIMOS Berhad, was to ascertain the latest technology available for use in ICT Core System website portal software application development or any software applications that are readily available and could fulfill SOCSO's operating requirements.

At the start of second quarter 2012, Mesiniaga Berhad was appointed as a hardware and software provider for environment development, whilst Century Software (M) Sdn Bhd was selected to develop the software module for the following applications: *Enforcement, Benefits, Collection, Disbursement, Prevention, Customer Relationship Management, Enterprise Content Management System* and *Corporate Website*.

In general, by the end of 2012, the ICT Core System procurement and implementation process was on schedule and most of its application modules are expected to be completed in the third quarter of 2013.



**PENGENALAN SISTEM BARU MENANGANI  
ADUAN DAN PERTANYAAN PELANGGAN:  
INTEGRATED SISTEM PEMANTAUAN ADUAN  
AGENSI AWAM (iSPAAA) PERKESO**

Dalam usaha mencapai kecemerlangan kualiti perkhidmatannya, PERKESO amat mengambil berat ke atas aduan-aduan yang diterima dari pelbagai pihak terutamanya dari pekerja, majikan, NGO, pihak berkuasa dan pihak media massa.

Menyedari hakikat bahawa pengurusan aduan awam perlu diuruskan secara sistematik dan dipertingkatkan keberkesanan, maka satu sistem penambahbaikan bagi mendaftar dan memantau aduan telah diselenggarakan. Sistem ini dinamakan *integrated* Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam (iSPAAA) yang diwujudkan hasil kerjasama dengan Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri.

Majlis pelancaran iSPAAA telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Maznah Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 3 Mac 2012.

**Pencapaian**

Pada tahun 2012, sebanyak 2,912 kes aduan dan pertanyaan telah diterima dan didaftarkan dalam sistem iSPAAA dan sistem ini juga membenarkan semakan status dibuat secara atas talian.

**THE INTRODUCTION OF A NEW SYSTEM  
TO ADDRESS CUSTOMER COMPLAINTS  
AND ENQUIRIES: SOCSO'S INTEGRATED PUBLIC  
AGENCY COMPLAINTS MONITORING  
SYSTEM (iSPAAA)**

In order to achieve an excellent service quality, SOCSO takes great interest in all complaints that it receives from relevant parties especially the workers, employers, NGOs, authorities and the mass media.

Recognising the fact that complaints from the public needed to be managed systematically and effectively, an improved system to register and monitor complaints was synchronised. Known as *integrated* Public Agency Complaints Monitoring System (iSPAAA), this system was established in collaboration with the Public Complaints Bureau, Prime Minister's Department.

The iSPAAA was launched by YB Senator Dato' Maznah Mazlan, Deputy Minister of Human Resources on 3 March 2012.

**Achievement**

A total of 2,912 complaints and enquiries were received and registered by iSPAAA system in 2012. Notably, it also allows status of the complaints to be checked online.



**INISIATIF PENGURUSAN DAN  
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

Sejajar dengan visi PERKESO untuk melahirkan modal insan yang kompeten, berilmu, berprestasi tinggi, profesional dan beretika serta mempunyai daya saing, pelbagai inisiatif dan penambahbaikan telah diambil dan diberikan penekanan oleh pihak pengurusan.

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 175 sesi kursus anjuran dalaman, 357 kursus anjuran luaran dan 71 kursus di luar negara telah diadakan menerusi Pelan Operasi Latihan yang komprehensif.

Usaha-usaha penambahbaikan skim dan terma perkhidmatan turut diberikan perhatian bagi memastikan kebajikan dan warga kerja anggota PERKESO terus mendapat manfaat yang sewajarnya. Inisiatif memantapkan lagi pengurusan dalam merancang, menyelaras, menyedia dan mengawal hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan gaji dan prestasi anggota serta meningkatkan hubungan dan persekitaran kerja yang baik antara pengurusan dengan anggota bagi mewujudkan keharmonian organisasi telah diberikan perhatian yang sewajarnya.

Pada tahun 2012, beberapa penambahbaikan skim perkhidmatan turut dilaksanakan antaranya menerusi proses kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) kepada anggotanya yang telah berkhidmat 15 tahun dan lebih tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Pelbagai skim perkhidmatan terlibat dalam pelaksanaan ini termasuklah jawatan Pembantu Am Pejabat (Gred 6), Pemandu (Gred 7), Operator Komputer (Gred 12), Pegawai Kerani (Gred 12), Penyimpan Akaun (Gred 12), Pengatur Program Komputer (Gred 19) dan Pegawai Eksekutif (Gred 19).

Bagi memantapkan pengurusan dan operasi organisasi, seramai 85 anggota Kumpulan Eksekutif dan 60 Bukan Eksekutif di pelbagai Unit, Cawangan, Bahagian dan Pejabat PERKESO telah melalui proses pertukaran. Proses ini bermatlamat memantapkan lagi aktiviti pengoperasian PERKESO mengikut keperluan dan kesesuaian kemahiran anggota.

**HUMAN RESOURCES MANAGEMENT AND  
DEVELOPMENT INITIATIVES**

In keeping with its vision to bring about a competent, knowledgeable, highly efficient, professional and ethical human capital with a competitive edge, SOCSO management has prompted various initiatives and enhancement approaches into this matter.

A total of 175 internal courses, 357 external courses and 71 overseas courses were organised in 2012 through a comprehensive Operational Training Plan.

SOCSO also places great importance on efforts to improve existing schemes and terms of service so as to ensure the welfare of its workforce is upheld and that they continue to enjoy benefits befitting them. Proper attention is given to enhance the way the management plans, coordinates, prepares as well as oversees matters relating to staff performance and salary management. These efforts that have been given a special attention, are hoped to improve relations and establish a good working environment between the management and staff.

Several improvements were made to the service schemes in 2012 such as the special promotion exercise such as Personal to Holder for staff serving 15 years and more subject to terms stipulated. Various service schemes were involved in this pursuit which include Office General Assistant (Grade 6), Driver (Grade 7), Computer Operator (Grade 12), Clerk (Grade 12), Bookkeeper (Grade 12), Computer Programmer (Grade 19) and Executive Officer (Grade 19).

In its effort to strengthen the organisation's management and operations, SOCSO initiated a job rotation exercise involving 85 Executives and 60 Non-Executive staff from various units, Branches, Divisions and SOCSO Offices. This process was intended to further enhance SOCSO's operational activities based on exigency of work as well as the staff's skills and expertise.

Tahun 2012 juga menyaksikan penjenamaan semula Unit Kaunseling kepada Unit Psikologi selaras dengan penggunaan nama tersebut di peringkat Kementerian.

Pelbagai inisiatif telah diambil antaranya Penganjuran Seminar Psikologi dan Kaunseling di dua zon iaitu Zon Sarawak pada April dan Zon Pantai Timur di Pejabat PERKESO Negeri Terengganu pada Jun 2012.

Selain itu, Program Pengurusan Kewangan dan Kredit juga telah dilaksanakan, yang mana seramai 145 anggota dari Ibu Pejabat, Pejabat Negeri Sarawak, Terengganu dan Melaka. Taklimat telah diberikan oleh wakil dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit Bank Negara.

Program Kaunseling Kekeluargaan telah dijalankan di dua lokasi iaitu di Pejabat PERKESO Negeri Sembilan dan di Ibu Pejabat yang melibatkan pegawai kerani Gred 15 dan ke atas. Manakala Taklimat Perkongsian Ilmu di beberapa pejabat di seluruh negara yang melibatkan sejumlah 456 orang anggota.

PERKESO turut mengguna pakai Ujian Psikologi secara meluas dalam proses pengambilan dan kenaikan pangkat. Secara prinsipnya, penggunaan aplikasi psikologi adalah selaras dengan usaha untuk memastikan lantikan anggota di PERKESO adalah benar-benar kompeten dengan jawatan yang disandang. Seramai 400 orang telah menjalani proses ujian psikologi dan ianya banyak membantu proses temuduga yang dikendalikan oleh panel-panel temuduga dalam mengenal pasti kekuatan dan kelemahan calon temuduga.



In order to synchronise the name used at the ministerial level, SOCSO's Counseling Unit was re-branded in 2012 and is now known as the Psychology Unit.

The unit had subsequently undertaken various initiatives including Psychology and Counseling Seminars organised in Sarawak Zone in April and at the Terengganu State Office for the East Coast Zone in June 2012.

In addition, the Finance and Credit Management Programme was also organised for 145 staff from Headquarters, State Office of Sarawak, Terengganu and Melaka. They were apprised by the representative from the Counseling and Credit Management Agency of the Central Bank.

Likewise, a Family Counseling Programme was also held at the Negeri Sembilan State Office and Headquarters involving clerical staff Grade 15 and above. Similarly, the Knowledge Sharing Sessions attended by 456 staff were successfully organised. They were held at several offices nationwide.

The Psychological Test is extensively employed by SOCSO in its recruitment and promotion processes. The use of this method is in accordance with SOCSO's effort to ensure that only competent officers are assigned to any position within this organisation. In short, 400 people went through this test where it had greatly assisted the interviewers to establish the candidates' ability.

Pengurusan PERKESO juga telah memperakukan pelantikan semula secara kontrak tujuh (7) anggota yang mana perkhidmatan mereka masih diperlukan.

Pada 2012 juga, seramai 84 orang anggota telah disahkan di dalam jawatan masing-masing yang melibatkan 62 anggota Kumpulan Eksekutif dan 22 Bukan Eksekutif.

Di samping itu, PERKESO menerima 249 pelajar praktikum dan telah ditempatkan di pejabat PERKESO. Pelajar ini diberi elaun dengan kadar RM15 sehari terhad kepada tempoh maksimum selama tiga bulan.

## TADBIR URUS KORPORAT

### PENGURUSAN RISIKO DAN PENYELIDIKAN

#### Risiko Strategik

Dana PERKESO dijangka akan terus berkembang dan akan mencecah RM24.2 bilion pada tahun 2014.

Secara keseluruhannya, kedudukan dana PERKESO dijangka akan terus kukuh buat lima tahun akan datang. Ramalan ini dibuat berdasarkan struktur alokasi aset yang konservatif dimana hampir 85% pelaburan adalah dalam instrumen sekuriti yang memberi pulangan tetap. Di samping itu, adalah dijangkakan pengenalan gaji minima akan membawa kesan positif kepada dana PERKESO.

Kesan kemelesetan ekonomi dijangka tidak akan memberi ancaman yang ketara kepada kedudukan dana PERKESO berdasarkan kadar purata pulangan yang memuaskan bagi tahun-tahun yang lalu.

SOCSO management also reappointed seven (7) staff on contract basis since their services are still needed.

In 2012, a total of 84 officers involving 62 Executives and 22 Non-Executive had been confirmed in their respective positions.

In addition, SOCSO had accepted 259 practicum students and placed them at SOCSO offices. They were paid daily allowance of RM15 limited to a three month maximum engagement period.

## CORPORATE GOVERNANCE

### RISK MANAGEMENT AND RESEARCH

#### Strategic Risk

SOCSO's fund is expected to grow and will reach RM 24.2 billion in the year 2014.

Overall, SOCSO's financial position is sustainable for next five years. The prediction is made based on the structure of conservative asset allocation strategy where approximately 85% of investment is in fixed income instruments giving consistent returns. In addition, for the near future it is expected that the introduction of a minimum wage will bring a positive impact to SOCSO's fund.

The economic crisis is not expected to have a substantial effect on SOCSO's sustainability based on the performance and average returns of past years.

### Risiko Pasaran

Secara keseluruhannya PERKESO menjangkakan bahawa pulangan pelaburan sebenar akan terus lemah berbanding dengan tahun sebelumnya. Dengan penjualan saham Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS), pelaburan akan mengalami perubahan Beta dan ini akan juga meningkatkan kecairan dalam portfolio.

Tahun 2012 dipelopori oleh tiga perkara penting yang berkait rapat iaitu krisis hutang zon Euro, pertumbuhan global yang kian perlahan dan masalah dasar kewangan sedunia. Keadaan ini menyebabkan aktiviti ekonomi global lemah, tidak sekata, kekurangan keyakinan dan dipelopori risiko yang semakin meningkat.

### Risiko Aktuari

Kedudukan dana PERKESO secara keseluruhannya adalah baik terutama sekali bagi Skim Bencana Pekerjaan yang merupakan sebuah skim yang dibiayai sepenuhnya menerusi caruman. Walau bagaimanapun, Skim Keilatan dijangka akan mencapai titik keseimbangannya memandangkan ia merupakan sebuah skim yang tidak dibiayai sepenuhnya.

Bagi tahun 2012, satu kajian aktuari telah dijalankan untuk membayar pelarasan faedah kepada 270,595 penerima faedah yang melibatkan jumlah bayaran sebanyak RM44.09 juta.

Dalam tahun yang sama, PERKESO telah menaikkan pencen minima daripada RM250 kepada RM475 mulai 1 Januari 2012 bagi mereka yang menerima faedah di bawah Skim Keilatan. Usaha tersebut telah melibatkan seramai 56,399 penerima faedah dengan jumlah sebanyak RM46.56 juta.

Kemampuan dana membolehkan PERKESO menaikkan had umur kelayakan di bawah Skim Keilatan dari mencapai 55 kepada mencapai 60 tahun.

### Market Risk

Overall, SOCSO's real return on investment is expected to be weaker compared to previous years. With the sale of Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) shares, SOCSO's investment will experience beta changes and this will also increase liquidity in the portfolio.

Year 2012 is led by three important factors that are closely related namely Eurozone debt crisis, slowing global growth and the problems in world monetary policy. These situations contribute to the weaker and uneven global economic activity, lack of confident and the increasing level of risk.

### Actuarial Risk

As a whole, SOCSO's fund is in good condition especially for Employment Injury Scheme which it is fully funded through the contributions. However, the Invalidity Scheme is expected to reach the equilibrium point since it is a partially funded scheme.

In 2012, an actuarial study was conducted in order to pay benefit adjustments to some 270,595 recipients which amounted to a total payment of RM44.09 million.

In the same year, SOCSO increased the minimum pension from RM250 to RM475 beginning from 1 January 2012 for those who are in receipt of the Invalidity Scheme. The effort included about 56,399 benefit recipients with a total payout of RM46.56 million.

The sustainability of its fund has enabled SOCSO to increase the eligibility age limit upon attaining 55 to attaining 60 years old under the Invalidity Scheme.

### Risiko Demografik dan Jangka Hayat

Risiko sosial dapat dilihat secara lebih mendalam menerusi pertumbuhan bilangan kependudukan. Impak pertambahan bilangan penduduk akan memberi kesan kepada keselamatan sosial dari segi sudut membasmi kemiskinan, perluasan skop perlindungan keselamatan sosial, masalah kemiskinan warga emas dan masalah peningkatan jangka hayat.

Berdasarkan kepada bilangan kependudukan bagi tahun 2011, jumlah penduduk adalah seramai 28.7 juta dan purata jangka hayat populasi ialah 73.73 tahun. Pecahannya bagi lelaki ialah 71.05 tahun dan wanita 76.73 tahun. Umur pertengahan populasi adalah 26.8 tahun dengan bilangan mereka yang berumur 60 tahun ke atas seramai 2.2 juta (tahun 2010). Bilangan tersebut dijangka akan meningkat kepada 9.08 juta menjelang 2050.

Cabaran PERKESO adalah untuk menentukan supaya kemampuan dananya dapat terus menampung peningkatan jangka hayat di mana penerima dan pembayaran pencen bulanannya akan bertambah.

### Demographic and Life Expectancy Risk

Social risk can be explained in depth through national population growth rate. The effect of these population growth rates will give effect to demand for social security especially in poverty eradication, the expansion of social security protection, poverty among senior citizens and the problem of increasing life expectancy.

Based on the national population in the year 2011, the total of population is about 28.7 million with the average life expectancy of 73.73 years old. The life of expectancy of males is about 71.05 years and for females 76.73 years. While, the median age of population is 26.8 years with the number of citizens who are above 60 years of about 2.2 million (in 2010). This number is expected to increase to 9.08 million in the year 2050.

SOCSO faces the challenges to ensure the sustainability and good governance of its fund to sustain the increasing life expectancy of beneficiaries which will have an impact on monthly pension payments.

### Risiko Kewangan

Daripada sudut risiko kewangan, kemampunan dana PERKESO bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut:-

- a. Keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu akibat krisis ekonomi Zon Euro.
- b. Perbezaan kadar pertumbuhan perbelanjaan yang tidak seimbang dengan pendapatan.
- c. Kajian Aktuari ke-9 yang mengunjurkan keperluan peningkatan kadar caruman sebanyak 0.5% bagi Skim Keilatan. Ketika ini, kekurangan tersebut ditampung menerusi lebihan yang terdapat daripada Skim Bencana Pekerjaan dan menerusi pulangan pelaburan.
- d. Perbelanjaan luar jangka seperti:-
  - Program Saringan Kesihatan
  - Pembinaan Pusat Pemulihan.
  - Perluasan skop perlindungan Skim Keselamatan Sosial kepada golongan:-
    - i. Pemandu teks
    - ii. Pekerja asing
  - Taksiran yang lebih liberal.
  - Projek baru *ICT Core System* PERKESO
- e. Perluasan skim kepada mereka yang bekerja sendiri dengan memperkenalkan perlindungan dengan prinsip *No Fault Insurance*.

### Risiko Reputasi

Bagi tahun 2012, sebanyak 92,992 kes telah dibayar daripada 101,200 kes yang diterima. PERKESO telah berjaya membayar 98% daripada semua kes yang diterima itu dalam tempoh Piagam Pelanggan yang ditetapkan. Didapati juga purata hari yang telah diambil bagi pemprosesan kes telah berkurangan jika dibanding dengan tahun lalu.

### Financial Risk

From the financial risk aspect, the sustainability of SOCSO's fund can be affected by these factors which include:-

- a. The instability of the world economy due to Eurozone economic crisis.
- b. The inequality and differences between the expenditure and income growth rate.
- c. The Ninth Actuarial study projected the need to increase by 0.5% contribution rate for Invalidity Pension Scheme. Currently, this deficiency was mitigated by the excess from the Employment Injury Scheme and the investment returns.
- d. Contingency expenditure such as:
  - Health Screening Programme.
  - Establishment of Rehabilitation Centre.
  - The expansion of Social Security protection to:-
    - i. Taxi drivers
    - ii. Foreign workers
  - More liberal assessments and
  - The new SOCSO ICT Core System project.
- e. The extension of the scheme to cover the self employed and to introduce coverage based on the principles of No Fault Insurance

### Reputation Risk

In 2012, a total of 92,992 cases were paid out of the 101,200 cases received. SOCSO has managed to pay 98% of all cases received within its Client Charter. The average days taken to pay benefit has decreased compared to last year.

### Risiko Operasi

Berdasarkan kepada pendekatan *Strength, Weakness, Opportunity, Threat (SWOT)* dapat dirumuskan bahawa PERKESO mempunyai kekuatan struktur organisasi dengan 46 pejabat di seluruh negara, anggota yang berpengalaman dan aliran kewangan yang kukuh daripada kutipan caruman dan pulangan pelaburan menjadi teras kekuatan organisasi.

Walau bagaimanapun, aliran tunai daripada caruman yang akan dikutip boleh dipengaruhi oleh:-

- i. Kecekapan penguatkuasaan dalam membuat kutipan caruman daripada majikan, dan
- ii. Kecekapan penguatkuasaan bagi memastikan semua majikan yang layak mendaftar dan membayar caruman.

### Risiko Keselamatan

Secara umumnya, PERKESO terdedah kepada risiko keselamatan hartanya daripada sudut kebakaran dan kecurian serta malapetaka lain seperti banjir dan pemendapan tanah yang perlu diberi perhatian khususnya terhadap bangunan milik PERKESO.

PERKESO juga perlu melindungi aset komputer dan rangkaiannya daripada dicerobohi oleh pihak yang tidak diingini. Perhatian juga diperlukan untuk memastikan tiada kehilangan data apabila data tersebut dipindahkan kepada sistem operasi baru.

### INISIATIF PENYELIDIKAN

#### Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan

Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh telah memperuntukkan dana kepada PERKESO sebanyak RM52 juta melalui Kementerian Sumber Manusia pada 31 Disember 2011 untuk tujuan mewujudkan sebuah Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan bagi pekerja-pekerja yang telah kehilangan pekerjaan akibat daripada majikan yang tutup perniagaan, muflis dan mengalami masalah kewangan. Tabung yang bertujuan melindungi pekerja yang kehilangan pekerjaan dengan memberikan bantuan kewangan sementara serta menyediakan perkhidmatan pekerjaan.

### Operational Risk

Based on the Strength, Weakness, Opportunity, Threat (SWOT) approach can be summarized, SOCSO has the structural strength of the organisation with 46 offices around the country, experienced staff, strong financial position from contributions and returns from investments have been the core strength of the organisation.

However, the cash flow of contributions to be collected can be influenced by:-

- i. Enforcement efficiency in collecting contributions from employers, and
- ii. Enforcement efficiency in ensuring all eligible employers register and pay contribution.

### Security Risk

Generally, SOCSO is exposed to a security risk in terms of fire and theft, and other disasters such as flooding and deposition of land which need to be given particular attention especially to the buildings owned by SOCSO.

SOCSO also needs to protect its computers and network access by unauthorized parties. Attention is also needed to ensure that there is no loss of data when existing data is transferred to the new operating system.

### RESEARCH INITIATIVES

#### Relief Fund for Loss of Employment

Under the Tenth Malaysia Plan, the Government, on 31 December 2011 has allocated a fund of RM52 million to SOCSO through the Ministry of Human Resources to establish a Relief Fund for Loss of Employment for those who lost their jobs due to business failure, bankruptcy or those facing a financial difficulty by providing a protection to them through temporary financial aid and employment services.

Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri mensyaratkan supaya satu persetujuan bersama diwujudkan di antara Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dengan Kerajaan supaya *Unemployment Insurance Scheme (UIS)* yang dibiayai oleh majikan dan pekerja dapat dilaksanakan sebagai langkah jangka panjang sebelum dana tersebut disalurkan.

**Aktiviti Dan Pencapaian**

Pada 23 Disember 2011, pakar dari *International Labour Organisation (ILO)* telah dilantik untuk menjalankan kajian *Unemployment Insurance Scheme (UIS)*. Suatu *Tripartite Project Committee (TPC)* telah ditubuhkan bagi menyelaraskan kajian *UIS* oleh *ILO*. *TPC* adalah satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif PERKESO dan dianggotai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) Kementerian Sumber Manusia, Naib Presiden Persekutuan Majikan Malaysia serta Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan antaranya adalah mesyuarat satelit majikan dan pekerja, misi pencarian fakta, ASEAN platform perkongsian pengetahuan, lawatan serta kerjasama dengan negara-negara yang telah melaksanakan *UIS*.

Bengkel *Tripartite* Kebangsaan dan Serantau juga turut diadakan bertujuan untuk membincangkan serta mencadangkan beberapa alternatif model *UIS* untuk persetujuan dan mendapatkan konsensus sebagai asas analisa dan penilaian yang komprehensif.

It was however decided by the Cabinet to establish a collective agreement between the Malaysian Employers Federation (MEF), the Malaysian Trades Union Congress (MTUC) and the Government. This is to facilitate the *Unemployment Insurance Scheme (UIS)* which is funded by both the employers and employees, to be implemented as a long term measure before this fund is disbursed.

**Activity and Achievement**

The experts from *International Labour Organisation (ILO)* was engaged to conduct a study on *UIS* on 23 December 2011. As a result, a *Tripartite Project Committee (TPC)* was set-up to coordinate this study. *TPC* is a committee chaired by SOCSO's Chief Executive himself together with Deputy General Secretary (Policy and International Affairs) of Ministry of Human Resources, Vice President of the Malaysian Employers Federation and Secretary General of the Malaysian Trades Union Congress.

Among the activities that were carried out included satellite meetings involving the employers and employees, fact finding mission, knowledge sharing at the ASEAN platform as well as having visits and cooperation with countries that have implemented *UIS*.

National and Regional *Tripartite* Workshops were also organised to discuss and propose several alternatives for *UIS* model with the intent to seek approval and consensus as a basis for a comprehensive evaluation.



Mesyuarat TPC bagi membincangkan terma rujukan kajian *UIS* di Malaysia pada 16-17 Jan. 2012.  
*The TPC meeting to discuss the terms of reference of UIS study in Malaysia held on 16-17 Jan. 2012*



Mesyuarat TPC dipengerusikan oleh Datuk K. Selvarajah (PERKESO) dan dianggotai oleh wakil Kerajaan, MEF dan MTUC.  
*TPC Meeting chaired by Datuk K. Selvarajah (SOCSO) with representatives from the Government, MEF and MTUC.*



Regional *Tripartite* Workshop di Wisma PERKESO Kota Kinabalu, Sabah.  
*Regional Tripartite Workshop at Wisma PERKESO Kota Kinabalu, Sabah.*



*Regional Tripartite Workshop di Wisma PERKESO Kuching, Sarawak.  
Regional Tripartite Workshop at Wisma PERKESO Kuching, Sarawak.*



*National Tripartite Workshop di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).  
National Tripartite Workshop at the Putra World Trade Centre (PWTC).*

Mesyuarat Satelit oleh MEF dan MTUC serta Bengkel Tripartite Serantau dan Kebangsaan telah berhasil dalam;

- Memberi penerangan umum mengenai cadangan dan matlamat UIS.
- Memberi peluang kepada pihak majikan dan pekerja untuk merumuskan pendirian awal mereka mengenai UIS.
- Membolehkan pakar ILO memahami pendirian semua pihak dalam mereka bentuk cadangan UIS yang dapat diterima pakai oleh stakeholders.

#### **Kajian Mengenal Pasti Keperluan Perlindungan Keselamatan Sosial (Bekerja Sendiri): Pemandu Teksi**

Dalam usaha memperluaskan skop perlindungan keselamatan sosial kepada golongan bekerja sendiri khususnya pemandu teksi, satu kajian tinjauan telah dijalankan pada 12-22 Mac 2012 atas arahan Jemaah Menteri. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan perlindungan keselamatan sosial dan pilihan responden sama ada mereka berminat untuk menyertai skim atau sebaliknya serta jumlah caruman yang mampu dibayar oleh pemandu teksi yang bekerja sendiri.

A Satellite meeting between MEF and MTUC, as well as the Regional and National Tripartite Workshops held for this purpose managed to;

- Provide general information on the proposal and objective of UIS.
- Provide opportunities for the employers and employees to state their initial views regarding UIS.
- Allow the ILO experts to comprehend all relevant views so as to develop a proposal on UIS that is agreeable by all stakeholders.

#### **A Study To Identify The Needs For Social Security Protection (Self-employed): Taxi Drivers**

The Cabinet had instructed a survey to be conducted in order to widen the perimeter for social security protection for the self-employed, especially the taxi drivers. Conducted from 12-22 March 2012, it mainly aimed to identify the needs for social security protection as well as the respondents' interests in joining this scheme. It also intended to identify affordability of self-employed taxi drivers to contribute.

#### **Aktiviti Dan Pencapaian**

Secara amnya, responden kajian ini terdiri daripada pemandu teksi di sekitar kawasan Lembah Klang yang dianggarkan berjumlah 33,508 orang [sumber: Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)]. Saiz sampel minimum yang diperlukan untuk kajian ini adalah kira-kira 350 sampel manakala kaedah persampelan telah digunakan. Kajian ini telah dijalankan secara temuduga terus secara bersemuka dengan responden dan self-administered.

Sesi ini telah dijalankan di pelbagai lokasi sekitar Lembah Klang. Hasil daripada tinjauan tersebut, kira-kira 1,500 maklum balas responden telah diperolehi.

Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa majoriti pemandu teksi menyokong dan bersetuju agar satu skim keselamatan sosial seperti skim PERKESO diwujudkan untuk mereka. Antara faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam mereka bentuk skim ialah taburan umur pemandu teksi yang agak berusia, sejumlah besar pemandu yang tidak berdaftar dengan persatuan teksi, jumlah pendapatan berbanding kos sewa permit/teksi yang agak tinggi, kemampuan mencarum pada kadar kurang daripada RM30 sebulan, perlindungan utama terhadap kemalangan dan perubatan serta bilangan hari cuti sakit berbayar yang boleh disediakan di bawah skim dan sebagainya.

Dengan pengenalan skim yang memenuhi keperluan dan kemampuan golongan pemandu teksi dan bersesuaian dengan unjuran oleh pakar aktuari, ia memungkinkan skim tersebut dapat direalisasikan dengan kemampunan dana yang terjamin. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu pihak Kerajaan melakukan perancangan dan pelaksanaan seterusnya demi kesejahteraan golongan pemandu teksi yang bekerja sendiri.

#### **Activity and Achievement**

The respondents involved in this survey were generally taxi drivers within the Klang Valley area, whose total number is estimated at 33,508 drivers (source: SPAD). A sampling method was employed in this exercise where about 350 samples were needed. The survey was conducted in a face-to-face interview approach and self-administrated manner.

This session was carried out at various locations within Klang Valley. As a result, about 1,500 feedbacks from respondent was obtained.

The survey's result showed that most of the taxi drivers supported and agreed that a social security scheme similar to SOCSO's scheme is devised for them. Among the factors to be taken into account when such a scheme is developed is age distribution because they are quite elderly, most of them are not registered with the taxi association, the income is comparatively lower than the permit/taxi rental cost, their ability to contribute lesser than RM30 per month, the main protection against accidents and medical treatment as well as the number of paid sick leave could be provided under this scheme and so forth.

With the introduction of the scheme that meet the needs and affordability of the taxi drivers and in accordance with the actuarial experts projection, there is possibility for this scheme to be realised with guaranteed funding sustainability. This survey is also hoped to assist the Government to devise and implement subsequent plans for the benefit of self-employed taxi drivers.

Pemandu teksi sedang melengkapkan borang kajian yang diedarkan semasa Kursus Duta Teksi anjuran Kementerian Pelancongan Malaysia di MATIC, Jalan Ampang.

*Taxi drivers completing the survey forms distributed during a Course on Taxi Ambassador, organised by Ministry of Tourism Malaysia at MATIC, Jalan Ampang.*



Enumerator kajian dari PERKESO, sedang menemuduga salah seorang pemandu teksi di sekitar Kuala Lumpur pada 12 hingga 22 Mac 2012.

*Survey enumerator from SOCSO, interviewing one of the taxi drivers in Kuala Lumpur conducted on 12 till 22 March 2012.*

## AUDIT DAN KAWALAN DALAMAN

Aktiviti pengauditan yang dijalankan merangkumi pengauditan berdasarkan rancangan audit yang telah diluluskan. Selain daripada pengauditan berkaitan hal pentadbiran, faedah, kewangan dan am, audit prestasi juga turut dijalankan.

### Inisiatif dan Penambahbaikan

Sepanjang 2012, sebanyak sepuluh Audit Kewangan dan Am telah dilaksanakan di Ibu Pejabat meliputi kajian dan auditan terhadap pengurusan penolakan rekod caruman, rawatan perubatan hospital pakar, pengurusan bon pelaksanaan, pengurusan kenderaan pejabat, pembiayaan komputer, *due diligence* perolehan *ICT Cluster 1* dan *2*, pengurusan bangunan dan dokumen kontrak, tuntutan bayaran balik baki cukai dividen 2002 dan 2004 daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan pengurusan peralatan komputer termasuk semua Bahagian di Ibu Pejabat.

Skop pengauditan lebih menjurus kepada membuat siasatan khas *anti-fraud* yang melibatkan orang berinsurans, majikan, orang tengah dan juga penglibatan anggota PERKESO sendiri.

## AUDITING AND INTERNAL CONTROL

The auditing activities was carried out based on approved audit plan. Apart from auditing related matters of administration, benefits, financial and general, performance audit is also conducted.

### Initiatives and Improvements

In 2012, ten Financial and General Audit exercises were carried out at Headquarters. It covers studies and audits on managing the rejection of contribution records, medical treatment by specialist centres, bond management, implementation, management of official vehicles, computer financing, due diligence on ICT acquisition for Cluster 1 and 2, building management and contracts, refund claims from the Inland Revenue Board for dividend tax balance 2002 and 2004, and the management of computer equipment in all Divisions at the Head Office.

These auditing exercises were executed within the ambit of carrying out a special anti-fraud investigation concerning the insured persons, employers, middlemen as well as the SOCSO officers themselves.

Selain itu, pengauditan ke atas kesemua 46 pejabat PERKESO di seluruh Malaysia telah dijalankan. Antara aspek pengauditan yang telah dilulus dan dijalankan adalah pengurusan berkaitan kemudahan dialisis, bayaran ganti belanja, kompaun, caruman dan pembayaran faedah.

Buat pertama kali pengauditan secara bersilang antara zon (*cross zone*) yang menempatkan juruaudit di wilayah-wilayah yang ditetapkan telah dilaksanakan bagi memastikan pengauditan yang lebih berkesan. Teguran dan pengesyoran oleh Jabatan Audit Negara dan Bahagian Audit Dalam untuk penambahbaikan disalurkan kepada Bahagian yang terlibat.

Pengurusan PERKESO memberikan ingatan kepada semua bahawa PERKESO tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam gejala *fraud* serta mengadakan hubungan dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

## INISIATIF KUALITI DAN INOVASI

Bulan Kualiti dan Inovasi PERKESO disambut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran anggota akan kepentingan budaya kualiti di dalam pelaksanaan kerja harian. Ianya amat penting di dalam memastikan peningkatan produktiviti dan kualiti kerja dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan. Tema sambutan tahun ini adalah 'Kreativiti Pencetus Inovasi Penggerak Transformasi'.

Sambutan turut diadakan di semua 47 Pejabat PERKESO seluruh Malaysia termasuk di Ibu Pejabat. Antara aktiviti yang dianjurkan sempena sambutan Bulan Kualiti dan Inovasi PERKESO 2012 adalah pertandingan dan anugerah kualiti perkhidmatan:-

- Kumpulan Kreatif & Inovatif (KIK) 2012
- Projek Inovasi Terbaik 2012
- Sudut Inovasi Terbaik 2012
- Pejabat Terbaik 2011/2012
- Mencipta Tema Bulan Kualiti dan Inovasi 2012
- Malam Anugerah Kualiti dan Inovasi 2012

All 46 SOCSO offices throughout Malaysia were administered with this exercise. Among the areas of concern approved for auditing exercise were management of dialysis facilities, reimbursement, compound, contributions and benefit payments.

For the first time, the cross-zone auditing involving auditors being stationed at designated regions was implemented to ensure that the auditing is done more efficiently. All comments and recommendations by National Audit Department and the Internal Audit Division for improvement are forwarded to the respective Divisions.

SOCSO management issues constant reminders to all relevant parties that it would not condone any fraud activity and would establish a contact with the Malaysian Anti Corruption Commission (MACC).

## QUALITY AND INNOVATION INITIATIVES

SOCSO's Quality and Innovation Month is an annual event to increase the staff's awareness on the importance of setting a high benchmark in discharging their daily responsibilities. This is especially crucial in ensuring increased productivity and quality of work while serving the customers. This year's theme was 'Creativity Triggers Innovation, Drives Transformation'.

This event was extended to all 47 SOCSO offices nationwide including headquarters. Below are the list of the competitions and service quality awards held in conjunction with SOCSO's Quality and Innovation Month 2012:-

- Creative and Innovative Team 2012
- Best Innovation Project 2012
- Best Innovation Corner 2012
- Best Office 2011/2012
- Theme Creation for Quality and Innovation Month 2012
- Quality and Innovation Award Night 2012

Pada tahun 2012, sebanyak 9 projek KIK telah dihasilkan dan 26 projek inovasi telah didaftarkan untuk pertandingan. Pada masa yang sama, PERKESO turut menerima 143 penyertaan bagi Pertandingan Mencipta Tema Sambutan Bulan Kualiti dan Inovasi 2012 manakala Pertandingan Sudut Inovasi Terbaik 2012 telah menerima 16 penyertaan dari Bahagian dan Pejabat PERKESO seluruh negara. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 106 cadangan inovasi telah diterima dari anggota PERKESO bagi Pertandingan Inovasi Terbaik.

**Sistem Pengurusan Kualiti**  
*Standard MS ISO 9001: 2008*

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan *standard* MS ISO 9001:2008 di PERKESO adalah selaras dengan *standard* ISO 9000 yang ditetapkan oleh *International Organisation For Standardization* (ISO) dan diterima pakai oleh Jabatan *Standard* Malaysia.

Objektif utama pelaksanaan *standard* MS ISO 9000 adalah bertujuan memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan yang memberi fokus kepada kehendak dan ekspektasi pelanggan. PERKESO telah dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd dengan nombor persijilan AR 3437.

In 2012, a total of 9 Creative and Innovative Group projects was formed while another 26 innovation projects were registered for competition. Concurrently, 143 entries received for Theme Creation for Quality and Innovation Month 2012 contest whilst the competition for Best Innovation Corner 2012 received 16 entries from Divisions and SOCSO Offices nationwide. At the same time, a total of 106 proposals from the staff were received for its 2012 Best Innovation Competition.

**Quality Management System**  
**MS ISO 9001: 2008 Standard**

The implementation of Quality Management System based on MS ISO 9001:2008 standard in SOCSO was in line with ISO 9000 standards, set by the International Organisation for Standardisation (ISO) and is adopted by the Department of Standards, Malaysia.

The main objective of the implementation of MS ISO 9000 is intended to strengthen the service delivery system that focuses on the needs and expectations of its customers. SOCSO had been certified by SIRIM QAS International Sdn Bhd with certification number AR 3437.

**Aktiviti Dan Pencapaian**

Pada tahun 2012, PERKESO telah berjaya menambah bilangan pejabat yang menerima persijilan MS ISO 9001:2008 iaitu Pejabat Negeri Selangor dan Johor. Dengan kejayaan pejabat tersebut, ia menjadikan lima pejabat telah memenuhi dan mengamalkan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008.

Mulai tahun 2012 skop persijilan MS ISO 9001:2008 juga telah diperluaskan kepada pemprosesan Faedah Orang Tanggungan, Pencen Penakat dan Faedah Pengurusan Mayat. Dua proses sedia ada ialah Faedah Hilang Upaya Sementara dan Hilang Upaya Kekal. Dengan perluasan ini, menjadikan lima proses utama faedah PERKESO telah mencapai tahap pawaian yang telah ditetapkan.

**Pelaksanaan Sistem Penilaian Kepuasan Pelanggan Secara Elektronik (e-Rating)**

Sistem *e-Rating* merupakan satu mekanisma yang diperkenalkan untuk 10 agensi Kerajaan terpilih dalam konteks memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Sistem *e-Rating* adalah salah satu cara inovatif untuk meningkatkan penglibatan masyarakat (*citizen centric*) dalam membantu usaha Kerajaan meningkatkan mutu perkhidmatan sedia ada. Pelanggan yang berurusan di kaunter akan membuat penilaian terhadap mutu penyampaian perkhidmatan yang disampaikan oleh petugas kaunter.

**Activity and Achievement**

SOCSO managed to extend the MS ISO 9001:2008 certification to the Selangor and Johore State Offices. This success has made five SOCSO state offices to have fulfilled and practiced the Quality Management System.

Commencing 2012, the existing list to have been certified by MS ISO 9001:2008 was extended to Dependants' Benefit, Survivors' Pension as well as Funeral Benefit. The existing certification are for Temporary and Permanent Disablement Benefits. With this, five key processes of SOCSO benefits have attained the prescribed standard.

**Implementation of Electronic Customer Satisfaction Evaluation System (e-Rating)**

The e-Rating System is a mechanism introduced to 10 selected Government agencies to improve their public service delivery system. It is an innovative way to increase the public's involvement (*citizen centric*) in aid of Government's efforts to enhance existing service quality. Customers at the front counter can evaluate electronically the quality of services rendered by the attending staff.

Agensi dan jabatan Kerajaan yang dipilih di bawah program peningkatan perkhidmatan *online* Kerajaan, *Entry Point Project (EPP)* ini ialah:-

- Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
- Jabatan Pendaftaran Negara
- Jabatan Pengangkutan Jalan
- Jabatan Imigresen Malaysia
- Jabatan Insolvency Malaysia
- Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- Pejabat Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan
- Hospital Putrajaya dan Klinik Kesihatan Kelana Jaya
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

The Government agencies and departments selected for this Government's online services improvement programme, or *Entry Point Project (EPP)* are:-

- Social Security Organisation (SOCSO)
- National Registration Department
- Road Transport Department
- Malaysian Immigration Department
- Malaysian Insolvency Department
- Royal Malaysian Customs Department
- Federal Territory Land and Mines Office
- Putrajaya Hospital and Kelana Jaya Clinic
- Employees' Provident Fund (EPF)
- Inland Revenue Board (IRB)

#### Aktiviti Dan Pelaksanaan

Projek Rintis Sistem Penilaian Kepuasan Pelanggan Secara Elektronik (*e-Rating*) di PERKESO telah mula dilaksanakan mulai Julai 2012 di Ibu Pejabat, Pejabat Negeri Kuala Lumpur dan Selangor.

#### Activity and Implementation

The Electronic Customer Satisfaction Evaluation System (*e-Rating*) Pilot Project in SOCSO was implemented beginning July 2012 at Headquarters, Kuala Lumpur and Selangor State Offices.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong  
*This page is intentionally left blank*

Menyediakan bantuan kewangan  
sebanyak

RM3.20 JUTA

PERKESO telah menyediakan bantuan kewangan sebanyak RM3.20 juta kepada NGO bertujuan untuk menjalankan program memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada majikan dan pekerja.

SOCSO provided grants amounting to RM3.20 million to NGOs to carry out programmes aimed at promoting awareness on safety and health to employers and employees.



**DIARI KORPORAT**  
**CORPORATE DIARY**



Lakaran Artis : Pusat Rehabilitasi PERKESO.  
Artist Illustration: SOCSO Rehabilitation Centre.

## PUSAT REHABILITASI PERKESO

Majlis perasmian pecah tanah Pusat Rehabilitasi PERKESO, Bandar Hijau Hang Tuah Jaya, Melaka telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Hj. Mohd Ali Rustam, Ketua Menteri Melaka bersama dengan YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia pada 23 Mac 2012.



Majlis pecah tanah Pusat Rehabilitasi PERKESO pada 23 Mac 2012 oleh YAB Ketua Menteri Melaka bersama YB Menteri Sumber Manusia.  
The groundbreaking ceremony of SOCSO Rehabilitation Centre on 23 March 2012 by YAB Chief Minister of Melaka and YB Minister of Human Resources.

## SOCSO REHABILITATION CENTRE

The SOCSO Rehabilitation Centre groundbreaking ceremony at Bandar Hijau Hang Tuah Jaya, Melaka officiated by YAB Datuk Seri Hj. Mohd Ali Rustam, Chief Minister of Melaka together with YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources on 23 March 2012.



## PROGRAM MOTIVASI ANAK WARGA PERKESO

Program Motivasi Anak Warga PERKESO bagi tahun 2012 telah diadakan di Esset Bangi pada 14 hingga 17 Mac 2012. Program telah dihadiri oleh seramai 46 orang pelajar yang terdiri daripada anak warga PERKESO. Ianya diadakan bertujuan untuk meningkatkan keyakinan, motivasi diri serta meningkatkan prestasi dan pencapaian akademik pelajar khususnya yang akan menghadapi peperiksaan.

## MOTIVATION PROGRAMME FOR CHILDREN OF SOCSO'S STAFF

The 2012 Motivation Programme for Children of SOCSO's Staff held at Esset Bangi from 14 to 17 March 2012 was attended by 46 students. The purpose of this programme is to increase their confidence, self-motivation as well as their academic achievement, especially those seating for examination.

## HARI PEKERJA 2012

"Pekerja Berinovasi Penggerak Transformasi" merupakan slogan Hari Pekerja 2012.

PERKESO telah dipertanggungjawabkan menerajui Jawatankuasa Pertandingan Anugerah Hari Pekerja. Di samping itu, PERKESO turut mengambil bahagian dengan menghantar kontingen seramai 150 orang anggota menyertai perhimpunan Sambutan Hari Pekerja 2012.

Perhimpunan Hari Pekerja 2012 disambut pada bulan Mei dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan dihadiri oleh lebih 12,000 pekerja daripada sektor awam dan swasta dari seluruh negara.

## WORKERS' DAY 2012

"Pekerja Berinovasi Penggerak Transformasi" Worker's Day Theme 2012.

SOCSO was tasked to chair the Workers' Day Award Committee. At the same time, SOCSO provided a contingent of 150 staff to participate in the Workers' Day Celebration 2012.

The Workers' Day Celebration was held in May 2012, officiated by YAB Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia. It was attended by more than 12,000 workers from both public and private sectors nationwide.



ISSA GOOD PRACTICE AWARDS ASIA  
AND THE PACIFIC COMPETITION 2012

Pada 30 Oktober 2012, PERKESO telah menerima *Certificate of Merit* sempena *ISSA Good Practice Awards Asia And The Pacific Competition 2012* dari *International Social Security Association (ISSA)* untuk program *Commuting Accident Prevention Plan*. Kejayaan ini menunjukkan kemampuan PERKESO untuk menghasilkan program pencegahan dan promosi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja yang berkualiti serta bertaraf antarabangsa.

ISSA GOOD PRACTICE AWARDS ASIA AND THE  
PACIFIC COMPETITION 2012

On 30 October 2012, SOCSO received *Certificate of Merit* in conjunction with *ISSA Good Practice Awards Asia And The Pacific Competition 2012* from *International Social Security Association (ISSA)* for 'Commuting Accident Prevention Plan' programme. This success shows SOCSO's ability to produce a quality preventive and promotional programme of international standard on Occupational Safety and Health.



Pengiktirafan Antarabangsa dari *International Social Security Association* semasa *ISSA Good Practice Awards Asia and The Pacific Competition 2012*.  
*International Recognition from the International Social Security Association during ISSA Good Practice Awards Asia and The Pacific Competition 2012.*

LATIHAN PENGUNGSIAN

Latihan pengungsian telah diadakan pada 10 November 2012, bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada Pasukan Penyelamat Menara PERKESO dalam tugas pengungsian dan menyelamatkan serta dapat menguji keupayaan sistem atau peralatan yang berkaitan dengan kebombaaran agar sentiasa berfungsi dengan baik pada setiap masa.

FIRE DRILL

Fire drill was held on 10 November 2012 to expose Menara PERKESO Rescue Team to the evacuation and rescue drills as well as to test the capability of their system and fire equipment to ensure they function well at all times.



PROGRAM KELAS PERSEDIAAN PEPERIKSAAN  
DAN MOTIVASI ANAK PENERIMA FAEDAH

Program Kelas Persediaan Peperiksaan dan Motivasi Anak Penerima Faedah 2012 merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat khususnya kepada anak-anak penerima faedah. Seramai 910 orang pelajar telah mengikuti program motivasi dan didedahkan kepada teknik menjawab peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Politeknik dan Pejabat Pelajaran Daerah. Program ini telah dilaksanakan di politeknik-politeknik terpilih seperti berikut:-

EXAMINATION PREPARATION AND  
MOTIVATION PROGRAMME FOR CHILDREN  
OF BENEFIT RECIPIENTS

Examination Preparation and Motivation Programme for Children of Benefit Recipients 2012 was one of the corporate social responsibility programme. A total of 910 students had benefited from this programme. They were exposed to motivational programmes and techniques in answering the Sijil Pelajaran Malaysia examination.

This programme was carried out with the collaboration of National Population and Family Development Board, Polytechnics and District Education Offices. The following polytechnics were chosen as venues for the programmes:-

Tarikh <i>Date</i>	Tempat <i>Place</i>	Bil. Peserta <i>No. of Participants</i>
28.05.12 -02.06.12	Politeknik Sultan Azlan Shah, Tg. Malim, Perak <i>Sultan Azlan Shah Polytechnics, Tg. Malim, Perak</i>	220 orang
28.05.12 -02.06.12	Politeknik Merlimau, Melaka <i>Merlimau Polytechnics, Melaka</i>	245 orang
05.06.12 - 09.06.12	Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah, Kuantan, Pahang <i>Sultan Hj Ahmad Shah Polytechnics, Kuantan, Pahang</i>	218 orang
05.06.12 - 09.06.12	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Ulu Pauh, Arau, Perlis <i>Tuanku Syed Sirajuddin Polytechnics, Ulu Pauh, Arau Perlis</i>	227 orang

**HARI BERTEMU PELANGGAN**

Hari Bertemu Pelanggan diadakan di semua pejabat PERKESO seluruh negara setiap hari Khamis minggu pertama setiap bulan. Ianya memberi peluang kepada pelanggan bertemu dengan pengurusan atasan untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan permasalahan tuntutan.

Hari Bertemu Pelanggan merupakan salah satu pendekatan untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan secara menyeluruh kepada pelanggan dan seramai 3,143 pelanggan telah hadir ke program ini.

**MEET THE CLIENTS DAY**

Meet The Clients Day that is held every first Thursday of the month at all SOCSO Offices across the country allows the clients to meet senior management for advices pertaining to the benefit claims.

Meet The Clients Day is implemented to further enhance the delivery services it offers to all its clients and a total of 3,143 clients attended this programme.



**PROGRAM SARINGAN KESIHATAN PERKESO**

PERKESO telah memperkenalkan Program Saringan Kesihatan kepada pencarum yang mencapai umur 40 tahun lanjutan daripada pengumuman YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abd Razak, Perdana Menteri Malaysia semasa pembentangan bajet 2013 di Parlimen pada 28 September 2012. Program ini melibatkan peruntukan sebanyak RM220 juta bagi tahun 2013 dan dianggarkan seramai 1.9 juta orang berinsurans layak menerima kemudahan tersebut.

Program ini adalah satu jangkauan keprihatinan PERKESO mendekati rakyat berteraskan konsep '1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan' khususnya kepada golongan pekerja untuk meningkatkan kualiti hidup dan sebagai penghargaan terhadap sumbangan mereka dalam pembangunan negara.



**SOCISO HEALTH SCREENING PROGRAMME**

SOCSO has introduced a Health Screening Programme to contributors who reached the age of 40 years following the announcement of YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abd Razak, Prime Minister during the tabling of Budget 2013 in Parliament on 28 September 2012. The programme involves an allocation of RM220 million for 2013 and an estimated 1.9 million eligible insured person.

This is an outreach programme based on '1Malaysia People First Performance Now' concept particularly for the employees to improve quality of life and in recognition of their contribution to national development.

Sidang media Program Saringan Kesihatan PERKESO telah diadakan oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di Wisma PERKESO Kuala Lumpur pada 15 Oktober 2012. A press conference on SOCSO Health Screening Programme held by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources at Wisma PERKESO, Kuala Lumpur on 15 October 2012.

**PROJEK ICT CORE SYSTEM**



Majlis Kick-Off Innovation Associates Consulting Sdn Bhd sebagai Program Management Office pada 9 November 2012 bertempat di Menara PERKESO. A kick-off ceremony to inaugurate Innovation Associates Consulting Sdn Bhd as the Programme Management Office (PMO) on 9 November 2012 at Menara PERKESO.

**ICT CORE SYSTEM PROJECT**



Majlis Kick-Off Mesiniaga Berhad sebagai pembekal perkakasan dan perisian bagi persekitaran staging, produksi dan disaster recovery pada 3 September 2012 bertempat di Menara PERKESO. A kick-off ceremony to inaugurate Mesiniaga Berhad as the hardware and software provider for environment staging, production and disaster recovery on 3 September 2012 at Menara PERKESO.

### SEMINAR BERSAMA MEDIA

Seminar PERKESO Bersama Media telah diadakan di dua zon iaitu di Pulau Pinang pada 5 hingga 6 Disember 2012 dan di Kuching pada 20 hingga 21 Disember 2012. Seminar ini telah berjaya menarik penyertaan peserta di kalangan pihak media khususnya dari zon utara dan negeri Sarawak. Peserta seminar adalah mewakili agensi seperti RTM, BERNAMA, Berita Harian, Utusan Melayu, Harian Thina Kural, The Star, Makkal Osai, Kwang Wah Yit Poh, Sinar Harian, Malaysian Nanban, Sin Chew Daily, Borneo Post, Utusan Sarawak, Utusan Borneo dan Sarawak Tribune.

Dalam seminar ini, peserta telah didedahkan dengan pelbagai maklumat mengenai peranan PERKESO dan skim perlindungan keselamatan sosial mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 kepada rakan media. Di samping itu, para peserta juga turut berkesempatan menemu ramah orang berinsurans yang mengikuti program *Return To Work* dan berkongsi pengalaman dengan mereka.

### SEMINAR WITH MEDIA

SOCSO's Seminar With Media was held in two zones, in Penang from 5 to 6 December 2012 and Kuching from 20 to 21 December 2012. This seminar managed to attract media participation especially from the northern zone and Sarawak. The participants representing the agencies are RTM, BERNAMA, Berita Harian, Utusan Melayu, Harian Thina Kural, The Star, Makkal Osai, Kwang Wah Yit Poh, Sinar Harian, Malaysian Nanban, Sin Chew Daily, Borneo Post, Utusan Sarawak, Utusan Borneo and Sarawak Tribune.

Participants learnt the various relevant information on SOCSO's role and the social security protection schemes as provided by the Employees Social Security Act 1969 and Employees Social Security (General) Regulations 1971 that had not previously been well understood by the media. In addition, the seminar participants were given opportunities to interview insured persons who took part in the Return To Work programme to share their experiences.



### PENILAIAN SEMULA PELAN STRATEGIK PERKESO 2011-2015

Bengkel Penilaian Semula Pelan Strategik PERKESO 2011-2015 telah diadakan pada 26 hingga 28 November 2012 di Port Dickson. Seramai 26 pegawai telah terlibat secara intensif dalam bengkel ini.

Usaha penambahbaikan dan penyediaan pelan strategik ini bertujuan memenuhi keperluan dan kriteria transformasi Pelan Strategik Kerajaan yang diterajui oleh Unit Pemodenan dan Perancangan Tenaga Manusia Malaysia atau *Malaysian Administrative Modernisation and Manpower Planning Unit (MAMPU)*.

Bagi memastikan bengkel ini mencapai matlamat yang ditetapkan, PERKESO telah mendapatkan khidmat pakar runding dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi.

Bengkel ini adalah satu lagi hasil inisiatif bagi merancang, merangka dan melaksanakan strategi untuk tempoh lima tahun bagi mencapai visi untuk menjadi peneraju keselamatan sosial yang unggul dan cemerlang.



### REVIEW OF SOCSO'S STRATEGIC PLAN 2011-2015

A workshop to review SOCSO's Strategic Plan for 2011-2015 was organised from 26 to 28 November 2012 in Port Dickson, with 26 officers involved intensively.

The efforts to improve this strategic plan were intended to meet the Government Strategic Plan's transformation requirements and criteria as driven by Malaysian Administrative Modernisation and Manpower Planning Unit (MAMPU).

SOCSO had also engaged strategic planning consultants from the Social Science and Humanity Faculty, National University of Malaysia (UKM), Bangi in order to ensure that this workshop meets its desired objective.

This workshop is thus a result of another SOCSO's initiative to plan, develop and implement a five years strategy to achieve its vision of being an premier leader in the field of social security.

**KUNJUNGAN DELEGASI LUAR**

**Delegasi Dari Jepun**

PERKESO telah menerima kunjungan delegasi dari *The Research Institute for Policies on Pension and Aging (RIPPA)*, Japan pada 5 Jun 2012. RIPPA merupakan sebuah institusi yang ditubuhkan pada 1978 di bawah Kementerian Kebajikan dan Kesihatan Jepun. Sebuah institusi yang mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam menjalankan kajian secara sistematik dan komprehensif berkenaan isu-isu antarabangsa berhubung pencen dengan objektifnya untuk mempromosi perancangan pelan pembangunan pencen dan pengurusan dana di Jepun.



**Delegasi Dari Namibia**

Pada 22 Jun 2012, seramai 5 orang delegasi dari Namibia telah membuat lawatan ke Ibu Pejabat PERKESO. Lawatan tersebut bertujuan untuk mengetahui pentadbiran keselamatan sosial dan peranan PERKESO dalam menyediakan perlindungan keselamatan sosial. Kehadiran delegasi telah disambut oleh YBhg. Datuk K. Selvarajah, Ketua Eksekutif PERKESO dan pegawai-pegawai kanan.



**FOREIGN DELEGATION VISIT**

**Delegation From Japan**

SOCSO received a delegation from *The Research Institute from Policies on Pension and Aging (RIPPA)*, Japan on 5 June 2012. RIPPA is an institution established in 1978 under the Japanese Ministry of Social Welfare and Health. It has over 30 years of experience in conducting systematic and comprehensive studies on international issues relating to pension. Its objective is to promote pension development plans and fund management in Japan.



**Delegasi Dari Indonesia**

PERKESO telah menerima kunjungan delegasi dari Indonesia pada 25 April 2012 yang bertujuan untuk mengetahui peranan PERKESO dalam mentadbir Skim Keselamatan Sosial, pelaksanaan tuntutan perubahan dan pemulihan serta pengurusan kewangan. Kehadiran delegasi tersebut telah diberi penerangan oleh Puan Hajah Samihah Md Razi, Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat) dan pegawai-pegawai kanan.

**Delegasi Dari MIROS**

Pada 22 Oktober 2012 satu delegasi dari *Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)* telah berkunjung ke PERKESO untuk bertukar pandangan dan membincangkan kerjasama yang boleh dilaksanakan di dalam mencapai matlamat mengurangkan kemalangan jalan raya di kalangan pekerja. Delegasi MIROS disertai oleh Professor Dr. Wong Shaw Voon, Ketua Pengarah *MIROS*, Dr. Norlen Mohamed, Pengarah *Vehicle Safety And Biomechanics Research Centre* dan Ir. Mohd Rasid Osman, Pengurus *Research Management and Compliance Unit*.



**Delegation From Indonesia**

SOCSO received a delegation from Indonesia on 25 January 2012 to share knowledge pertaining to SOCSO's roles in administering the Social Security Schemes including the implementation of medical claims and rehabilitation as well as financial management. They were welcomed and briefed by Puan Hajah Samihah Md Razi, Deputy Chief Executive (Corporate) and senior officers.

**Delegation From MIROS**

A delegation from *Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)* visited SOCSO on 22 October 2012 to share views and explore possible cooperation that could be mutually implemented in order to reduce road accidents among workers. The delegation was accompanied by MIROS' Director General, Professor Dr. Wong Shaw Voon, its Director for Vehicle Safety And Biomechanics Research Centre, Dr. Norlen Mohamed, Manager for Research Management and Compliance Unit and Ir. Mohd Rasid Osman.

**Lawatan Daripada Kementerian Buruh, Saudi Arabia**

PERKESO telah menerima kunjungan seramai 60 orang pelawat daripada *Ministry of Labour, Eastern Province Branch, Kingdom of Saudi Arabia* pada 6 Disember 2012 bertempat di Wisma PERKESO Negeri Selangor. Rombongan yang diketuai oleh Eng. Mohammed M. Al Manna ini adalah dalam rangka lawatan bagi mempelajari pengurusan sumber manusia dan komponen yang berkaitan dengan pekerja dan majikan. Sebelum itu, rombongan yang sama telah melawat Kementerian Sumber Manusia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi tujuan yang sama.



**Visit From Ministry of Labour, Saudi Arabia**

SOCSO received a delegation comprising 60 members from the Ministry of Labour, Eastern Province Branch, Kingdom of Saudi Arabia on 6 December 2012 at Wisma PERKESO, Selangor. The delegation, led by Eng. Mohammed M. Al Manna, were on their series of visit to study human resources management and areas relating to employers and employees. They had earlier visited Ministry of Human Resources and Employees' Provident Fund with the same objective.

**BULAN BAHASA DAN MEMBACA KEBANGSAAN**

Sempena Bulan Bahasa dan Membaca Kebangsaan, PERKESO telah mengadakan majlis perasmian pada 18 Oktober 2012 di Menara PERKESO. Majlis disempurnakan oleh Puan Hj. Samihah Md Razi, Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat).

Objektif program bertujuan menyemai budaya membaca dan menggalakkan lagi penggunaan perpustakaan oleh warga PERKESO. Selain itu program ini merupakan satu cara memperkenalkan dan mempromosikan kemudahan yang disediakan di perpustakaan sebagai sumber rujukan dan maklumat kepada semua anggota.

**NATIONAL LANGUAGE AND READING MONTH**

In conjunction with National Language and Reading Month, SOCSO had the opening ceremony on 18 October 2012 at Menara PERKESO. It was officiated by Puan Hj. Samihah Md Razi, Deputy Chief Executive (Corporate).

The objective of this programme is to cultivate a reading culture and to encourage library utilisation by the staff. This programme also provides an avenue to introduce and promote to all our staff the facilities provided in the library as their source of reference and information.



**BULAN KUALITI DAN INOVASI**

Anugerah Kualiti dan Inovasi PERKESO 2012 telah diadakan pada 17 Disember 2012 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur. Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia dan dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Kanan, Pengarah Negeri, Pengurus Pejabat dan warga kerja PERKESO.

**QUALITY AND INNOVATION MONTH**

The SOCSO's Quality and Innovation Award 2012 was held on 17 December 2012 at Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur. The ceremony was officiated by YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Minister of Human Resources and was attended by all Senior Officers, State Directors, Office Managers and other SOCSO staff.





**ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG DAN KHIDMAT SETIA**

Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Khidmat Setia telah diadakan pada 18 Julai 2012. Pertubuhan sentiasa memberi pengiktirafan kepada anggota yang layak menerima Anugerah Khidmat Cemerlang (AKC) dan Anugerah Khidmat Setia (AKS) 20 dan 25 tahun. Seramai 58 anggota telah dipilih menerima AKC dan 51 anggota menerima AKS.

**PENGURNIAAN DARJAH DAN PINGAT KEBESARAN**

Pada tahun 2012, seramai 7 orang warga PERKESO telah dianugerahkan Darjah dan Pingat Kebesaran Persekutuan dan Negeri.

Senarai penerima anugerah kebesaran adalah seperti berikut:-

**EXCELLENT AND LOYAL SERVICE AWARDS**

SOCSCO constantly recognises those who are eligible to be awarded with Excellent Service Award (ESA) and Loyal Service Award (LSA) 20 and 25 years. The ceremony was held on 18 July 2012 and a total of 58 staff were selected to receive the ESA while another 51 to receive the LSA.

**CONFERRING OF AWARDS AND MEDALS**

In 2012, a number of 7 SOCSCO staff was bestowed with awards and medals from the Federal and State Governments.

The recipients are as follows:-

Anugerah / Award	Penerima / Recipient	Pejabat / Office
Darjah Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W)	Datuk K. Selvarajah	Ketua Eksekutif <i>Chief Executive</i>
Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.)	Dato' Dr. Mohammed Azman Bin Aziz Mohammed	Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) <i>Deputy Chief Executive (Operations)</i>
Ahli Bintang Kenyalang (A.B.K.)	Encik John Riba Anak Marin	Pejabat Negeri Sarawak <i>Sarawak State Office</i>
Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T.)	Encik Hassim Bin Haji Ibrahim	Pejabat Negeri Sarawak <i>Sarawak State Office</i>
Pingat Lama Berjawatan (P.L.B.)	Puan Fauziah Binti Ibrahim	Pejabat Negeri Terengganu <i>Terengganu State Office</i>
Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)	Puan Latha A/P Sinnathambi	Pejabat Negeri Melaka <i>Melaka State Office</i>
Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)	Encik Isa Bin Abdul Wahab	Pejabat Taiping <i>Taiping Office</i>

Peningkatan pendapatan sebanyak

**RM81.77** Juta

Jumlah pendapatan bagi tahun 2012 meningkat sebanyak RM81.77 juta atau 2.53% kepada RM3,318.73 juta berbanding RM3,236.96 juta pada 2011.

Total income for 2012 increased by RM81.77 million or 2.53% to RM3,318.73 million from RM3,236.96 million in 2011.



**PENYATA KEWANGAN**  
**FINANCIAL STATEMENTS**




SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial pada 31 Disember 2012 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

  
(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
4 JUN 2013




**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga  
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**STATEMENT BY THE CHAIRMAN AND A MEMBER OF THE BOARD  
SOCIAL SECURITY ORGANISATION**

Kami, DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID dan DATUK K. SELVARAJAH yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

We, DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID and DATUK K. SELVARAJAH being the Chairman and a Member of the Board of the SOCIAL SECURITY ORGANISATION do hereby state that, in the opinion of the Board, the accompanying Financial Statements which include the Balance Sheet, Income Statement, Statement of Changes in Reserves and Cash Flow Statement together with the notes to the Financial Statements are drawn up so as to give a true and fair view of the financial position of the SOCIAL SECURITY ORGANISATION as at 31 December 2012 and of the results and changes in the financial position for the year ended on that date.

Bagi pihak Lembaga,  
*On behalf of the Board,*




Nama / Name : DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID

Gelaran / Title : Pengerusi Lembaga PERKESO  
Chairman, Board of SOCSO

Tarikh / Date : 23 MAY 2013

Tempat / Place: Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,  
*On behalf of the Board,*



Nama / Name : DATUK K. SELVARAJAH

Gelaran / Title : Ketua Eksekutif PERKESO  
Chief Executive, SOCSO

Tarikh / Date : 23 MAY 2013


Tempat / Place : Kuala Lumpur

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
DECLARATION BY THE OFFICER PRIMARILY  
RESPONSIBLE FOR THE FINANCIAL MANAGEMENT  
OF SOCIAL SECURITY ORGANISATION**

Saya, HJH. SAMIHAN BT. MD RAZI, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

I, HJH SAMIHAN BT. MD RAZI, being the officer primarily responsible for the financial management and accounting records of the SOCIAL SECURITY ORGANISATION, do solemnly and sincerely declare that the following Balance Sheet, Income Statement, Statement of Changes in Reserves and Cash Flow Statement and the accompanying notes to the Financial Statements therein, to the best of my knowledge and belief, are correct and I make this solemn declaration conscientiously believing it to be true and by virtue of the provisions of the Statutory Declarations Act, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di KUALA LUMPUR pada **23 MAY 2013**  
Subscribed and solemnly declared by the above named in KUALA LUMPUR on **23 MAY 2013**

  
.....  
**HJH. SAMIHAN BT. MD RAZI**  
Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat)  
Pertubuhan Keselamatan Sosial  
Deputy Chief Executive (Corporate)  
Social Security Organisation

Di hadapan saya,  
Before me,

  
.....  
**PESURUHJAYA SUMPAH**  
COMMISSIONER FOR OATHS  
Nama: HAJAH  
JAMILATI ISMAIL  
  
Lot 5.30, Tingkat 5  
Wisma Central  
Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
LEMBARAN IMBANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2012  
SOCIAL SECURITY ORGANISATION  
BALANCE SHEET  
AS AT 31 DECEMBER 2012**

	NOTA NOTE	2012 (RM)	2011 (RM)
<b>ASET BUKAN SEMASA / NON-CURRENT ASSETS</b>			
Harta Tanah, Loji dan Peralatan <i>Property, Plant and Equipment</i>	5	515,410,827	514,581,205
Kerja dalam Pembinaan / <i>Work in Progress</i>	6	120,984,330	36,380,554
Pelaburan dalam Instrumen Kewangan <i>Investment in Financial Instruments</i>	7	9,887,486,762	8,654,529,258
Pinjaman / <i>Loans</i>	8	61,300,510	58,981,927
		<b>10,585,182,429</b>	<b>9,264,472,944</b>
<b>ASET SEMASA / CURRENT ASSETS</b>			
Pelbagai Penghutang / <i>Sundry Debtors</i>	9	116,773,558	126,624,032
Pelaburan dalam Instrumen Kewangan <i>Investment in Financial Instruments</i>	10	3,677,896,590	3,815,025,957
Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen <i>Deposit with Licensed Financial Institutions</i>	11	6,583,989,096	6,708,377,472
Baki Bank dan Wang Tunai <i>Bank Balances and Cash</i>	12	41,870,037	44,999,140
		<b>10,420,529,281</b>	<b>10,695,026,601</b>
<b>LIABILITI SEMASA / CURRENT LIABILITIES</b>			
Pendapatan Tertunda Pelaburan <i>Deferred Investment Income</i>	13	-	1,129,795
Pelbagai Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru <i>Sundry Creditors and Accrued Expenses</i>	14	85,618,997	73,015,077
		<b>85,618,997</b>	<b>74,144,872</b>
<b>Aset Semasa Bersih / <i>Net Current Assets</i></b>		<b>10,334,910,284</b>	<b>10,620,881,729</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA / NON-CURRENT LIABILITY</b>			
Geran Kerajaan / <i>Government Grant</i>	15	55,384,526	53,655,765
		<b>20,864,708,187</b>	<b>19,831,698,908</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
The accompanying notes form part of these financial statements.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**LEMBARAN IMBANGAN**  
**PADA 31 DISEMBER 2012**  
**SOCIAL SECURITY ORGANISATION**  
**BALANCE SHEET**  
**AS AT 31 DECEMBER 2012**

	NOTA NOTE	2012 (RM)	2011 (RM)
<b>DIBIAYAI OLEH / FINANCED BY:</b>			
KUMPULAN WANG KESELAMATAN SOSIAL <i>SOCIAL SECURITY FUND</i>		20,800,503,497	19,771,112,358
KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN <i>HOUSING LOAN FUND</i>		27,818,353	25,690,853
KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN <i>VEHICLE LOAN FUND</i>		4,959,364	4,939,124
KUMPULAN WANG PENDAHULUAN KOMPUTER <i>COMPUTER ADVANCES FUND</i>		392,447	384,367
KUMPULAN WANG PINJAMAN PENDIDIKAN <i>EDUCATION LOAN FUND</i>		31,034,525	29,572,205
SUMBANGAN KERAJAAN MALAYSIA <i>CONTRIBUTION BY THE GOVERNMENT OF MALAYSIA</i>	16	1	1
		<b>20,864,708,187</b>	<b>19,831,698,908</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
The accompanying notes form an integral part of these financial statements.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**  
**SOCIAL SECURITY ORGANISATION**  
**INCOME STATEMENT**  
**FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2012**

	NOTA NOTE	2012 (RM)	2011 (RM)
<b>PENDAPATAN / INCOME</b>			
Caruman / Contributions		2,325,498,419	2,172,034,719
Pulangan Pelaburan / Investment Return	17	961,979,842	1,036,066,257
Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) <i>Interest on Late Contributions (ILC)</i>	18	9,302,982	12,728,942
Faedah / Interest	19	2,163,429	2,153,378
Lain-lain Pendapatan / Other Income	20	19,785,589	13,982,324
<b>Jumlah Pendapatan / Total Income</b>		<b>3,318,730,261</b>	<b>3,236,965,620</b>
<b>PERBELANJAAN / EXPENDITURE</b>			
Belanja Tanggungan / Benefits Expenditure	21	(2,020,851,496)	(1,728,656,518)
Belanja Mengurus / Administrative Expenditure	22	(264,869,486)	(279,737,310)
<b>Jumlah Perbelanjaan / Total Expenditure</b>		<b>(2,285,720,982)</b>	<b>(2,008,393,828)</b>
<b>Pendapatan Bersih Tahun Semasa</b> <i>Net Income for Current Year</i>		<b>1,033,009,279</b>	<b>1,228,571,792</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
The accompanying notes form part of these financial statements.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**  
*SOCIAL SECURITY ORGANISATION*  
*INCOME STATEMENT*  
*FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2012*

	2012 (RM)	2011 (RM)
Agihan Pendapatan Bersih Tahun Semasa kepada: <i>Distribution of Net Income for Current Year to:</i>		
<b>KUMPULAN WANG KESELAMATAN SOSIAL</b> <i>SOCIAL SECURITY FUND</i>		
<b>BENCANA KERJA / EMPLOYMENT INJURY</b>		
Rizab Teknikal / <i>Technical Reserve</i>	209,236,000	262,529,000
Rizab Luar Jangka / <i>Contingent Reserve</i>	20,731,000	28,995,000
Rizab Bebas / <i>Free Reserve</i>	694,465,928	662,104,399
	<b>924,432,928</b>	<b>953,628,399</b>
<b>PENCEN ILAT / INVALIDITY PENSION</b>		
	106,158,211	274,464,111
	<b>1,030,591,139</b>	<b>1,228,092,510</b>
<b>LAIN-LAIN KUMPULAN WANG / OTHER FUNDS</b>		
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan <i>Housing Loan Fund</i>	927,500	892,610
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan <i>Vehicle Loan Fund</i>	20,240	20,276
Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer <i>Computer Advances Fund</i>	8,080	12,329
Kumpulan Wang Pinjaman Pendidikan <i>Education Loan Fund</i>	1,462,320	(445,933)
	<b>2,418,140</b>	<b>479,282</b>
	<b>1,033,009,279</b>	<b>1,228,571,792</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
*The accompanying notes form an integral part of these financial statements.*

**PENYATA PERUBAHAN DALAM RIZAB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**  
**STATEMENT OF CHANGES IN RESERVES FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2012**

	Kumpulan Wang Keselamatan Sosial / <i>Social Security Fund</i>		Lain-lain Kumpulan Wang <i>Other Funds</i>				Jumlah <i>Total</i>	Jumlah <i>Total</i>	Jumlah Besar <i>Grand Total</i>	
	Bencana Kerja / <i>Employment Injury</i>	Pencen Ilat <i>Invalidity Pension</i>	Rizab Teknikal <i>Technical Reserve</i>	Rizab Luar Jangka <i>Contingent Reserve</i>	Rizab Bebas <i>Free Reserve</i>	Rizab Teknikal <i>Technical Reserve</i>				Pinjaman Kenderaan <i>Vehicle Loan</i>
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
<b>Baki pada 1 Januari 2011</b> <i>Balance as at 1 January 2011</i>	3,846,564,000	7,730,848,836	6,666,164,806	309,592,000	6,666,164,806	14,150,000	3,500,000	200,000	54,204,400	18,625,224,042
Pelarasan Tahun Lalu (Nota 25) <i>Prior Year Adjustment (Note 25)</i>	-	(9,943,617)	(12,153,310)	-	(9,943,617)	-	-	-	-	-
Agihan Semula Pendapatan Bersih <i>Redistribution from Net Income</i>	-	-	12,347,133	-	12,347,133	10,248,243	1,418,848	172,038	(24,186,262)	(22,096,927)
<b>Baki Dinyatakan Semula</b> <i>Restated Balance</i>	3,846,564,000	7,720,905,219	6,666,358,629	309,592,000	6,666,358,629	24,398,243	4,918,848	372,038	30,018,138	18,603,127,115
Pindahan Antara Kumpulan Wang <i>Transfer Between Funds</i>	-	-	(400,000)	-	-	400,000	-	-	-	-
Agihan daripada Pendapatan Bersih <i>Distribution from Net Income</i>	262,529,000	274,464,111	662,104,399	28,995,000	662,104,399	892,610	20,276	12,329	(445,933)	1,228,571,792
<b>Baki pada 31 Disember 2011</b> <i>Balance Restated as at 31 December 2011</i>	<b>4,109,093,000</b>	<b>7,995,369,330</b>	<b>7,328,063,028</b>	<b>338,587,000</b>	<b>7,328,063,028</b>	<b>25,690,853</b>	<b>4,939,124</b>	<b>384,367</b>	<b>29,572,205</b>	<b>19,831,698,907</b>
<b>Baki pada 1 Januari 2012</b> <i>Balance as at 1 January 2012</i>	4,091,800,000	7,995,585,007	7,333,272,500	338,587,000	7,333,272,500	14,550,000	3,500,000	200,000	54,204,400	19,831,698,907
Agihan Semula Pendapatan Bersih <i>Redistribution from Net Income</i>	17,293,000	(215,677)	(5,209,472)	-	(215,677)	11,140,853	1,439,124	184,367	(24,632,195)	(11,867,851)
<b>Baki Dinyatakan Semula</b> <i>Restated Balance</i>	4,109,093,000	7,995,369,330	7,328,063,028	338,587,000	7,328,063,028	25,690,853	4,939,124	384,367	29,572,205	19,831,698,907
Pindahan Antara Kumpulan Wang <i>Transfers Between Funds</i>	-	-	(1,200,000)	-	-	1,200,000	-	-	-	-
Agihan daripada Pendapatan Bersih <i>Distribution from Net Income</i>	209,236,000	106,158,211	694,465,928	20,731,000	694,465,928	927,500	20,240	8,080	1,462,320	1,033,009,279
<b>Baki pada 31 Disember 2012</b> <i>Balance as at 31 December 2012</i>	<b>4,318,329,000</b>	<b>8,021,328,956</b>	<b>8,021,328,956</b>	<b>359,318,000</b>	<b>8,021,328,956</b>	<b>27,818,353</b>	<b>4,959,364</b>	<b>392,447</b>	<b>31,034,525</b>	<b>20,864,708,186</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
*The accompanying notes form an integral part of these financial statements.*

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**  
**SOCIAL SECURITY ORGANISATION**  
**CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2012**

	2012 (RM)	2011 (RM)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b> <i>CASH FLOWS FROM OPERATING ACTIVITIES</i>		
Pendapatan Bersih Tahun Semasa / Net Profit for Current Year	1,033,009,279	1,228,571,792
<b>Tambahan / (Kurangan) Pelarasan Bagi / Add/(Deduct) Adjustments For:</b>		
Pendapatan Dividen Pelaburan / Dividend Income from Investments	(125,581,629)	(306,494,605)
Pendapatan Faedah Pelaburan / Interest Income from Investments	(680,947,041)	(660,862,572)
Kerugian/(Keuntungan) Modal Pelaburan / Loss/(Gains) on Capital Investments	(159,641,335)	(63,983,336)
Kerugian/(Keuntungan) Nyata Pertukaran Asing / Realised Loss/(Gains) on Foreign Exchange	(720,612)	(1,211,906)
Kerugian/(Keuntungan) Pelupusan Harta Tanah, Loji dan Peralatan <i>Loss/(Gains) from Disposal of Property, Plant and Equipment</i>	(472,863)	(162,749)
Susut Nilai Harta Tanah, Loji dan Peralatan / Depreciation of Property, Plant and Equipment	22,506,042	21,996,680
Pelarasan Harta Tanah, Loji dan Peralatan / Adjustment of Property, Plant and Equipment	(1,663,963)	(2,160,728)
Pembalikan Peruntukan Hutang Ragu Pinjaman Pendidikan <i>Reversal of Provision for Doubtful Debts on Education Loan</i>	(53,224)	(73,795)
Hutang Ragu Belanja Tanggungan / Doubtful Debts on Benefits Expenditure	44,700	417,140
Hutang Ragu Penghutang Caruman / Tunggalan Caruman <i>Doubtful Debts on Contribution / Contribution in Arrears Debtors</i>	231,316	535,743
Hapuskira Penghutang Pinjaman Pendidikan / Education Loan Debtors Written off	2,065,130	2,984,986
Hapuskira Penghutang Tanggungan / Benefits Debtors Written off	291,953	30,455
Hapuskira Pinjaman Pendidikan ke Biasiswa / Kematian <i>Education Loan Written off to Scholarship / Death</i>	64,421	258,476
Hapuskira Penghutang Lembaga Hasil Dalam Negeri / Inland Revenue Board Debtor's Written off	1,193,673	-
Pembalikan Penjejasan Nilai Bon Pengurus Portfolio <i>Reversal for Impairment in Bond Managed by Portfolio Managers</i>	(1,129,795)	-
Kerugian / (Pembalikan Kerugian) Nilai Buku Saham / Loss/(Reversal of Loss) on Book Values of Shares	(200,793)	1,373,976
Kerugian / (Keuntungan) Pertukaran Asing Belum Realis / Loss/(Gains) on Unrealised Foreign Exchange	6,241,363	(4,887,814)
Peruntukan Penjejasan Nilai Harta Tanah, Loji dan Peralatan <i>Provision for Impairment of Property, Plant and Equipment</i>	-	20,466,312
	<b>(937,772,657)</b>	<b>(991,773,737)</b>
<b>Lebih Pendapatan Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja</b> <i>Income Surplus Before Changes in Working Capital</i>	<b>95,236,622</b>	<b>236,798,055</b>
<b>Tambahan/(Kurangan) Dalam Modal Kerja: / Increase/(Decrease) in Working Capital:</b>		
Pelbagai Penghutang dan Deposit / Sundry Debtors and Deposits	19,292,279	(15,123,332)
Pelbagai Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru / Sundry Creditors and Accrued Expenses	12,603,920	24,030,523
	<b>31,896,199</b>	<b>8,907,191</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
The accompanying notes form an integral part of these financial statements.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**  
**SOCIAL SECURITY ORGANISATION**  
**CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2012**

	2012 (RM)	2011 (RM)
<b>Lebih Pendapatan Selepas Perubahan Dalam Modal Kerja</b> <i>Income Surplus after Changes in Working Capital</i>	<b>127,132,821</b>	<b>245,705,246</b>
Pinjaman Anggota dan Pendidikan / Staff and Education Loans	(4,288,600)	(3,892,876)
Geran Kerajaan / Government Grant	1,728,761	53,655,765
	<b>(2,559,839)</b>	<b>49,762,889</b>
<b>TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b> <i>NET CASH FROM OPERATING ACTIVITIES</i>	<b>124,572,982</b>	<b>295,468,135</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b> <i>CASH FLOW FROM INVESTMENT ACTIVITIES</i>		
Perolehan Harta Tanah, Loji dan Peralatan / Acquisition of Property, Plant and Equipment	(9,020,567)	(9,870,696)
Perolehan Kerja Dalam Pembinaan / Acquisition of Work In Progress	(98,177,067)	(32,690,562)
Sekuriti Kerajaan / Government Securities	201,667,996	664,337,842
Pinjaman Jaminan Kerajaan / Government Guaranteed Loans	(800,000,000)	-
Sekuriti Hutang Korporat / Corporate Debt Securities	(282,483,885)	42,660,670
Saham Tersiar Harga / Quoted Shares	(58,966,350)	(78,191,568)
Dividen Diterima / Dividends Received	125,742,557	305,999,012
Faedah Diterima / Interests Received	667,751,835	661,892,877
Pendapatan Tertunda Pelaburan / Deferred Investment Income	-	1,129,795
Hasil Pelupusan Harta Tanah, Loji dan Peralatan <i>Proceeds from Disposal of Property, Plant and Equipment</i>	1,395,020	401,004
<b>TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b> <i>NET CASH FROM INVESTMENT ACTIVITIES</i>	<b>(252,090,461)</b>	<b>1,555,668,374</b>
<b>TAMBAHAN/(KURANGAN) BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b> <i>NET INCREASE / (DECREASE) IN CASH AND CASH EQUIVALENTS</i>	<b>(127,517,479)</b>	<b>1,851,136,509</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b> <i>CASH AND CASH EQUIVALENTS AT THE BEGINNING OF THE YEAR</i>	<b>6,753,376,612</b>	<b>4,902,240,103</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b> <i>CASH AND CASH EQUIVALENTS AT THE END OF THE YEAR</i>	<b>6,625,859,133</b>	<b>6,753,376,612</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
The accompanying notes form an integral part of these financial statements.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**  
**SOCIAL SECURITY ORGANISATION**  
**NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS**  
**FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2012**

**1. MAKLUMAT KORPORAT**  
**DAN AKTIVITI UTAMA**

- 1.1 Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai Jabatan Kerajaan pada 1 Januari 1971 bagi menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969. Mulai 1 Julai 1985, PERKESO telah menjadi sebuah Badan Berkanun Persekutuan. PERKESO bertanggungjawab dalam memberi perlindungan keselamatan sosial kepada orang berinsurans dan tanggungan mereka yang layak menerusi pembayaran faedah di bawah Skim-Skim Keselamatan Sosial di samping meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja di Malaysia.
- 1.2 PERKESO mentadbir dua jenis skim keselamatan sosial iaitu skim insurans bencana pekerjaan dan skim pencen ilat. Skim-skim ini memberi perlindungan kepada para pekerja dan tanggungan yang layak apabila berlakunya kejadian luar jangka yang menimpa pekerja berkenaan seperti bencana pekerjaan, keilatan dan kematian. Skim ini turut meliputi kemudahan pemulihan terhadap pekerja yang ditimpa bencana bagi membolehkannya kembali aktif dalam kehidupan harian dan kembali bekerja dengan secepat mungkin.
- 1.3 Ibu Pejabat PERKESO terletak di Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. PERKESO mempunyai 14 buah Pejabat Negeri dan 32 buah Pejabat PERKESO di seluruh negara.

**1. CORPORATE INFORMATION AND**  
**PRINCIPAL ACTIVITIES**

- 1.1 Social Security Organisation (SOCSO) was established as a Government Department on 1 January 1971 to enforce the Employees Social Security Act 1969. It became a Federal Statutory Body on 1 July 1985. SOCSO is responsible in providing social security protection to insured persons and their eligible dependants through payment of benefits under Social Security Schemes besides increasing the awareness on employee's safety and health in Malaysia.
- 1.2 SOCSO administers two types of social security schemes, namely employment injury scheme and invalidity pension scheme. These schemes provide protection to employees and their eligible dependants in the occurrence of unforeseen events to the employee such as employment injury, invalidity and death. These schemes also provide rehabilitation facilities for injured employees, allowing them to regain their active daily life and return to work as soon as permitted.
- 1.3 SOCSO's Headquarters is located at Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. It has 14 State Offices and 32 SOCSO offices nationwide.

- 1.4 Bilangan keseluruhan anggota PERKESO pada akhir tahun kewangan semasa adalah seramai 2,069 orang (2011: 2,051 orang).
- 1.5 Penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 ini telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga PERKESO pada 23 Mei 2013.

- 1.4 At the end of current financial year, SOCSO total employees stood at 2,069 (2011:2,051 employees).
- 1.5 The financial statements for financial year ended 31 December 2012 were authorised for issue by the Board of SOCSO on 23 May 2013.

**2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN**  
**RISIKO KEWANGAN**

Secara umumnya, pelaburan PERKESO dalam instrumen pelaburan di dalam pasaran kewangan tempatan telah mendedahkannya kepada beberapa risiko kewangan semasa seperti risiko pasaran, risiko kadar faedah, risiko kredit, risiko kecairan, risiko pelaburan dan risiko operasi. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan PERKESO adalah untuk memastikan bahawa dana modal pelaburan sentiasa terpelihara dan pulangan pelaburannya berada pada tahap optimum bagi membiayai perbelanjaan tanggungan dan mengurus dengan mengambilkira persekitaran kadar faedah dan pasaran kewangan tempatan yang sukar diramal dan sentiasa berubah.

**a) Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merupakan risiko kerugian yang berpotensi berlaku disebabkan perubahan nilai portfolio pelaburan atau instrumen kewangan lain berikutan perubahan dalam pembolehubah pasaran seperti kadar faedah semasa, kesan pertukaran matawang dan kesan perubahan harga saham di Bursa Malaysia. Pelaburan PERKESO dikendalikan oleh Pengurus Portfolio dan Pengurusan PERKESO sendiri. Risiko pasaran diuruskan dan diimbangkan dengan kaedah mempelbagaikan pendedahan pelaburan PERKESO dalam instrumen kewangan yang berkualiti dan berkecairan tinggi bagi tujuan pemeliharaan modal serta mengoptimumkan pulangan pelaburan kepada PERKESO.

**2. FINANCIAL RISK MANAGEMENT**  
**OBJECTIVES AND POLICIES**

Generally, SOCSO's investments in domestic financial market's investment instruments have exposed it to several current financial risks such as market risk, interest rate risk, credit risk, liquidity risk, investment risk and operational risk. The objectives and policies of SOCSO's financial risk management are to ensure its investment capital fund is always preserved and the investment returns are optimised to finance its benefit and administrative expenditure considering the volatility and unpredictability of domestic interest rate and financial market.

**a) Market Risk**

Market risk is the risk of potential losses due to changes in value of investment portfolio or other financial instruments reflected by changes in market variables such as current interest rates, the impact of currency exchange rates and changes in share prices listed on the Malaysian Stock Exchange. SOCSO's investments are managed by Portfolio Managers and the SOCSO's Management themselves. The market risk is managed and balanced by diversifying the exposure of SOCSO's investments into quality and high liquidity financial instruments so as to preserve the capital as and to optimise returns on investment to SOCSO.

**b) Risiko Kadar Faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan akan berubah berikutan sensitiviti terhadap perubahan kadar faedah di pasaran semasa. Walau bagaimanapun, ia terhad kepada pelaburan jangka pendek dengan institusi kewangan berlesen dan pelaburan dalam sekuriti bon yang diuruskan oleh Pengurus Portfolio dan Pengurusan PERKESO. Pelaburan PERKESO di dalam sekuriti bon merupakan pelaburan jangka panjang dalam gred berkualiti tinggi yang dipegang untuk mengoptimumkan pulangan pelaburan.

**c) Risiko Kredit**

Risiko kredit adalah risiko yang berlaku disebabkan oleh ketidakupayaan pihak yang berurusan memenuhi tanggungjawab pembayaran faedah atau pulangan pelaburan seperti yang telah dipersetujui ketika kontrak dikuatkuasakan. Pendedahan PERKESO terhadap risiko kredit adalah menerusi aktiviti-aktiviti pinjaman yang diberikan, urusniaga umum, penempatan tunai dan pelaburan di institusi kewangan berlesen. PERKESO menguruskan risiko kreditnya dengan memantau secara berterusan kedudukan kewangan dan keupayaan kredit pihak-pihak terbabit bagi memelihara kepentingannya dalam urusniaga terbabit.

**d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai**

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah risiko yang berlaku apabila dana yang diperlukan tidak mencukupi bagi memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan. PERKESO mengawasi aliran tunai keluar dan masuk yang diunjurkan sepanjang masa bagi memastikan bahawa kedudukan kewangannya sentiasa kukuh dan kecairan tunai sentiasa terjamin. Selain itu, PERKESO juga memastikan tahap kecairan aset adalah mencukupi dan tersedia ada apabila diperlukan melalui penempatan sejumlah tunai dan deposit mudah cair di institusi-institusi kewangan berlesen berdasarkan anggaran komitmen kewangan yang perlu diselesaikan.

**b) Interest Rate Risk**

Interest rate risk is the risk of changes in financial instruments' value due to their sensitivity to changes in current interest rates. Nevertheless, the risk is restricted to short-term investments with licensed financial institutions and investments in bond securities managed by Portfolio Managers and SOCSO's Management. SOCSO's investment in bond securities are long-term investments in a high quality graded securities which are held to optimise investment returns.

**c) Credit Risk**

Credit risk is the risk that occurs due to the inability of the parties involved in business transactions to meet the responsibility to pay the interest or investment returns as agreed when the contract is enforceable. SOCSO exposure to credit risk is via lending activities, general business transactions, cash placements and investments with licensed financial institutions. SOCSO manages its credit risk by continuously monitoring the financial standing and credit worthiness of relevant parties to preserve its interest in the transaction involved.

**d) Liquidity and Cash Flow Risk**

Liquidity and cash flow risk occurs when funds needed are inadequate to meet financial commitments as and when they fall due. SOCSO monitors the projected cash outflows and inflows at all times to ensure that its financial position remain steadfast with ample liquidity. In addition, SOCSO also ensure its assets liquidity level is sufficient and readily available upon needed by placement of a certain sum of cash and liquidable deposits at licensed financial institutions based on the estimated financial commitments that will due for settlement.

**e) Risiko Pelaburan**

Risiko pelaburan adalah risiko di mana pelaburan yang tidak dapat memberi kadar pulangan yang dijangkakan dan termasuk keadaan di mana kemungkinan kehilangan sebahagian atau kesemua amaun yang dilaburkan. Pendedahan PERKESO kepada risiko pelaburan dikawal dengan pematuhan berterusan terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 serta Dasar dan Garis Panduan Pelaburan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

**f) Risiko Operasi**

Risiko operasi merupakan risiko kerugian yang wujud berikutan kegagalan dalam proses kawalan dalaman organisasi. Pendekatan pengurusan risiko operasi yang terancang dan konsisten diguna pakai PERKESO bagi menajar strategi, polisi, proses, teknologi dan peningkatan pengetahuan di kalangan anggota bertujuan mewujudkan nilai tambah dan penambahbaikan berterusan terhadap proses kerja di samping mengamalkan urus tadbir korporat yang baik bertujuan memastikan kawalan dalaman yang menyeluruh dilaksanakan.

**e) Investment Risk**

Investment risk is the risk of investment fails to deliver the expected rate of returns, including the possible risk of losing partially or the entire amount invested. SOCSO's exposure to investment risk is mitigated by continuous compliance to the Employees' Social Security Act 1969 and Investment Policies and Guidelines as set out by the Ministry of Finance from time to time.

**f) Operational Risk**

Operational risk is the risk of losses that exists due to the failure of organisation's internal control processes. Therefore, operational risk management approach is planned and consistently adopted by SOCSO to align its strategies, policies, processes, technologies and enhancing knowledge among its staff to create value add and continuous improvement of work processes in addition to practicing good corporate governance to ensure the implementation of comprehensive internal control.

**3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING**

**3.1 Asas Perakaunan**

Penyata Kewangan PERKESO yang ditunjukkan di muka surat 171 hingga 177 telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah dan mematuhi keperluan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia untuk diguna pakai oleh entiti persendirian ("PERS") sepertimana dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007.

**3. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES**

**3.1 Basis of Accounting**

The SOCSO Financial Statements presented on pages 171 to 177 have been prepared in accordance with the historical cost convention and comply with the approved accounting standards of the Malaysian Accounting Standards Board to be adopted by private entities ("PERS") as stated in the Treasury Circular No. 4 Year 2007.

**3.2 Harta Tanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai**

- a) Harta Tanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan rugi penjejasan nilai. Kerja dalam pembinaan dinyatakan pada kos dan akan dipindahkan ke Harta Tanah, Loji dan Peralatan setelah aset telah siap untuk digunakan. Tanah milik bebas dan kerja dalam pembinaan tidak disusut nilai. Harta Tanah, Loji dan Peralatan yang lain disusut nilai mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat kegunaannya pada kadar berikut:

	2012	2011
Tanah Pajakan / <i>Leasehold Land</i>	Baki Tempoh Pajakan <i>Remaining Leasehold Period</i>	Baki Tempoh Pajakan <i>Remaining Leasehold Period</i>
Bangunan Pejabat / <i>Office Buildings</i>	2 %	2 %
Kenderaan Bermotor / <i>Motor Vehicles</i>	20 %	20 %
Komputer Peribadi / <i>Personal Computers</i>	33 1/3 %	33 1/3 %
Peralatan Komputer / <i>Computer Equipment</i>	20 %	20 %
Peralatan Pejabat / <i>Office Equipment</i>	10 % - 20 %	10 % - 20 %
Ubah Suai Pejabat / <i>Office Renovations</i>	33 1/3 %	33 1/3 %

- b) Peralatan Pejabat dan Komputer yang diperolehi pada kos yang kurang daripada RM1,000 seunit dan tidak memerlukan kepada penyelenggaraan berjadual disusutnilai sepenuhnya pada tahun perolehan dan dicajkan sebagai aset yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Pendapatan.
- c) Penilaian semula ke atas harta tanah yang terdiri daripada tanah dan bangunan dilaksanakan bagi setiap tempoh lima (5) tahun atau pada tempoh yang lebih pendek apabila nilai saksama ke atas tanah yang dinilai semula dijangka menunjukkan perbezaan yang ketara dengan nilai dibawa harta tanah berkaitan.

**3.2 Property, Plant and Equipment, and Depreciation**

- a) Property, Plant and Equipment are stated at cost less accumulated depreciation and impairment losses. Work in progress is stated at cost and will be transferred to Property, Plant and Equipment when the asset is ready for use. Freehold property and work in progress are not depreciated. Other Property, Plant and Equipment are depreciated on a straight line basis based on their estimated useful lives at the following rates:

- b) Office and computer equipment acquired at a cost less than RM1,000 per unit and which do not require a scheduled maintenance are fully depreciated in the year of acquisition and charged as non-capitalised asset in the Income Statement.
- c) Revaluation of properties consisting of land and buildings are carried out every five (5) years or at shorter intervals whenever the fair value of the land being revalued is expected to be significantly different from the carrying amount of respective properties.

- d) Semakan dibuat ke atas amaun dibawa bagi harta tanah untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset telah mengalami rugi penjejasan nilai. Sekiranya petunjuk sedemikian wujud, rugi penjejasan nilai dikira dengan membandingkan amaun dibawa bagi harta tanah dengan nilai penilaian harta tanah dalam tahun semasa. Pembalikan akan dibuat ke atas rugi terjejas yang diiktiraf dalam sesuatu tahun apabila terdapatnya petunjuk bahawa rugi penjejasan nilai yang diiktiraf bagi harta tanah berkaitan tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Rugi penjejasan nilai diperuntukkan sekiranya nilai dibawa aset melebihi nilai boleh pulihnya seperti dinyatakan di Nota 3.12.
- e) Keuntungan atau kerugian pelupusan Harta Tanah, Loji dan Peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset berkenaan dan perbezaan tersebut diiktiraf terus di dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh ianya dilupuskan.

- d) A review is carried out on the carrying amount of properties to determine whether there are any indications that an asset has suffered from an impairment loss. If such indications exist, impairment loss is calculated by comparing the carrying amount of the property with the valuation amount of the property in the current year. A reversal on impairment loss recognised in a particular year is made when there are indications that impairment loss recognised for the respective properties are no longer exist or have decreased. Impairment loss is provided if the carrying amount of asset exceeds its recoverable amount as stated in Note 3.12.
- e) Gains or losses on the disposal of Property, Plant and Equipment are determined by comparing the net proceeds from the disposal with the carrying amount of the asset and the difference is immediately recognised in the Income Statement in the period they are disposed.

**3.3 Asas Penilaian Pelaburan**

Pelaburan PERKESO dalam instrumen kewangan terdiri daripada pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan, Sekuriti Hutang Korporat, Saham Tersiar Harga dan dalam dana yang diurus oleh Pengurus Portfolio.

- a) Sekuriti Kerajaan dan Sekuriti Hutang Korporat serta lain-lain sekuriti bon dinyatakan pada nilai kos dan diselaraskan dengan pelunasan premium dan diskaun berdasarkan kadar faedah efektif dari tarikh pembelian hingga ke tarikh matang. Peruntukan bagi penjejasan nilai pelaburan bagi sekuriti berkenaan dibuat sekiranya Panel Pelaburan PERKESO berpendapat bahawa ianya perlu diperuntukkan.

**3.3 Basis of Investment Valuation**

SOCSO's investments in financial instruments consist of investment in Government Securities, Corporate Debt Securities, Quoted Shares and in the funds managed by Portfolio Managers.

- a) Government Securities, Corporate Debt Securities and other bond securities are stated at cost and adjusted for amortisation of premiums and discounts based on the effective interest rate from the date of purchase to the date of maturity. The provision for impairment of investment securities is made if SOCSO's Investment Panel is in the opinion that it should be properly accounted for.

- b) Pelaburan dalam Saham Tersiar Harga adalah dinyatakan pada nilai kos atau nilai pasaran, yang mana terendah pada akhir tahun kewangan. Nilai kos ditentukan berdasarkan kos belian saham manakala harga pasaran adalah berdasarkan pada harga penutup saham pada tarikh Lembaran Imbangan.

Peruntukan bagi rosot nilai pelaburan saham yang belum direalis akan dibuat berdasarkan nilai agregat portfolio saham terhadap perbezaan di antara nilai kos saham dan harga pasaran saham, yang mana terendah pada tarikh Lembaran Imbangan berdasarkan piawaian perakaunan IAS 25. Sekiranya harga pasaran saham lebih tinggi daripada nilai kos saham pada tahun berikutnya atau pada tarikh jualan berikutnya, maka sebarang kerugian belum direalis tersebut akan diselaraskan sebagai pembalikan peruntukan rosot nilai, terhad kepada amaun yang telah diperuntukkan sebelumnya.

### 3.4 Pengiktirafan Pendapatan

- a) Caruman diiktiraf atas dasar terimaan tunai yang diubah suai (*modified cash basis*).
- b) Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) diiktiraf pada asas terimaan tunai.
- c) Faedah atas Sekuriti Kerajaan, Sekuriti Hutang Korporat, Simpanan Tetap dan Deposit Jangka Pendek diiktiraf mengikut asas akruan dengan mengambil kira kadar faedah efektif, di mana perlu.
- d) Dividen pelaburan saham diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran dividen telah dapat dipastikan.

- b) Investment in Quoted Shares are stated at cost or market value, whichever is lower at the end of the financial year. The cost is determined based on the purchase cost of shares while the market price is based on the closing price of shares at the Balance Sheet date.

Provision for diminution in value of unrealised investment in shares will be made based on the aggregate value of shares portfolio for the difference between the cost of shares and shares market price, whichever is lower at the Balance Sheet date based on the accounting standard IAS 25. If the market price of the shares is higher than the cost of shares in the subsequent year or on the subsequent sales date, any unrealised loss will be adjusted as reversal of the provision, but limited to the amount which has been provided earlier.

### 3.4 Revenue Recognition

- a) Contributions are recognised on modified cash basis.
- b) Interest on Late Contributions (ILC) is recognised on cash basis.
- c) Interest on Government Securities, Corporate Debt Securities, Fixed Deposits and Short Term Deposits are recognised according to accrual basis taking into account the effective interest rate, where applicable.
- d) Dividends from investment in shares are recognised when the shareholders' right to receive payment of dividend have been established.

- e) Faedah di atas Pinjaman Pendidikan diiktiraf mengikut asas akruan berdasarkan kaedah baki berkurangan (*"reducing balance method"*).
- f) Pendapatan sewa ruang pejabat diiktiraf mengikut asas akruan berdasarkan perjanjian sewaan yang masih berkuat kuasa.
- g) Kompaun diakaunkan secara tunai dalam tahun ianya diterima.

### 3.5 Geran Kerajaan

Geran yang diterima daripada kerajaan merupakan geran berbentuk tunai dan hanya akan diiktiraf pada nilai saksama apabila hak terhadap penerimaan geran tersebut telah dikenalpasti dan PERKESO memenuhi segala syarat yang disertakan bersama geran tersebut.

Geran kerajaan yang berkaitan dengan kos akan ditunda dan diiktiraf dalam penyata pendapatan ke atas tempoh dikehendaki untuk dipadankan dengan kos yang hendak dibayar balik.

### 3.6 Pinjaman Anggota

Pinjaman anggota PERKESO dinyatakan pada kos dan pembayaran balik pinjaman oleh anggota adalah menerusi skim potongan gaji. Baki pinjaman akan diselaraskan nilainya sekiranya Lembaga PERKESO berpendapat bahawa peruntukan hutang ragu perlu dibuat terhadap ansuran pinjaman yang tertunggak atau tidak berbayar.

Terdapat 3 jenis skim pinjaman yang ditawarkan kepada anggota PERKESO pada kadar caj perkhidmatan yang diluluskan oleh Lembaga PERKESO berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana berikut:

- e) Interest on Education Loan is recognised on accrual basis based on reducing balance method.
- f) Interest from rental of office space is recognised on accrual basis based on enforceable rental agreement.
- g) Compounds are accounted for on cash basis in the year they are received.

### 3.5 Government Grant

Grant received from government represents grant received in cash form and will only be recognised at fair value when the right to receive this grant has been identified and that SOCSO fulfills all the conditions attached to the grant.

Government grant relating to costs are deferred and recognised in the income statement over the period required to be matched with the repayment costs.

### 3.6 Staff Loan

SOCSO's staff loans are stated at cost and repayment of loan by employees is via salary deduction scheme. The value of loan balances will be adjusted if the Board of SOCSO is in the opinion that provision for doubtful debts has to be made against the outstanding or unpaid loan installment.

There are 3 types of loan scheme offered to SOCSO's staff at service charge rates approved by the Board of SOCSO based on terms and conditions of service as follows:

- (a) Pinjaman Perumahan
- (b) Pinjaman Kenderaan
- (c) Pendahuluan Komputer

Dana yang digunakan untuk membiayai pinjaman ini diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Keselamatan Sosial. Tahap peruntukan dana daripada Kumpulan Wang Keselamatan Sosial ini adalah tertakluk kepada had amaun yang diluluskan oleh Lembaga PERKESO.

### 3.7 Tabung Pinjaman Pendidikan PERKESO

Tabung Pinjaman Pendidikan PERKESO merupakan satu kemudahan pendidikan dalam bentuk pinjaman atau biasiswa kepada anak tanggungan seseorang berinsurans yang menerima bayaran faedah secara berkala, yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh PERKESO bagi mengikuti pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi di Malaysia. Faedah ini termaktub di dalam peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 57A, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Dana yang digunakan adalah diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Keselamatan Sosial secara berperingkat-peringkat berdasarkan permohonan-permohonan pinjaman pendidikan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pinjaman Pendidikan PERKESO.

Pinjaman ini dinyatakan pada kos dan tertakluk kepada caj perkhidmatan serta terma-terma dan syarat-syarat perjanjian yang telah dipersetujui bersama di antara PERKESO dan peminjam serta penjamin pinjaman. Baki pinjaman akan diselaraskan nilainya sekiranya Lembaga PERKESO berpendapat bahawa peruntukan hutang ragu atau hapus kira perlu dibuat terhadap baki pinjaman yang tidak dibayar dan amaun pinjaman yang ditukar statusnya kepada biasiswa.

- (a) Housing Loan
- (b) Vehicle Loan
- (c) Computer Advances

The fund used to finance these loans is allocated from the Social Security Fund. The level of fund allocation from the Social Security Fund is subject to the amount limits approved by the Board of SOCSO.

### 3.7 SOCSO's Education Loan Fund

SOCSO's Education Loan Fund is an educational facility provided in the form of loans or scholarships to dependants of an insured person receiving periodical benefit payments, who fulfill the eligibility conditions as set out by SOCSO, to study at any institutions of higher learning in Malaysia. This benefit is embodied in the provisions of the law under Section 57A, Employees' Social Security Act 1969.

The fund is allocated from the Social Security Fund, disbursed in stages based on applications that have been approved by the SOCSO's Education Loan Committee.

This loan is stated at cost and subject to service charges and terms and conditions mutually agreed between SOCSO, the borrowers and the guarantors. The value of loan balances will be adjusted if the Board of SOCSO is in the opinion that provision for doubtful debts or write-off should be made for unpaid loan balances and the amount of loan converted into scholarship.

### 3.8 Pelbagai Penghutang

Pelbagai penghutang dinyatakan pada kos selepas ditolak peruntukan hutang ragu sekiranya Lembaga PERKESO berpendapat bahawa peruntukan hutang ragu perlu dibuat terhadap baki penghutang yang tidak berbayar dan hutang ragu dihapus kira setelah dikaji dan dikenal pasti secara spesifik pada tarikh Lembaran Imbangan.

### 3.9 Peruntukan Bagi Manfaat Anggota

#### a) Manfaat Jangka Pendek

Gaji, bonus dan caruman PERKESO diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh anggota manakala ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran anggota untuk bekerja berlaku.

#### b) Pelan Caruman Tetap

Caruman dibuat kepada institusi simpanan pekerja bagi pekerja yang memilih faedah simpanan pekerja atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi pekerja yang diletakkan di dalam skim pencen. Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja.

#### c) Manfaat Jangka Panjang

Manfaat pekerja jangka panjang merupakan faedah perubatan pesara serta orang tanggungan pesara yang layak dan dibayar selepas anggota bersara daripada perkhidmatan PERKESO. Faedah perubatan ini diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun ianya dibayar.

### 3.8 Sundry Debtors

Sundry debtors are stated at cost less provision for doubtful debts if the Board of SOCSO is in the opinion that the provision for doubtful debts should be made for unpaid balances of debtors and doubtful debts are written off after being reviewed and specifically identified at the Balance Sheet date.

### 3.9 Provision for Staff Benefits

#### a) Short Term Benefits

Salaries, bonuses and SOCSO contributions are recognised as expenses in the year services are rendered by employees. Short term accumulated paid leaves such as annual leave are recognised when the staff rendered their services while short term non-cumulative paid leaves such as sick leave are recognised when the absence of staff from work occurs.

#### b) Fixed Contribution Plans

Contributions are made to the employees provident fund for employees who opted for employees saving benefit or the Government Pension Trust Fund for employees who fall under the pension scheme. The contributions are recognised as expenses in the year services are rendered by employees.

#### c) Long Term Benefits

Long term employee benefits are the medical benefits for retirees and their eligible dependants, that are paid after they retire from SOCSO. This medical benefits are recognised as expenses during the year they are paid.

### 3.10 Agihan Pendapatan Bersih

Pendapatan Bersih tahun semasa daripada Kumpulan Wang Keselamatan Sosial diagih seperti berikut:

- a) Rizab Teknikal yang merupakan tanggungan aktuari iaitu nilai modal dianggarkan atas bayaran pencen (*estimated capitalised value of pension awards*) untuk Faedah Orang Tanggungan dan Faedah Hilang Upaya Kekal bagi kes-kes Bencana Kerja dan Pencen Penakat bagi kes Skim Pencen Ilat yang telah diluluskan dan dibayar pada tarikh Lembaran Imbangan. Tiada peruntukan dibuat bagi kes-kes Bencana Kerja yang telah dilaporkan tetapi belum dibayar pada tarikh tersebut.
- b) Rizab Luar Jangka mempunyai amaun yang bersamaan dengan 6 bulan perbelanjaan atas faedah termasuk nilai modal atas bayaran pencen (*capitalised value of pension awards*) purata bagi 3 tahun berturut-turut termasuk tahun yang berkenaan untuk memenuhi turun naik rambang dalam perbelanjaan tersebut dalam sesuatu tahun.
- c) Rizab Bebas mengandungi baki dalam Kumpulan Wang tersebut setelah ditolak peruntukan Rizab Teknikal dan Rizab Luar Jangka pada tarikh Lembaran Imbangan.

### 3.11 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, tunai di bank, deposit serta pelaburan jangka pendek lain yang mempunyai kecairan tinggi yang sedia ditukar kepada tunai dan tidak tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang signifikan.

### 3.10 Distribution of Net Income

Net Income for the year from Social Security Fund is distributed as follows:

- a) Technical Reserve is an actuarial liability, that is the estimated capitalised value of pension awards for Dependents' Benefit and Permanent Disablement Benefit for cases of Employment Injury and Survivors' Pension for Invalidity Pension Scheme approved and paid at the Balance Sheet date. No provision is made for cases of Employment Injury reported but not yet paid on that date.
- b) Contingency Reserve represents an amount equivalent to 6 months of expenses on benefits including capitalised value of pension awards an average for 3 consecutive years including that particular year to meet random fluctuations in expenses for a particular year.
- c) Free Reserve consists the balance of the SOCSO Fund after deducting Technical Reserve and Contingency Reserve at the Balance Sheet date.

### 3.11 Cash and Cash Equivalents

Cash and cash equivalents consist of cash in hand, cash in bank, deposits and other short term investments with high liquidity that are readily convertible into cash and not subject to the risk of significant change in value.

### 3.12 Penjejasan Nilai Aset

Nilai amaun yang dibawa oleh aset dikaji semula pada setiap tarikh Lembaran Imbangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk terhadap penjejasan nilainya. Sekiranya petunjuk berkenaan wujud, amaun boleh pulih aset dianggarkan. Rugi penjejasan nilai diiktiraf apabila amaun dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya. Rugi penjejasan nilai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dengan serta-merta.

Peningkatan berikutnya di dalam amaun boleh pulih aset diolah sebagai pembalikan bagi penjejasan nilai yang sebelumnya dan diiktiraf setakat amaun dibawa aset boleh ditentukan (setelah ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada rugi penjejasan nilai diiktiraf. Pembalikan ini diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dengan serta-merta.

### 3.13 Pertukaran Mata Wang Asing

- a) Penyata Kewangan PERKESO dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang fungsian yang utama dalam persekitaran ekonomi di mana PERKESO beroperasi.
- b) Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan ke dalam mata wang fungsian dengan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga dijalankan. Manakala item kewangan yang didominasi dalam mata wang asing ditranslasikan ke mata wang fungsian dengan menggunakan kadar pertukaran penutup pada tarikh Lembaran Imbangan. Perbezaan kadar pertukaran mata wang berikutan realisasi item kewangan dan translasi item kewangan pada tarikh Lembaran Imbangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

### 3.12 Impairment of Asset

The value of carrying amount of assets are reviewed at each Balance Sheet date to determine whether there is any indication of impairment in value. If such indication exists, the assets recoverable amount is estimated. Impairment loss is recognised when the carrying amount of asset exceeds its recoverable amount. Impairment loss is immediately recognised in the Income Statement.

Subsequent increase in the recoverable amount of the asset is considered as a reversal of the previous impairment and is recognised limited to the determinable carrying amount of the asset (after deducting amortisation and depreciation) if there is no impairment loss recognised. This reversal is immediately recognised in the Income Statement.

### 3.13 Foreign Currency Exchange

- a) SOCSO's Financial Statement is presented in Ringgit Malaysia (RM), which is the main functional currency in the economic environment where SOCSO is operating.
- b) Transactions in foreign currency are translated into the functional currency using the exchange rates at the dates of transactions. While monetary items denominated in foreign currencies are translated into the functional currency using the closing exchange rates at the Balance Sheet date. Exchange rate differences due to realisation of monetary items and translation of monetary items at the Balance Sheet date are recognised in the Income Statement.

#### 4. KEMUNGKINAN LUAR JANGKA

##### 4.1 Liabiliti Kemungkinan Luar Jangka

###### a) Kes Rayuan Faedah di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan

Perbicaraan masih berlangsung di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan bagi kes tuntutan rayuan daripada orang berinsurans (OB) dan PERKESO yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) melibatkan tuntutan bayaran faedah berjumlah RM1,253,709.

##### 4.2 Aset Kemungkinan Luar Jangka

PERKESO mempunyai beberapa aset kemungkinan luar jangka yang merupakan tuntutan PERKESO terhadap majikan seperti berikut:

	RM
(i) Tuntutan PERKESO terhadap majikan yang gagal menjelaskan tunggakan caruman. <i>(i) SOCSO's claims against employers who fail to settle contribution in arrears.</i>	2,976,868
(ii) Tuntutan PERKESO terhadap majikan yang gagal menjelaskan FCLB. <i>(ii) SOCSO's claims against employers who fail to settle ILC.</i>	636,957

#### 4. CONTINGENCIES

##### 4.1 Contingent Liabilities

###### a) Appeal Cases for Benefit Payments in the High Court and Court of Appeal

Proceedings are still ongoing at the High Court and Court of Appeal in appeal cases lodged by Insured Persons and SOCSO over discontentment with Social Security Appellate Board's decisions involving benefit payments amounting to RM1,253,709.

##### 4.2 Contingent Assets

SOCSO has several contingent assets which represent SOCSO's claims against employers as follows:

#### 5. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN / PROPERTY, PLANT AND EQUIPMENT

##### 5.1 Butiran Harta Tanah, Loji dan Peralatan – RM515,410,827 / Details of Property, Plant and Equipment – RM515,410,827

2012	Tanah Pejabat Office Land	Bangunan Pejabat Office Buildings	Peralatan Pejabat Office Equipment	Peralatan Komputer Computer Equipment	Komputer Peribadi Personal Computers	Kenderaan Bermotor Motor Vehicles	Ubah Suai Pejabat Office Renovations	Alat Data Entri Data Entry Equipment	Jumlah Total
Kos / Cost	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1.1.2012 / As at 1.1.2012	113,340,688	457,007,607	9,833,894	117,322,268	5,349,192	12,821,299	11,859,271	1	727,534,220
Perolehan bagi Tahun Kewangan Acquisition for the Financial Year	-	-	867,788	3,961,122	60,956	538,930	3,591,771	-	9,020,567
Pindahan daripada Kerja Dalam Pembinaan Transfer from Work In Progress	-	-	-	12,188,935	-	-	1,384,356	-	13,573,291
Pelarasan/Pelupusan/Hapus Kira Adjustment/Disposal/Write-off	(859,000)	1,251,115	(1,411,745)	(2,888)	(2,212)	(414,444)	(188,800)	-	(1,627,974)
Pada 31.12.2012 / As at 31.12.2012	112,481,688	458,258,722	9,289,937	133,469,437	5,407,936	12,945,785	16,646,598	1	748,500,104
<b>Susut Nilai Terkumpul</b> <i>Accumulated Depreciation</i>									
Pada 1.1.2012 / As at 1.1.2012	3,371,149	75,017,419	7,245,727	105,042,783	3,876,421	9,632,130	8,767,386	-	212,953,015
Susut Nilai bagi Tahun Kewangan Depreciation for the Financial Year	874,419	9,220,140	870,672	7,437,691	559,157	964,775	2,579,188	-	22,506,042
Pelarasan/Pelupusan/Hapus Kira Adjustment/Disposal/Write-off	(501,138)	(89,851)	(1,349,012)	(2,788)	(45)	(409,362)	(17,584)	-	(2,369,780)
Pada 31.12.2012 / As at 31.12.2012	3,744,430	84,147,708	6,767,387	112,477,686	4,435,533	10,187,543	11,328,990	-	233,089,277
<b>Nilai Dibawa Pada 31.12.2012</b> <i>Carrying Amount As At 31.12.2012</i>	<b>108,737,258</b>	<b>374,111,014</b>	<b>2,522,550</b>	<b>20,991,751</b>	<b>972,403</b>	<b>2,758,242</b>	<b>5,317,608</b>	<b>1</b>	<b>515,410,827</b>

**5. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN / PROPERTY, PLANT AND EQUIPMENT**

**5.1 Butiran Harta Tanah, Loji dan Peralatan – RM515,410,827 / Details of Property, Plant and Equipment – RM515,410,827**

	2011	Tanah Pejabat Office Land	Bangunan Pejabat Buildings	Peralatan Pejabat Office Equipment	Peralatan Komputer Computer Equipment	Komputer Peribadi Personal Computers	Kenderaan Bermotor Motor Vehicles	Ubah Suai Pejabat Office Renovations	Alat Data Entri Data Entry Equipment	Jumlah Total
Kos / Cost	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1.1.2011 / As at 1.1.2011	113,340,688	454,846,879	8,709,472	112,808,477	7,348,559	11,214,973	29,445,711	1	737,714,760	
Perolehan bagi Tahun Kewangan Acquisition for the Financial Year	-	-	1,186,251	4,510,903	1,388,208	2,507,449	277,885	-	9,870,696	
Pindahan daripada Kerja Dalam Pembinaan Transfer from Work In Progress	-	-	-	-	-	-	1,314,873	-	1,314,873	
Pelarasan/Pelupusan/Hapus Kira Adjustment/Disposal/Write-off	-	2,160,728	(61,829)	2,888	(3,387,575)	(901,123)	(19,179,198)	-	(21,366,109)	
Pada 31.12.2011 / As at 31.12.2011	113,340,688	457,007,607	9,833,894	117,322,268	5,349,192	12,821,299	11,859,271	1	727,534,220	
<b>Susut Nilai Berkumpul</b> <b>Accumulated Depreciation</b>										
Pada 1.1.2011 / As at 1.1.2011	3,297,053	44,844,051	6,473,615	98,939,526	5,990,195	9,206,188	25,027,977	-	193,778,605	
Susut Nilai bagi Tahun Kewangan Depreciation for the Financial Year	494,427	9,286,725	829,684	6,100,469	1,273,093	1,327,058	2,685,224	-	21,996,680	
Pelarasan/Pelupusan/Hapus Kira Adjustment/Disposal/Write-off	(420,331)	20,886,643	-	-	-	-	-	-	20,466,312	
Pada 31.12.2011 / As at 31.12.2011	3,371,149	75,017,419	7,245,727	105,042,783	3,876,421	9,632,130	8,767,386	-	(23,288,582)	
<b>Nilai Dibawa Pada 31.12.2011</b> <b>Carrying Amount As at 31.12.2011</b>	<b>109,969,539</b>	<b>381,990,188</b>	<b>2,588,167</b>	<b>12,279,485</b>	<b>1,472,771</b>	<b>3,189,169</b>	<b>3,091,885</b>	<b>1</b>	<b>514,581,205</b>	

**6. KERJA DALAM PEMBINAAN – RM120,984,330**  
**WORK IN PROGRESS – RM120,984,330**

	2012	2011
	RM	RM
<b>6.1 Bangunan Pejabat / Office Buildings</b>		
Kos Pada 1 Januari / Cost As At 1 January	21,508,238	3,155,752
Tambah / Add: Perolehan Tahun Semasa / Acquisitions in the Current Year	73,392,636	18,352,486
Tolak / Less: Pindahan Kepada Harta Tanah, Loji dan Peralatan Transfer to Property, Plant and Equipment	-	-
Kos Pada 31 Disember / Cost As At 31 December	94,900,874	21,508,238
<b>6.2 Peralatan Komputer / Computer Equipment</b>		
Kos Pada 1 Januari / Cost As At 1 January	12,188,935	-
Tambah / Add: Perolehan Tahun Semasa / Acquisitions in the Current Year	21,699,693	12,188,935
Tolak / Less: Pindahan Kepada Harta Tanah, Loji dan Peralatan Transfer to Property, Plant and Equipment	(12,188,935)	-
Kos Pada 31 Disember / Cost As At 31 December	21,699,693	12,188,935
<b>6.3 Ubah Suai Pejabat / Office Renovations</b>		
Kos Pada 1 Januari / Cost As At 1 January	2,683,381	1,849,113
Tambah / Add: Perolehan Tahun Semasa / Acquisitions in the Current Year	3,084,738	2,149,141
Tolak / Less: Pindahan Kepada Harta Tanah, Loji dan Peralatan Transfer to Property, Plant and Equipment	(1,384,356)	(1,314,873)
Kos Pada 31 Disember / Cost As At 31 December	4,383,763	2,683,381
	<b>120,984,330</b>	<b>36,380,554</b>

**7. PELABURAN DALAM INSTRUMEN KEWANGAN – RM9,887,486,762**  
**INVESTMENT IN FINANCIAL INSTRUMENTS – RM9,887,486,762**

	2012	2011
	RM	RM
Pelaburan dalam Instrumen Kewangan / Investment in Financial Instruments	9,887,486,762	8,654,529,258

Jumlah pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan dan Sekuriti Hutang Korporat oleh Pengurusan PERKESO dan Pengurus Portfolio pada tarikh Lembaran Imbangan adalah seperti berikut:

Total investments in Government Securities and Corporate Debt Securities managed by SOCSO's Management and Portfolio Managers at the Balance Sheet date are as follows:

	2012	2011
	RM	RM
<b>7.1 Pengurusan PERKESO / SOCSO's Management</b>		
<b>a. Sekuriti Kerajaan / Government Securities</b>		
i. Sekuriti Kerajaan Malaysia / Malaysian Government Securities	2,854,062,414	3,197,305,056
ii. Terbitan Pelaburan Kerajaan / Government Investment Issues	4,538,112,798	4,396,538,152
iii. Pinjaman Jaminan Kerajaan / Government Guaranteed Loans	800,000,000	-
	8,192,175,212	7,593,843,208
<b>b. Sekuriti Hutang Korporat / Corporate Debt Securities</b>		
i. Sekuriti Hutang Swasta / Private Debt Securities	1,084,793,773	834,445,214
ii. Sekuriti Hutang Islamik / Islamic Debt Securities	430,104,651	398,852,740
	1,514,898,424	1,233,297,954
	9,707,073,636	8,827,141,162
<b>7.2 Pengurus Portfolio / Portfolio Managers</b>		
Pelaburan Dalam Sekuriti Bon / Investment in Bond Securities	831,110,556	829,345,323
<b>Tolak / Less:</b>		
Peruntukan Penjejasan Nilai Pelaburan Bon Provision for Impairment of Investment in Bonds	(5,525,167)	(6,654,962)
	825,585,389	822,690,361
	<b>10,532,659,025</b>	<b>9,649,831,523</b>
Struktur kematangan pelaburan dalam instrumen kewangan adalah seperti berikut: The maturity structure of the investment in financial instruments are as follows:		
i. Matang dalam tempoh 12 bulan (Nota 10.2) Maturing within 12 months (Note 10.2)	645,172,263	995,302,265
ii. Matang dalam tempoh melebihi 12 bulan Maturing after 12 months	9,887,486,762	8,654,529,258
	<b>10,532,659,025</b>	<b>9,649,831,523</b>

**8. PINJAMAN – RM61,300,510**  
**LOANS – RM61,300,510**

	2012	2011
	RM	RM
Pinjaman Anggota / Staff Loans	32,326,991	30,189,263
Tabung Pinjaman Pendidikan / Education Loan Fund	28,973,519	28,792,664
	<b>61,300,510</b>	<b>58,981,927</b>
<b>8.1 Pinjaman Anggota / Staff Loans</b>		
Pinjaman Perumahan / Housing Loan	27,740,752	25,435,954
Pinjaman Kenderaan / Vehicle Loan	4,474,934	4,614,779
Pendahuluan Komputer / Computer Advances	112,687	187,629
Pinjaman Perumahan Perbendaharaan / Treasury Housing Loan	60,385	92,244
	32,388,758	30,330,606
<b>8.2 Tabung Pinjaman Pendidikan / Education Loan Fund</b>		
Tabung Pinjaman Pendidikan / Education Loan Fund	30,081,415	29,833,634
<b>Tolak / Less:</b>		
Peruntukan Hutang Ragu / Provision for Doubtful Debts	(641,815)	(671,418)
Bayaran Balik Belum Dikenal Pasti / Unidentified Repayments	(117,830)	(120,121)
	29,321,770	29,042,095
	<b>61,710,528</b>	<b>59,372,701</b>
<b>Tolak / Less:</b>		
Matang dalam tempoh 12 bulan dan ditunjukkan dalam Pelbagai Penghutang (Nota 9.3) Maturing within 12 months and shown in Sundry Debtors (Note 9.3)		
<b>Pinjaman dan Pembiayaan Anggota / Staff Loans and Financing</b>		
Pinjaman Perumahan Perbendaharaan / Treasury Housing Loan	(4,627)	(9,017)
Pinjaman Kenderaan / Vehicle Loan	(24,996)	(60,350)
Pendahuluan Komputer / Computer Advances	(16,808)	(31,209)
Pinjaman Perumahan / Housing Loan	(15,336)	(40,767)
	(61,767)	(141,343)
<b>Tabung Pinjaman Pendidikan / Education Loan Fund</b>	(348,251)	(249,431)
	<b>(410,018)</b>	<b>(390,774)</b>
	<b>61,300,510</b>	<b>58,981,927</b>

Struktur kadar caj perkhidmatan setahun bagi pinjaman di atas adalah seperti berikut:  
The structure of service charge rates per annum for the above loans are as follows:

	2012	2011
	Kadar Setahun Rate Per Annum	Kadar Setahun Rate Per Annum
Tabung Pinjaman Pendidikan / <i>Education Loan Fund</i>	2 % dan 4 %	2 % dan 4 %
Pinjaman Perumahan / <i>Housing Loan</i>	4 %	4 %
Pinjaman Kenderaan / <i>Vehicle Loan</i>	0 % dan 4 %	0 % dan 4 %
Pendahuluan Komputer / <i>Computer Advances</i>	4 %	4 %
Pinjaman Perumahan Perbendaharaan / <i>Treasury Housing Loan</i>	4 %	4 %

Struktur kematangan baki pinjaman Pinjaman Anggota dan Tabung Pinjaman Pendidikan adalah seperti berikut:  
The maturity structure of Staff Loan and Education Loan Fund balances are as follows:

	2012	2011
	RM	RM
<b>Matang dalam tempoh 12 bulan / <i>Maturing within 12 months</i></b>		
i. Pinjaman dan Pembiayaan Anggota / <i>Staff Loan and Financing</i>	61,767	141,343
ii. Tabung Pinjaman Pendidikan / <i>Education Loan Fund</i>	348,251	249,431
	<b>410,018</b>	<b>390,774</b>
<b>Matang dalam tempoh melebihi 12 bulan <i>Maturing after 12 months</i></b>		
i. Pinjaman dan Pembiayaan Anggota / <i>Staff Loan and Financing</i>	32,326,991	30,189,263
ii. Tabung Pinjaman Pendidikan / <i>Education Loan Fund</i>	28,973,519	28,792,664
	<b>61,300,510</b>	<b>58,981,927</b>
	<b>61,710,528</b>	<b>59,372,701</b>

**9. PELBAGAI PENGHUTANG – RM116,773,558**  
**SUNDRY DEBTORS – RM116,773,558**

	2012	2011
	RM	RM
Faedah dan Dividen Terakru / <i>Accrued Interest and Dividends</i>	95,264,841	84,639,784
Penghutang dan Deposit / <i>Debtors and Deposits</i>	21,098,699	41,593,474
Pinjaman Anggota dan Tabung Pinjaman Pendidikan <i>Staff Loan and Education Loan Fund</i>	410,018	390,774
	<b>116,773,558</b>	<b>126,624,032</b>

	2012	2011
	RM	RM
9.1 Faedah dan Dividen Terakru / <i>Accrued Interest and Dividends</i>		
a) Pelaburan / <i>Investments</i>	95,174,704	84,539,368
b) Pinjaman Pendidikan PERKESO / <i>SOCSSO Education Loan</i>	242,619	276,519
<b>Tolak / Less:</b>		
Peruntukan Hutang Ragu / <i>Provision for Doubtful Debts</i>	(152,482)	(176,103)
	90,137	100,416
	<b>95,264,841</b>	<b>84,639,784</b>

	2012	2011
	RM	RM
<b>9.2 Penghutang dan Deposit / Debtors and Deposits</b>		
a. Tuntutan Bayaran Balik Cukai Pendapatan - LHDN <i>Claims for Income Tax Refund - IRB</i>	11,237,914	27,146,086
b. Bayaran Terdahulu dan Deposit / <i>Prepayments and Deposits</i>	866,053	1,527,694
c. Penghutang - Belanja Mengurus / <i>Debtors - Administrative Expenditure</i>	2,858,950	5,101,492
d. Penghutang - Belanja Tanggungan / <i>Debtors - Benefits Expenditure</i>	5,890,291	5,709,515
<b>Tolak / Less:</b> Peruntukan Hutang Ragu / <i>Provision for Doubtful Debts</i>	(2,020,963)	(2,071,379)
	3,869,328	3,638,136
e. Penghutang - Caruman / <i>Debtors - Contributions</i>	2,976,527	2,779,213
<b>Tolak / Less:</b> Peruntukan Hutang Ragu / <i>Provision for Doubtful Debts</i>	(1,220,815)	(989,499)
	1,755,712	1,789,714
f. Pelbagai Penghutang Jualan Saham / <i>Sundry Debtors from Sale of Shares</i>	-	1,900,818
g. Pendahuluan Diri / <i>Staff Advances</i>	510,742	472,291
h. Pelbagai / <i>Miscellaneous</i>	-	17,243
	21,098,699	41,593,474
<b>9.3 Pinjaman dan Pembiayaan Anggota dan Tabung Pinjaman Pendidikan yang matang dalam tempoh 12 bulan (Nota 8.2)</b> <i>Staff Loan and Financing and Education Loan Fund maturing within 12 months (Note 8.2)</i>	410,018	390,774
	116,773,558	126,624,032

**10. PELABURAN DALAM INSTRUMEN KEWANGAN - RM3,677,896,590**  
**INVESTMENT IN FINANCIAL INSTRUMENTS - 3,677,896,590**

	2012	2011
	RM	RM
Pelaburan dalam Instrumen Kewangan / <i>Investment in Financial Instruments</i>	3,677,896,590	3,815,025,957

	2012		2011	
	Kos/Nilai Buku <i>Cost/Book Value</i>	Nilai Pasaran <i>Market Value</i>	Kos/Nilai Buku <i>Cost/Book Value</i>	Nilai Pasaran <i>Market Value</i>
	RM	RM	RM	RM
<b>10.1 Saham Tersiar Harga / Quoted Shares</b>				
Pengurusan PERKESO <i>SOCSO's Management</i>	1,742,351,802	2,653,168,429	1,642,714,576	2,294,146,757
Pengurus Portfolio: <i>Portfolio Managers:</i>				
i. Pelaburan Dalam Malaysia <i>Investments In Malaysia</i>	1,126,992,339	1,225,373,854	1,012,886,325	1,073,312,746
<b>Tolak / Less:</b> Peruntukan Rosot Nilai Pelaburan <i>Provision for Impairment of Investment</i>	(1,173,184)		-	
	1,125,819,155		1,012,886,325	
ii. Pelaburan Luar Malaysia <i>Investment Outside Malaysia</i>	164,553,370	193,892,706	165,496,767	164,122,791
<b>Tolak / Less:</b> Peruntukan Rosot Nilai Pelaburan <i>Provision for Impairment of Investment</i>	-		(1,373,976)	
	164,553,370		164,122,791	
	1,290,372,525		1,177,009,116	
<b>10.2 Pelaburan dalam Instrumen Kewangan Yang Matang Dalam Tempoh 12 Bulan (Nota 7)</b> <i>Investment in Financial Instruments Maturing Within 12 Months (Note 7)</i>	645,172,263		995,302,265	
	3,677,896,590		3,815,025,957	

**11. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN - RM6,583,989,096**  
**DEPOSIT WITH LICENSED FINANCIAL INSTITUTIONS - RM6,583,989,096**

	2012	2011
	RM	RM
Simpanan Tetap / <i>Fixed Deposits</i>	650,000,000	620,000,000
Deposit Jangka Pendek (Nota *) / <i>Short Term Deposits (Note *)</i>	5,933,989,096	6,088,377,472
	6,583,989,096	6,708,377,472

Nota \*:  
Termasuk dalam Deposit Jangka Pendek adalah penempatan wang geran *Relief Fund* berserta terimaan faedah yang dilabur semula berjumlah RM55.29 juta (2011: RM53.58 juta).

Note\*:  
Included in Short Term Deposits is placement of Relief Fund grant and its reinvested interest receipts totaling RM55.29 million (2011: RM53.58 million).

Tempoh kematangan dan kadar faedah efektif setahun bagi penempatan deposit dengan institusi-institusi kewangan berlesen pada tarikh Lembaran Imbangan adalah seperti berikut:

Maturity period and effective interest rates per annum for placement of deposits with licensed financial institutions on the Balance Sheet date are as follows:

	Tempoh Matang <i>Maturity Period</i>	2012	
		Kadar Faedah Efektif Setahun <i>Effective Interest Rate per Annum</i>	RM
<b>Instrumen Kadar Tetap / Fixed Rate Instruments</b>			
Simpanan Tetap / <i>Fixed Deposits</i>	12 bulan / <i>months</i>	3.50%	350,000,000
Deposit Jangka Pendek / <i>Short Term Deposits</i>	7 - 35 hari / <i>days</i>	3.15% - 3.42%	3,865,289,096
<b>Instrumen Kadar Terapung / Floating Rate Instruments</b>			
Simpanan Tetap / <i>Fixed Deposits</i>	12 bulan / <i>months</i>	3.50% - 3.60%	300,000,000
Deposit Jangka Pendek / <i>Short Term Deposits</i>	31 - 35 hari / <i>days</i>	3.15% - 3.42%	2,068,700,000
			<b>6,583,989,096</b>

	Tempoh Matang <i>Maturity Period</i>	2011	
		Kadar Faedah Efektif Setahun <i>Effective Interest Rate per Annum</i>	RM
<b>Instrumen Kadar Tetap / Fixed Rate Instruments</b>			
Simpanan Tetap / <i>Fixed Deposits</i>	3 - 12 bulan / <i>months</i>	3.50% - 3.75%	400,000,000
Deposit Jangka Pendek / <i>Short Term Deposits</i>	15 hari / <i>days</i> - 1 bulan / <i>months</i>	3.30% - 3.45%	4,227,935,915
<b>Instrumen Kadar Terapung / Floating Rate Instruments</b>			
Simpanan Tetap / <i>Fixed Deposits</i>	3 - 12 bulan / <i>months</i>	3.50% - 3.75%	220,000,000
Deposit Jangka Pendek / <i>Short Term Deposits</i>	15 hari / <i>days</i> - 1 bulan / <i>months</i>	3.30% - 3.45%	1,860,441,557
			<b>6,708,377,472</b>

## 12. BAKI BANK DAN WANG TUNAI – RM41,870,037 BANK BALANCES AND CASH – RM41,870,037

	2012	2011
	RM	RM
Baki di Bank / <i>Bank Balances</i>	36,554,748	40,867,459
Wang Tunai di Tangan / <i>Cash in Hand</i>	5,315,289	4,131,681
	<b>41,870,037</b>	<b>44,999,140</b>

## 13. PENDAPATAN TERTUNDA PELABURAN DEFERRED INVESTMENT INCOME

	2012	2011
	RM	RM
Pendapatan Tertunda Pelaburan / <i>Deferred Investment Income</i>	-	1,129,795

Pendapatan Tertunda Pelaburan adalah merupakan sebahagian ganti rugi yang diperolehi PERKESO menerusi Pengurus Portfolio berikutan penjualan kilang dan tanah penerbit bon, Aldwich Berhad yang berjumlah RM21.09 juta bagi membayar pampasan kepada para pemegang bon Aldwich Berhad. Hasil jualan aset tersebut telah diagihkan kepada para pemegang bon pada tahun 2011 dengan syarat ianya perlu diserahkan kembali kepada pembeli aset berkenaan sekiranya penjualan tanah tersebut tidak mendapat kelulusan pindah milik daripada Kerajaan Negeri Terengganu. Pada tahun semasa, kelulusan pindah milik tanah telah diperolehi dan nilai buku bon serta peruntukan penjejasan nilai bon berkenaan telah diselaraskan sewajarnya.

Deferred Investment Income is part of compensation received by SOCSO through Portfolio Manager from sales of plant and land by bond issuer, Aldwich Berhad amounting to RM21.09 million in order to compensate bondholders. The sale proceeds of these assets were distributed to the bondholders in 2011 on condition that the proceeds be refunded to the buyer should the sale of the land failed to get approval for ownership transfer from the State Government of Terengganu. During the year, the transfer approval was granted and the bond's book value and provision for its impairment have been adjusted accordingly.

**14. PELBAGAI PEMIUTANG DAN PERBELANJAAN TERAKRU – RM85,618,997**  
**SUNDRY CREDITORS AND ACCRUED EXPENSES – RM85,618,997**

	2012	2011
	RM	RM
Akaun Kena Bayar / <i>Account Payables</i>	57,869,137	46,129,744
Cek Batal/Tamat Tempoh / <i>Cancelled/Expired Cheques</i>	5,829,150	4,412,462
